

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT KEDUA**

---

**SHAH ALAM, 16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.  
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

**TIDAK HADIR (Dengan Maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Puan Nurul Liana binti Musa  
**Pelapor Perbahasan**

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**Dewan dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Keempat Belas pada 16 Julai 2020 dimulakan dengan bacaan doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA** : Bacaan doa.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Salam sejahtera, selamat pagi. Soalan 44 dari Bandar Utama telah dijawab bersekali dengan soalan nombor 17. Saya menjemput Yang Berhormat Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker. Soalan saya nombor 45.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PERKHIDMATAN PEMBACA METER AIR SELANGOR DAN DISKAUN BIL AIR**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memohon penjelasan pihak Air Selangor kenapa tidak membuat bacaan meter air semasa PKP?
- b) Adakah pihak Air Selangor mahu menyelaraskan semula bil air dan memberi diskaun bil air bagi meringankan beban rakyat semasa PKP.

**JAWAPAN:**

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih pada Yang Berhormat Meru. Yang Berhormat Meru bertanyakan soalan mengenai, meminta penjelasan daripada pihak Air Selangor kenapa tidak membuat bacaan air, meter air semasa PKP. Dan juga minta menjelaskan adakah pihak Air Selangor mahu menyelaraskan semua bil dan memberikan diskaun bil air bagi meringankan beban rakyat semasa PKP.

Pengurusan Air Selangor mengambil pendekatan untuk tidak membuat bacaan meter semasa PKP sebagai langkah mencegah dan menjaga keselamatan kakitangannya daripada terdedah kepada jangkitan virus COVID 19. Hanya kakitangan yang benar-benar terlibat dengan pengagihan air sahaja dibenarkan bertugas di lapangan bagi memastikan perkhidmatan bekalan air kepada pelanggan tidak terjejas.

Air Selangor telah membuat pelarasan bil air bagi penggunaan semasa PKP bermula pada bulan Jun 2020 di mana pelarasan tersebut boleh dilihat oleh setiap pengguna di dalam bil air bulan Jun atau Julai 2020. Air Selangor membuat pelarasan berdasarkan kepada kaedah yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pada 31 Mei 2020 seperti berikut:

‘(i) iaitu apabila pembacaan meter sebenar dibuat pada bulan Mei 2020, ia hendaklah merangkumi tempoh bagi bulan Mac dan April 2020, di mana bacaan anggaran dibuat;’

Jumlah penggunaan air yang dicatat di perenggan (i) di atas diproratakan bagi tempoh yang dirangkumi iaitu bulan Mac, April dan Mei 2020 bagi mendapatkan jumlah penggunaan air purata bagi sebulan untuk di darab dengan kadar tarif mengikut jalur tarif dan seterusnya di darab balik dengan bilangan bulan yang terlibat.

Maksudnya pada tiga bulan ini, dikira bersama dan diambil puratanya, dan bil yang dah dibuat penyelarasan dikeluarkan pada bulan Jun 2020 baru-baru ini. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Dipersilakan Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan 46.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**TAJUK : NYAHWARTA HUTAN SIMPAN NEGERI SELANGOR**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan berapa jumlah hutan simpan kekal yang telah dinyahwarta pada tahun 2020.
- b) Di mana proses pendengaran awam berkenaan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan dan Hutan Simpan Bukit Lagong?
- c) Apa maklum balas terkini berkenaan pewartaan FRIM sebagai Tapak Dunia UNESCO?

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan. Yang pertama berdasarkan rekod, tiada kawasan hutan simpan kekal yang telah dinyahwarta pada tahun 2020.

Yang kedua, sehingga kini proses penyahwartaan sebahagian kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Lagong iaitu Kompartmen 19, seluas  $\pm$  28.3 hektar ataupun  $\pm$ 70 ekar, bagi tujuan pembangunan oleh PKNS, Spandlands Sdn. Bhd. telah pun di peringkat akhir pelaksanaannya.

Sebanyak dua sesi *town hall*, melibatkan sesi pagi dan sesi petang, telah pun dijalankan iaitu pada 18 Februari 2019, hari Isnin bertempat di Dewan Sri Kayangan, Kompleks Kediaman Pegawai Daerah Gombak. Sesi *town hall* ini telah pun dipengerusikan oleh saya, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna. Dan melibatkan ahli-ahli panel yang terdiri daripada agensi-agensi seperti PTG, PKNS, MPS, PBT, Gombak, JTPB, JMG, JKR, JAKOA, Perhilitan, UPEN, JPNS dan juga Pemaju. Berdasarkan kepada kaedah-kaedah Penyiasatan Awam Selangor 2014, Jawatankuasa Penyiasatan Awam akan mengadakan mesyuarat setelah *town hall* Meeting tersebut diadakan, bagi memuktamadkan syor-syor kepada MMKN, berdasarkan kepada laporan analisa bantahan yang telah diterima. Manakala bagi Hutan Simpan Kuala Langat Selatan, tiada proses pendengaran Awam dilaksanakan, kerana sehingga kini, hutan simpan tersebut belum terlibat dengan sebarang penyahwartaan.

Yang ketiga, berdasarkan maklumat daripada Jabatan Warisan Negara, status terkini bagi pewartaan FRIM, sebagai Tapak Warisan Dunia, adalah masih di peringkat proses

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

pencalonan. Dokumen tentatif *list* bagi tapak FRIM telah pun dihantar kepada pihak UNESCO pada 31 Januari 2017. Tentatif ini merupakan senarai menunggu yang perlu dihantar kepada pihak UNESCO sekurang-kurangnya setahun sebelum penghantaran dosis pencalonan yang lengkap. Buat masa kini, gerak kerja bagi penyediaan dosis pencalonan serta dokumen-dokumen lain berkaitan sedang giat dilaksanakan oleh pakar-pakar telah pun dilantik. Dokumen pencalonan tersebut dijangka akan dihantar kepada pihak UNESCO pada 2022. Sekian.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Soalan susulan.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Yang Berhormat Kajang kerana telah memberi sedikit maklum balas yang terkini tentang isu-isu hutan simpan di negeri Selangor. Saya ada satu soalan susulan iaitu berkenaan tentang Hutan Simpan Kuala Langat Selatan. Di mana tadi Yang Berhormat telah mengatakan tidak ada proses untuk menyahwarta keluar, gazet keluar Hutan Simpan tersebut. Jadi apa yang kita telah dengar kebelakangan ini adalah keseluruhan, hampir keseluruhan hutan simpan kekal tersebut akan di keluarkan untuk diberi kepada pemaju. Jadi saya '*little bit confuse*', dengan izin, apa telah terjadi kepada proses tersebut.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Lanjan. Saya rasa ada kesilapan sedikit pada ADUN Bukit Lanjan yang maksudkan itu bukan Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Selatan. Yang disebut itu Kuala Langat Utara. So, ada kesilapan. Saya tak ada jawapan tentang isu ini, berkaitan hubung isu ini.. Sekian.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, saya bertanyakan, adakah pencerobohan yang melibatkan kebakaran ataupun hutan yang tidak asli ini menjadi salah satu kriteria untuk dinyahwartakan. Kalau itu bukan kriterianya, apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memulihara dan memelihara hutan simpan di negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Saya tak pasti merujuk kepada hutan simpan yang mana satu.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Secara umum, kalau nak secara khusus adalah Hutan Simpan Kuala Langat Utara.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Umum, untuk makluman Yang Berhormat daripada Sijang Kang, hutan simpan kekal yang dimaksudkan itu biasanya hutan simpan Kuala Langat Selatan. Ia dicerobohi oleh petani-petani yang mengusaha, petani kontan yang begitu, lebih kurang, lebih 30 tahun. Sekarang Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, menyiapkan kertas untuk memutihkan petani-petani supaya mereka boleh teruskan untuk menanam sayuran mereka, dan *paper* ini tengah dalam proses akhir dan kita akan bantangkan kepada mesyuarat MTES yang akan datang, untuk kita teliti lebih halus tentang bagaimana kebenaran yang diberi dan juga penguatkuasaan selepas tempoh tamat. Sekian.

**Y.B. TUAN LAU WENG SIAN** : Ya, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya tertarik dengan jawapan berkenaan dengan keputusan untuk memberi permit kegunaan kepada para petani, yang bercucuk tanam di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan. Isu ini telah pun dibangkitkan pada akhir tahun 2019. Dan sekiranya masih tidak ada apa-apa jawapan dan sehinggalah ke sidang Dewan yang akan datang, genaplah satu tahun isu ini telah dibangkitkan tapi belum ada kata putus. Saya memohon apakah status sebenarnya. Apakah masalah yang masih membelenggu kertas kerja ini, sehingga ia masih belum dapat dimuktamadkan di MTES ataupun MMKN. Soalan saya.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Yang Berhormat Banting. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah pun membentangkan dua kali cadangan pemutihan kegunaan tanah di Hutan Simpan Kuala Selatan untuk petani-petani. Dan kedua-dua *paper*, kita telah pun buat *reject* sementara. Kerana kita perlu menghalusi, bagaimana, sebab kawasan yang terlibat sangat luas, yang jumlah petani ini lebih dari 400 lebih. Dan ia juga melibatkan orang asli. Kerana orang asli kebanyakan mereka menanam kelapa sawit. Bukan tanam kontan yang kita benarkan. Sebab itulah kita ada masalah tentang jumlah tahun yang perlu kita benarkan. Dan juga, bagaimana kita nak melaksanakan penguatkuasa selepas tempoh tahun itu tamat. So, kita masih menunggu kertas daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor tentang penguatkuasaan. Kita boleh bagi, bagi perlanjutan masa, tapi perlu ada satu tarikh kerana hutan itu merupakan simpan kekal. Sebenarnya tidak boleh digunakan untuk tujuan tanaman secara besar-besaran untuk tujuan komersial. Dan saya harap *paper* ini akan dibentangkan, akan diluluskan dalam tahun ini juga. So, target kita tahun ini. Sekian.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku.

**Y.B. PUAN JUWARIYA BINTI ZULKIFLI** : Tuan Speaker, saya menggunakan Peraturan Tetap 24(2) untuk mengambil soalan 47.

**TUAN SPEAKER** : Okay, saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PENJAJARAN SEMULA WIFI SMART SELANGOR BAGI PEMBELAJARAN  
DALAM TALIAN**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah strategi Kerajaan Negeri melalui Wifi Smart Selangor untuk memastikan pelajar yang menggunakan "online learning" tidak ketinggalan?

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Yang Berhormat daripada Jeram. Bukan Jeram. Bukit Melawati.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Melawati. Bukan Jeram. Jeram sana. Yang Berhormat, Jeram di sana, dia gaya bebas. Jeram, gaya bebas.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Bukit Melawati, bertanya tentang strategi Kerajaan Negeri melalui Wifi Smart Selangor untuk memastikan pelajar yang menggunakan "*online learning*" tidak ketinggalan. So, program Wifi Smart Selangor (WFS), disusun dan ditambah baik untuk memberi tumpuan kepada kluster pendidikan, kesihatan dan keagamaan dengan fokus kawasan luar bandar. Dan kumpulan sasaran adalah B40 dan juga M40 ke bawah. Penambahbaikan ini merangkumi peningkatan infrastruktur, penjimatan kelajuan kepada pengguna dan juga program-program tambah nilai. Dengan adanya perkhidmatan Wifi Smart Selangor di kawasan tumpuan ini, pelajar akan sentiasa dapat capaian ke internet untuk pelan "*online learning*" setiap hari dan tidak ketinggalan dalam mata pelajaran. Perkhidmatan Wifi Smart Selangor disediakan dengan kelajuan

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

minimum 4 MG, bagi setiap individual. Memastikan setiap lokasi pembelajaran dapat digunakan pakai secara optimum dan juga stabil. Tambahan juga, Smartsel sentiasa memantau semua *access point*, (AP) berada di dalam *mode active* bagi memastikan pelajar sentiasa berhubung semasa proses pembelajaran secara "*online learning*". Sekian.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Baru-baru ini kita mendapat satu pekeliling kepada ADUN-ADUN untuk menamakan beberapa lagi fokus atas sifat penjajaran semula Smart Selangorku. Saya berpandangan dengan taburan yang dahulu pun, dilihat sebagai tidak sekata, di setiap DUN-DUN. Saya, apakah pandangan kepada Yang Berhormat kalau kita serahkan pada satu badan yang profesional untuk menentukan *spot-spot* mana yang perlu diletakkan Wifi Selangorku ini, supaya ia dilihat menyeluruh. Kekhawatiran saya apabila keputusan mungkin adun buat ataupun saya lihat dia hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan yang tidak menyeluruh. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Sijangkang sebab itulah saya tadi menyebutkan Kerajaan Negeri sedang melalui Smartsel telah menyusun semula *access point* ini dimana kontrak bersama dengan TM telah pun tamat. Sebelum itu kita menyediakan sejumlah 3,810 *access point*. Sekarang kita nak buat penjajaran semula supaya lebih fokus ke tempat diluar bandar terutama di yang saya katakan cluster pendidikan, kesihatan dan keagamaan. Iaitu saya berharap Yang Berhormat jangan terkejut kalau ada tempat-tempat dimana *access point* telah dipindah ke tempat lain kerana kita akan menyusun semula dan kita fokus yang sebelum itu *access* itu kurang digunakan dan tidak dapat sambutan kita akan pindah ke tempat yang lebih mempunyai lebih ramai pengguna, terutama luar bandar.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Dia tak.. Belum jelas lagi jawapan, sebab saya menyatakan baru ini kita dah dapat surat dah untuk menamakan *point-point* tu. Saya kluatir nanti kalau disebutkan oleh Yang Berhormat, supaya.. dia akan ada satu pihak yang akan menentukan tempat dia *confuse* nanti.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Surat apa itu saya tak pasti

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Surat yang mengatakan surat minta daripada ADUN-ADUN untuk menamakan tempat-tempat.. apa ni *access point* ni.... *hot spot* untuk diserahkan...

**TUAN SPEAKER** : *Hot spot* jangan *confuse*..

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Jadi ..jadi saya *confuse*.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Sebab itu lah sebelum tu kita ada masalah kerana kita takde *consult* ADUN-ADUN berkenaan sekarang kita *consult* ADUN-ADUN untuk bagi nama tempat yang sesuai untuk kita pindah ataupun pemindahan *access point* ni. So, saya harap Yang Berhormat bagi kerjasama berikan tempat-tempat yang sesuai yang dimana kita nak tumpu kepada perumahan flat-flat kos rendah, untuk yang mereka berpendapatan B40 kebawah kita akan memberi tumpuan disana ya. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Soalan tambahan, habis. Seterusnya soalan 48 dari Yang Berhormat Taman Templer sudah dijawab bersekalian dengan soalan 21 ya. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Batang Kali.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker soalan saya yang bernombor 49.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : BANGUNAN TERBENGGKALAI**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi bangunan dan premis kerajaan yang terbiar usang khususnya di tepi jalan utama yang sedikit sebanyak mencacatkan pemandangan?
- b) Adakah ada bajet untuk proses baikpulih untuk memperindahkan kawasan ini kerana bangunan ini terletak di kawasan yang strategik?

**JAWAPAN :**

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR :** *Bismillah hirrahmannirrahim.* Terima kasih Batang Kali atas soalan yang telah dikemukakan untuk soalan (a) ataupun 49(a). Bangunan dan premis kerajaan yang terbiar dan adalah milik jabatan dan agensi yang bertanggungjawab. Dan jabatan dan agensi tersebut mempunyai perancangan untuk menjadikan sebagai kuarters, rumah kelab sukan dan kebajikan jabatan dan agensi. Sekiranya bangunan dan premis tersebut dipenuhi semak samun dan menyebabkan kacau ganggu, pihak Majlis akan mengeluarkan notis kepada pemilik premis bangunan-bangunan iaitu kepada agensi-agensi jabatan-jabatan yang terbabit yang bertanggungjawab terhadap premis-premis yang dikatakan terbiar dan tidak diuruskan.

Untuk soalan (b), setiap pembaikan penyelenggaraan bangunan bagi premis-premis tersebut akan datangnya daripada jabatan dan juga agensi terbabit dan ini adalah berdasarkan kepada rancangan tahunan ataupun perbelanjaan tahunan yang boleh dipohon kepada perbendaharaan sama ada diperingkat Persekutuan ataupun Negeri untuk menguruskan sesuatu premis ataupun penyelenggaraan suatu premis biasanya dalam tahun pertengahan tahun bulan 6 atau bulan 7 *budget vetting* telah dilakukan memang ini yang dilakukan. Biasanya untuk operasi ataupun untuk pengurusan sesuatu jabatan dan perkhidmatan terutamanya termasuk pengurusan terhadap aset-aset dan premis-premis terbabit. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Batang kali

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR** :Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Kuarters-kuarters yang berkenaan ini sudah lama terbiar jadi daripada 10 ataupun 15 tahun terutamanya di jalan masuk ke Dun Batang Kali di Kawasan Sungai Coh dan juga di Ulu Yam dimana kuarters-kuarters atau premis Kerajaan Persekutuan ini terbiar dipenuhi semak samun kemudian ianya pula kadang-kadang ada disalah gunakan selain daripada menjadi tempat pembiakan nyamuk juga. Juga digunakan sesetengah orang untuk tujuan yang tidak bermoral dan sebagainya. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR :** Terima kasih. Sekali lagi memang saya ingin tegaskan pihak jabatan dan agensi berkenanlah yang bertanggungjawab dan pihak Majlis Tempatan sebenarnya akan menghantar notis peringat termasuk mungkin boleh mendenda kepada unit-unit dan premis-premis yang tidak digunakan didapati telah menyebabkan penyebaran penyakit berjangkit seperti denggi dan beberapa perkara yang lain. *InsyaaAllah* saya cukup faham di kawasan daerah Hulu Selangor ada beberapa lokaliti-lokaliti itu dan harusnya Pihak Berkuasa Tempatan dan juga pihak Pejabat Tanah dapat melihat memang betul sebahagiannya Milik Perbandaran Tanah Persekutuan atau PTP dan itu kita tidak ada kuasa sebenar keatas tanah itu kecuali untuk mengingatkan

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

kepada jabatan yang berkenaan guna tanah dan juga keuzuran keadaan ditempat tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Panjang

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya nombor 50.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : GUGUSAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan ada menyediakan geran atau apa-apa bantuan khusus untuk petani yang ingin mengusahakan pertanian moden?
- b) Adakah Kerajaan sudah mengenalpasti lokasi-lokasi strategik dan sesuai untuk penanaman Tanaman Berpenghasilan Tinggi (High Value Crop) di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Panjang yang bertanyakan soalan berhubung usaha kerajaan. Adakah ada usaha kerajaan dalam menyediakan geran atau apa-apa bantuan khusus untuk petani yang ingin mengusahakan pertanian moden dan seterusnya juga bertanyakan mengenai lokasi-lokasi strategik dan yang sesuai untuk penanaman Tanaman Berpenghasilan Tinggi (*High Value Crop*) di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat mengenai aspek pertanian yang merupakan salah satu komponen penting dalam penyediaan sekuriti makanan di negeri ini. Dan oleh itu sentiasa memberi galakan kepada kalangan warga tani untuk menceburkan diri didalam sektor pertanian dan seterusnya menjadikannya sebagai sumber ekonomi tetap khususnya didalam projek-projek pertanian yang berpenghasilan tinggi malah dalam dasar dan juga teras kepada pertanian Negeri Selangor antaranya ialah memberi tumpuan kepada pertanian bernilai tinggi dan juga yang keduanya ialah pertanian moden atau yang mesra alam. Ini merupakan antara dua teras ataupun dasar pertanian negeri. Oleh itu

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

pengelibatn warga tani di semua peringkat umur memang diberi penekanan untuk tujuan ini. Dan kita telahpun memulakan sejak dua tahun sejak saya mengambil alih ini memberi tumpuan yang lebih khusus walaupun ada EXCO yang memulakan kerja-kerja ini saya telah memberikan perhatian khusus terutamanya pertanian moden. Dengan teknologi yang ada pada hari ni dia mampu memberikan kita pulangan yang lumayan jika diuruskan macam yang saya sebutkan semalam di atas tanah yang agak kecil.

Untuk tujuan itu, dibawah hub peruntukan Jawatankuasa Tetap Permodenan Pertanian Dan Asas Tani yang di uruskan oleh urusetiakan oleh UPEN setiap tahun kita memperuntukkan sekitar 2 Juta ringgit untuk tujuan ini. Dan juga untuk bantuan kepada warga tani kita dengan tumpuan kepada kali ini pada petanian moden. Ini juga tidak termasuk juga bantuan-bantuan atau geran lain untuk kita peruntukan melalui Jabatan Pertanian dan juga Jabatan Veterinar dan juga melalui PKPS ini juga adalah merupakan peruntukan yang hanya dibawah UPEN ye. Jadi apa yang saya nak tegaskan disini ialah bantuan kita ini bukan sahaja dalam bentuk kewangan bantuan kita dasarkan pada pengalaman-pengalaman untuk memastikan kejayaan program-program pertanian moden terutamanya. Memerlukan sistem mentoring yang bagus, oleh itu kita melaksanakan program pembangunan agropreneur yang kita lancarkan dan kini dibuat di *Selangor Fruit Valley* di bawah tanaman melon bernilai tinggi iaitu *golden melon* telah pun siap dan telahpun memulakan program disana dan diikuti nanti oleh program-program di yang kita telahpun dah kepal pasti dan telahpun diluluskan iaitu di Sungai Air Tawar dan di tanaman *roselle* untuk di *export* berasaskan konsep pertanian moden 120 ekar tanah disana dan juga penanaman nanas MD2..MD2 pertanian moden termasuk penggunaan *IOT* disemua tempat ini yang juga di Sungai Panjang. Ini akan dimulakan akhir tahun 2020 ini. Jadi Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian dan tentukan aspek yang penting ialah berhubung dengan kedudukan tapaknya, tanah yang telah kita usahakan oleh itu, untuk buat sementara ini, yang kita telah fokuskan ialah ditempat yang telah saya sebutkan tadi. Kita juga telah memberikan perhatian kepada kawasan-kawasan taman kekal, Taman Kekal Pertanian Makanan Negeri iaitu TKPM yang diuruskan dibawah Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Ini ada 8 lokasi dan juga jangan kita lupa juga pertanian bernilai tinggi walaupun dianggap padi ini bukan sebenarnya padi pun boleh dibuat. Dan telah terbukti boleh dilakukan untuk mendapatkan hasil yang tinggi dengan pertanian dengan kaedah moden yang akan kita laksanakan kalau kita mempunyai keluasan 1000 hektar di barat laut untuk menanam padi dan di kawasan Sekinchan, kawasan Yang Berhormat Speaker kita kawasan itu telah membuktikan sebenarnya padi boleh dihasilkan dengan nilai yang tinggi. Jadi kita akan meneruskan usaha-usaha mengenalpasti tanah-tanah yang tempat yang baru yang sesuai dan telah memulakan dengan perbincangan saya beberapa kali samaada tanah-tanah kerajaan tanah-tanah yang di bawah GLC dan juga tanah-tanah sedia ada pun kita buat pembaharuan tananam-tanaman yang kurang memberikan hasil tinggi kita beri nasihat

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

bantu usahawan kita agropreneur kita untuk menukar kepada tanaman lain yang boleh beri pulangan yang tinggi dan juga akhir nanti kita akan beri timbangan yang saya sebut tanah-tanah terbiar yang luas di Negeri Selangor ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Lembah jaya

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan daripada saya adakah pendekatan pertanian moden ini juga dirancang untuk dilaksanakan di kawasan-kawasan bandar?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Yang Berhormat Lembah Jaya, saya pun ada menyebut semalam berhubung mengenai isu ini, yang mana saya menyebut bahawa program agro bandar ini akan melibatkan juga pertanian moden dan memang kesesuaiannya lebih tinggi di kawasan bandar mempunyai tanah-tanah yang kecil dan juga tanah-tanah saku *pocket lands* yang sebenarnya boleh dibangunkan terbukti dibangunkan saya ada menyebut semalam kebun-kebun yang sedia ada kebun komuniti yang dibawah pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan telah berjaya membuktikan dengan hasil kerjasama penduduk dan komuniti setempat boleh menghasilkan produk-produk pertanian yang bernilai tinggi dan juga secara luas. Contohnya tahun lepas yang saya sebut disitu 46 tan jumlah keseluruhan kebun komuniti di kawasan-kawasan bandar terutamanya yang berjaya kita pasarkan melalui pasar tani atau Selangor *Agro Market*. Yang ni merupakan angka yang sangat besar yang berjaya dibuat dan kini kita telah program khusus dibawah agro bandar untuk memberi bantuan bukan sahaja bantuan dalam bentuk dana juga bentuk input yang kita galakkan penggunaan input-input yang mesra alam penggunaan *EM* baja-baja organik yang kita berikan benih-benih bermutu tinggi, kita telah mula laksanakan dan kita akan perluaskan dan juga kaedah-kaedah moden ini ialah masalahnya dia kos awalnya tinggi. Sebab penggunaan *range shelter* ataupun *green house* itu dan juga penggunaan fertigasi hidroponik yang tinggi. Kita memberikan perhatian kepada kos awal tapi jangka panjangnya menguntungkan dan tidak melibatkan bahan-bahan kimia atau racun inilah menjamin kesihatan rakyat untuk tidak terlibat dengan makanan-makanan yang ada racun dan ini yang kita telah mula laksanakan program dibawah *eco phonic* dan hidroponik telah ada dilaksanakan dibeberapa tempat yang kenal pasti patutnya awal tahun tapi sebabkan PKP kita akan buat dalam penggal ketiga dan keempat tahun ini. Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Panjang

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO, terima kasih juga edaran nenas MD2 itu, manis dan juga durian. Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan perkara-perkara lain yang melibatkan pertanian iaitu khususnya melibatkan jaringan ekosistem sokongan terhadap warga tani. Terutamanya daripada segi aspek promosi dan juga pemasaran produk pertanian. Apa bantuan ataupun sokongan daripada pihak kerajaan, terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Saya juga ada pernah menyebut sebelum ini iaitu dasar tadi saya sebut 2 ya, yang ketiga adalah dasar kita ialah melengkapkan *value chain* ataupun nilai rantai, ini penting jadi dasar Negeri Selangor yang kita laksanakan sekarang pertanian ialah kita tengok pasaran dulu, kita kenal pasti 12 tanaman bermutu tinggi ini maksudnya halia dan sebagainya. Saya bagi contoh halia ini kita import daripada luar negara saban tahun RM 300 Juta. Halia yang kita anggap kita ini tanam halia banyak, tapi sebenarnya kita masih mengimport RM 300 Juta. Cili kering kita mengimport 8 tan setiap bulan. Jagung saya sebut dah jagung ayam, makanan ayam RM 3.3 Bilion setahun kita import daripada luar negara. Jadi semua ini kita kenal pasti melalui pasaran dulu, pasarannya adakah pasaran yang luas, pasaran yang stabil supaya apabila kita tanam, benda itu nanti kita tak akan ada masalah, pasaran tak ada. Y.B. tak boleh tak tahu nak jual kat mana ataupun pasaran macam cili, saya tak mahu bukan kita tak makan cili, tetapi cili ini harganya sangat-sangat tidak stabil daripada RM 15.00 boleh jadi turun RM 5.00. Ini antara perkara yang kita kaji, bila kita dah kenal pasti itu baru kita *work backward* balik. Bila kita dah kenal pasti tanaman apa baru kita cari macam mana nak tanam dia, benih dia macam mana, teknologinya macam mana. Sepatutnya begitu, jadi kita sekarang kerajaan negeri melihat di mana dalam rantai itu yang kita kurang atau kita lemah. Kita lemah dari segi pemasaran, ya, kita lemah dari segi *warehousing* ataupun *distribution* menyebabkan produk pertanian ini dia mudah rosak. Macam kalau buah harum manis yang saya ambil dulu itu harum manis ini 2 hari dia habis. Dia dah rosak. Jadi kita bagi contoh, saya bagi contoh, jadi saya nak sebut di sini kita juga sedang melihat teknologi bagaimana kita dapat panjangkan *shelf life* ataupun daya tahan buah-buahan kita ini supaya tidak rosak cepat. Kerana apa, kita dapati ini yang menjadi satu isu besar menyebabkan kos dan kerugian. Cuma di akhir ini saya sebut ialah untuk maklumat Yang Berhormat kita akan meneliti dan saya telah sebut promosi contoh sebagai contoh promosi, bila kita sedang nak kenal pasti kita buat *product screening* ataupun kita *screen* syarikat-syarikat usahawan kita yang ada di Negeri Selangor ini kita lihat dia duduk di mana, dari segi *packaging* dia, dari segi kita ada kategori *tier 1*, *tier 2*, *tier 3*. *Tier 1* ini syarikat-syarikat *tier 1* di Negeri Selangor ini dah *ready* untuk eksport. Syarikat *tier 2* untuk di dalam negara sahaja jualannya, yang *tier 3* ini yang baru masuk. Jadi yang mana *tier 1* ini kita telah bawa promosi tahun lepas kita bawa ke tahun sebelumnya kita bawa Singapura sahaja, sangat berjaya. Tahun

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

lepas kita bawa ke Jepun, ke Singapura. Tahun ini sepatutnya kita ada 4 tempat, tetapi tahun ini semua duduk dekat rumah sahaja. Jadi tahun lepas kita buat promosi kita buat *online* kita buat atas talian promosi-promosi. Tentang promosi itu saya sebut tadi ialah satu komponen penting, itu yang kita tengok dulu sebelum kita *start* melaksanakan tanaman ataupun projek-projek pertanian yang bernilai tinggi ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Soalan 51 daripada Yang Berhormat Bukit Melawati sudah dijawab bersekali dengan soalan nombor 24. Saya persilakan Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan Subang Jaya nombor 52.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : GARIS PANDUAN PENGUBAHSUAIAN RUMAH TERES KEPADA ASRAMA  
PELAJAR/AIRBNB**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan status penggubalan Garis Panduan Pengubahsuaian Rumah Teres kepada Asrama Pelajar / AirBnB.
- b) Sila nyatakan tarikh pelaksanaan Garis Panduan tersebut.
- c) Sila nyatakan inti pati Garis Panduan tersebut.

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah memberikan tanggungjawab ini kepada Majlis Bandaraya Shah Alam untuk membuat kajian dan selepas itu bentang kepada kerajaan negeri, untuk tujuan ini pihak MBSA telah pun mengadakan beberapa siri mesyuarat penyelarasan teknikal yang telah diadakan bersama agensi berkaitan iaitu UPEN, Jabatan Tenaga Kerja, PLAN Malaysia, MBPJ, MPSJ serta MPK pada 11 Oktober 2019 dan 15 Januari 2020.

Perincian draf garis panduan ini akan dibincangkan semula dengan agensi yang berkaitan sebelum diangkat untuk mendapatkan kelulusan kerajaan negeri untuk diterima

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

pakai dan dikuatkuasakan. Inti pati hasil perbincangan mengesyorkan bahawa asrama hanya akan dibenarkan di kawasan perniagaan atau di kawasan blok kediaman yang kosong dan belum dibangunkan untuk tempoh sementara sehingga pembangunan yang sebenar dimajukan. Bagi kawasan kediaman yang telah diduduki adalah tidak dibenarkan bagi mengekalkan fungsi sebagai kediaman keluarga dan mengekalkan kacau ganggu kepada mengelakkan kacau ganggu kepada komuniti setempat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 53.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : BAZAR DARUL EHSAN KANCHONG DARAT**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berkaitan isu bazar Darul Ehsan di Kanchong Darat apakah tindakan susulan dari pihak EXCO Pembangunan Usahawan?

**JAWAPAN:**

**Y.B. PUAN RODZIAH BIN BINTI ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Morib. Saya betul-betul tabiklah dengan Yang Berhormat Morib kerana tiap-tiap kali sesi ada sahaja soalan ini ditimbulkan. Apa-apa pun tahniah telah dilantik sebagai Timbalan Speaker.

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, bangunan Bazar Darul Ehsan ini telah disiapkan pada Februari 2013. Bangunan ini pada asalnya bertujuan untuk dijadikan pusat pengumpulan bagi Industri Kecil dan Sederhana sekitar daerah Kuala Langat. Beberapa cadangan alternatif telah dikemukakan bagi tujuan kegunaan baharu bangunan tersebut antaranya pusat pelancongan, pusat produk Wanita Berdaya Dun Morib, dan juga pusat latihan HIJRAH SELANGOR. Namun begitu cadangan tersebut tidak dapat dimuktamadkan dan dilaksanakan disebabkan beberapa isu ketika itu. Jadi, sehubungan itu, Jawatankuasa Tetap Usahawan pada tahun ini

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

telah pun membuat beberapa perbincangan dan yang terkini perbincangan bersama SELDEC pada 23 Jun 2020 bagi cadangan menjadikan Bazar Darul Ehsan ini sebagai satu *note* ataupun hab pengumpulan barangan tempatan dan barangan dalam talian. Selain daripada itu, ia juga boleh dijadikan hab pengedaran barangan secara pukal. Jadi, perbincangan lanjut akan diadakan dalam masa terdekat bagi memperincikan pelaksanaan program ini untuk mencapai kata sepakat dan faedah bersama. Jadi pihak yang menguruskan SELDEC ini adalah pihak SIC yang bertanggungjawab nanti untuk kemukakan semula cadangan untuk memastikan Bazar Darul Ehsan yang sehingga kini tidak dapat dimanfaatkan. Terima kasih, itu sahaja.

**TUAN SPEAKER** : Permatang.

**Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan Permatang nombor 54.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN (N09 PERMATANG)**

#### **TAJUK : KELESTARIAN KESELAMATAN BEKALAN MAKANAN**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kelestarian dan kesinambungan keselamatan bekalan makanan di Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah keluasan tanah untuk tujuan keselamatan bekalan makanan? (tanah perladangan dan komoditi, pertanian, perikanan dan lain-lain)

#### **JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Yang Berhormat Permatang yang bertanyakan soalan berhubung dengan usaha kerajaan untuk memastikan kelestarian dan kesinambungan keselamatan bekalan-bekalan makanan Negeri Selangor dan juga keluasan tanah yang ada untuk tujuan (*food security*) ataupun jaminan bekalan makanan ini. Tuan Speaker dan Yang Berhormat Permatang,

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

- a) Keselamatan bekalan makanan ataupun (*food security*) ini adalah merupakan sangat penting dan dengan itu kita telah meletakkan dalam Pakej Rangsangan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor pun menyebut dengan jelas berhubung dengan keselamatan bekalan Negeri dan juga dalam masa yang sama pengalaman kita ketika menghadapi COVID-19 ini juga mengajar kita betapa pentingnya keselamatan bekalan makanan. Walau bagaimanapun, saya perlu mengingatkan bahawa dan saya telah sebut dalam dewan ini keselamatan bekalan makanan perlu dilihat dalam konteks juga seluruh negara kita, kemampuan kita untuk berdikari ataupun membekalkan semua jenis makanan adalah merupakan satu yang agak mustahil dan kita buat masa ini berada diparas yang agak rendah dari segi *self sufficiency* ataupun kemampuan untuk menyediakan makanan secara dalaman. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna yang kita tidak mencari kaedah yang sesuai untuk memberikan fokus kepada aspek-aspek yang strategik yang Selangor boleh bagi sumbangan dalam menjamin bekalan makanan ini.

Antara langkah-langkah yang kita buat ialah, pertama, sebagaimana saya sebut tadi juga iaitu mengenal pasti kawasan-kawasan tanah yang sesuai. Kawasan tanah-tanah kerajaan kita telah pun membuat keputusan, saya telah diarahkan juga dalam Mesyuarat MMKN untuk mengenal pasti tanah-tanah pertanian lagi yang belum lagi, yang ada di Negeri Selangor untuk diwartakan sebagai kawasan-kawasan pertanian. Sekarang kita ada di bawah TKPM ataupun Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang telah pun menjadi kawasan pertanian dan juga di kawasan-kawasan sawah padi kita di Barat Laut. Tetapi kebimbangan kita ialah bila saban hari tanah-tanah ditukar syaratnya daripada pertanian kepada industri dan juga kediaman. Walaupun kita faham kita perlukan tanah-tanah untuk kediaman dan industri tetapi dalam masa yang sama kita perlu juga mempertahankan sebahagian daripada tanah-tanah ini untuk tujuan makanan ini di bawah pertanian. Jadi itu yang kita telah buat, sedang buat untuk selesaikan dalam masa yang terdekat.

Yang kedua ialah kita memperkemaskan lagi dan memantapkan lagi tanaman ataupun hasil pengeluaran usahawan-usahawan kita atau warga tani kita di Taman Kekal Pertanian makanan di Negeri Selangor. Saya kalau tak silap saya dalam 8,000 hektar di seluruh Selangor ini 8 lokasi kita sedang perkemaskan dan memperkenalkan tanaman-tanaman yang lebih sesuai yang boleh memberi pulangan yang tinggi.

Yang ketiga, kita mengadakan kerjasama dengan anak-anak syarikat, kita telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan kita lihat ada potensi ribuan ekar yang di bawah anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, tanah yang boleh digunakan untuk

tujuan pertanian ini. Ini sebelum mereka menggunakannya untuk tujuan bangunan yang lain, ada yang boleh memberikan sehingga 20 tahun pun boleh untuk kita bangunkan dulu tanah pertanian. Jadi makna langkah yang kita lihat jangka masa yang lama sebab program pembangunan pertanian moden ini memerlukan masa yang agak panjang kerana kosnya yang agak tinggi di peringkat awal.

Yang keempatnya, kita juga mengadakan program pembangunan *agropreneur* dengan menyediakan tempat-tempat atau dengan lengkap untuk memberikan latihan yang khusus kepada pertanian yang berkonsepkan moden dan berteknologi tinggi.

Yang kelima, kita menyediakan insentif-insentif yang sebutkan tadi kepada pengusaha-pengusaha sektor pertanian.

Yang keenam, kita faham bahawa satu komponen penting dalam menjayakan pertanian moden ataupun pertanian ini selain daripada latihan ialah dana yang diperlukan. Oleh itu, kita telah berusaha untuk memastikan ada bentuk pinjaman yang melebihi selepas RM5 0,000.00. Sebab saya difahamkan memang daripada bawah RM 50,000.00 HIJRAH ada sediakan dan kita sedang usaha dan satu lagi di bawah Skim Wakaf ini yang menyediakan juga dana di bawah RM 50,000.00. Tetapi untuk yang RM 50,000.00 ke atas kerana sebahagian daripada usahawan ini telah meningkat dan masih memerlukan dana ini. Kerajaan Negeri, kita sedang berbincang dengan Agro Bank dan telah sampai pada satu tahap, satu perbincangan yang sangat baik dan mungkin kita akan dapat selesaikan dalam masa terdekat ini. Berhubung dengan pembiayaan yang melebihi RM 50,000.00 sehingga RM 250,000.00 bagi meningkatkan hasil pertanian ini.

Ini akan dimuktamadkan dalam masa terdekat dan yang ketujuh membantu usahawan kita dalam memasarkan hasil kita melalui program-program *Selangor Agro Market* atau (*SAM*), ekspo luar dan dalam negara dan juga atas talian melalui yang *Selangor Digital E-Supply Chain (SELDEC)* baru-baru ini. Itu antara perkara yang kita telah usahakan. Dari segi keluasan tanah saya dah sebut tadi, kita tidak mempunyai angka yang tepat lagi kerana kita dalam proses mengenal pasti dan membuat pemutihan bukan sahaja setakat Kawasan, kita nak tahu tanaman-tanaman tertentu ini berapa luasnya. Contohnya tanaman cili ada berapa luas, tanaman kelapa ada berapa luas, itu kita masih tak ada angka yang tepat kerana maklumat itu kita baru bangunkan. Itu *e-agro* yang saya jelaskan semalam.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

Jadi buat masa ini maklumat yang kita ada, keluasan tanah untuk sektor pertanian makanan adalah di sekitar 98,758 hektar manakala bagi sektor perladangan komoditi iaitu terutamanya sawit ialah pada keluasan 198,759 hektar. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Dusun Tua.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF** : Tuan Speaker, soalan saya nombor 55.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : SASARAN SMART SELANGOR DELIVERY UNIT**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah pelaksanaan yang disasarkan oleh SSDU untuk tahun 2020?

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Yang Berhormat Dusun Tua. Pada tahun 2020, SSDU akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif *Smart Selangor* yang mampu meningkatkan daya huni rakyat, memacu ekonomi negeri menerusi pemerksaan ekosistem digital dan juga pemantauan serta penyelarasan tindakan secara berpusat oleh Kerajaan Negeri berdasarkan data masa nyata. Berikut adalah inisiatif-inisiatif yang bakal dilaksanakan pada tahun ini, yang pertama pembangunan *Selangor Intelligent Operator Centre* iaitu (SIOS) yang dijangkakan akan siap dibina pada suku keempat tahun ini bertempat di Dewan Jubli Perak, Pejabat SUK Selangor. Yang kedua, pemasangan minimum 100 unit CCTV digital berserta *analytic* di kawasan yang dikenal pasti sebagai *hotspot* dan juga *blackspot* oleh PDRM, yang ketiga, pembangunan ekosistem untuk pembangunan industri kecil dan sederhana iaitu IKS, yang keempat pelaksanaan sistem *tap to ride* untuk caj pembayaran perkhidmatan bas *Smart Selangor* dan yang kelima pemetaan topografi pintar. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Pelabuhan Klang, tak hadir. Teratai.

**Y.B. TUAN LAI WAI CHONG** : Soalan saya nombor 57.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PENUNGGANG MOTOSIKAL E HAILING**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persediaan dan perancangan Kerajaan Negeri dalam menerima peningkatan penunggang motosikal E Hailing yang dijangka meningkat dengan pengenalan syarikat Gojek?

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Yang Berhormat Teratai. Tuan Speaker. Pelaksanaan projek perintis atau *Proof Of Concept* bagi perkhidmatan *bike-hailing* oleh Kerajaan Persekutuan yang bermula pada Januari 2020 untuk tempoh enam bulan belum dimuktamadkan lagi. Projek perintis tersebut dijalankan sebagai syarat yang ditetapkan Kementerian Pengangkutan bagi tujuan untuk mengawal selia perkhidmatan tersebut, dan kelancaran projek ini turut terkesan apabila Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020 akibat penularan wabak Covid-19. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa perkara ini perlu dibuat penelitian bukan sahaja kerana ianya melibatkan pelbagai aspek sama ada dari segi perundangan, keselamatan, peraturan jalan raya dan penguatkuasaan serta sensitiviti dari sudut Perundangan Syariah di Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Ramal.

**Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHARI :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 58. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR  
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : KEBAJIKAN IBU TUNGGAL**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

- a) Mengapakah Kerajaan Negeri tidak serius mengambil poligami sebagai satu kaedah untuk menyelesaikan permasalahan ibu tunggal agar mereka mendapat pembelaan dan kebajikan mereka dipelihara dalam negeri ini?

### JAWAPAN:

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakahtuh* kepada semua. Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dalam menyantuni isu-isu berkaitan golongan wanita terutama kebajikan golongan ibu tunggal. Malah inisiatif-inisiatif dan program-program-program yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat tanpa meminggirkan golongan ibu tunggal. Program Kasih Ibu Smart Selangor Ibu Tunggal ataupun KISS-IT yang memberi tambah nilai kepada Program KISS sedia ada sebagai contoh, menzahirkan keprihatinan Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan dalam menyantuni golongan ibu tunggal terutamanya yang terkesan di dalam mendepani pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan PKP yang lalu. Melalui program KISS-IT ini, seramai 5,000 orang ibu tunggal yang memenuhi syarat dapat dibantu dengan nilai pemberian manfaat sebanyak RM 200 setiap bulan untuk pembelian barangan keperluan dan mereka boleh memohon melalui talian secara langsung melalui talian kita. Juga sehubungan dengan ini Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM 100 Ribu kepada JAKESS untuk membantu golongan-golongan ibu tunggal yang ada perintah mahkamah untuk bekas suami membayar nafkah tetapi terlambat ataupun enggan pada awalnya untuk mereka memanfaatkan dulu sementara menunggu pembayaran nafkah. Adapun Yang Berhormat sekalian urusan jodoh dan pasangan hidup golongan ibu tunggal ini adalah di luar bidang tanggungjawab portfolio ini ya. Jadi saya rasa Kerajaan Negeri tidak perlu pun fikir tentang untuk skim galakkan ke mempertingkat ke, sebab itu bukan bidang tugas kita. Lagipun, lagipun Yang Berhormat sekalian, masalah ibu tunggal yang kami hadapi sekarang ini sebahagian besar adalah poligami. Jadi kalau kita buat poligami kita pula galak, makna lebih bengkok kepala kami nak menyelesaikan masalah ibu tunggal. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya Jeram, Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Terima kasih. Soalan saya soalan 59.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : HARGA RUMAH MAMPU MILIK**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah pertama?
- b) Harga rumah tidak sama dengan nilai pendapatan pemohon dan mengakibatkan permohonan ditolak oleh bank. Apakah langkah bantuan Kerajaan Negeri membantu mudah cara lulus permohonan rumah pertama?

**JAWAPAN:**

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR :** Terima kasih Jeram atas soalan. Dah, dah, dah habis cerita poligami ini. Cerita rumah ni. Untuk soalan (a) untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa langkah bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah pertama melalui pembelian unit rumah melibatkan Skim Rumah Selangorku, Skim Dana Sel, Skim Sewa Beli (*Rent To Own*) dan Skim Pembiayaan '*Smart Selangor First Home Buyers*' adalah seperti berikut:

**(i) Skim Rumah Selangorku**

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah melaksanakan penawaran Rumah Selangorku kepada orang awam kepada golongan berpendapatan atau kategori B40 terutamanya projek Rumah Selangorku Jenis A dan Jenis B berharga RM 42,000.00 seunit hinggalah RM 100,000.00 seunit.

**(ii) Skim Dana Sel**

Bagi kes golongan yang tidak layak mendapatkan pinjaman bank, Kerajaan Negeri telah menyediakan Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (Dana-Sel) yang berkonsepkan sewa dan milik bagi membantu golongan ini membeli Rumah Selangorku Jenis A. Kerajaan Negeri melalui anak syarikat LPHS iaitu Perumahan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) menguruskan skim ini melalui kaedah pembiayaan yang merupakan satu bentuk penyewaan jangka panjang yang membolehkan pemohon bertukar status daripada penyewa kepada pemilik dalam tempoh yang telah dipersetujui dengan mematuhi semua terma-terma Perjanjian Penyewaan dan Pemilikan. Skim ini akan dipertimbangkan untuk diperluaskan lagi

pada masa akan datang agar ianya dapat membantu lebih ramai golongan B40 untuk memiliki rumah.

**(iii) Skim Sewa Beli (Rent To Own)**

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sedang mengadakan kerjasama dengan beberapa pihak bank bagi mewujudkan satu skim sewa beli atau dikenali juga sebagai '*Rent To Own*' khususnya untuk pembeli Rumah Selangorku di Negeri Selangor. Skim ini dapat membantu golongan B40 dan M40 yang berpendapatan isi rumah di bawah RM 10,000.00 sebulan untuk memiliki kediaman Mampu Milik atau Rumah Selangorku. Sehubungan itu, perkara ini dalam proses rundingan dan perbincangan lanjut oleh Kerajaan Negeri bersama dengan pihak bank berkaitan sebelum kertas pertimbangan diangkat dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

**(iv) Skim Pembiayaan '*Smart Selangor First Home Buyers*'**

Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Skim Pembiayaan '*Smart Selangor First Home Buyers*' yang bertujuan memberikan pembiayaan wang pendahuluan (deposit) kepada golongan B40 dan M40 sebanyak 10% ke atas pembelian Rumah Selangorku khususnya pembangunan yang dimajukan oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Kerajaan Negeri telah bersetuju menyediakan peruntukan sejumlah RM 15 Juta untuk skim ini yang akan diuruskan oleh PKNS. Skim ini telah dilaksanakan oleh PKNS dengan kerjasama pihak Maybank Berhad bagi membantu pembeli-pembeli tersebut untuk mendapatkan pembiayaan dengan mudah.

Untuk soalan (b), Kerajaan Negeri turut mengambil maklum akan kesukaran pemohon mendapatkan pembiayaan pinjaman perumahan daripada institusi kewangan yang menyebabkan permohonan mereka ditolak. Untuk itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program sewaan rumah kepada pemohon yang tidak layak mendapat pinjaman bagi tujuan mewujudkan pengurusan kewangan pemohon yang lebih baik dan stabil. Susulan itu, Kerajaan Negeri memperkenalkan Skim sewaan rumah yang terdiri daripada Skim Smart Sewa dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) adalah seperti berikut;

**(i) Skim Smart Sewa**

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Smart Sewa dengan matlamat utama adalah bagi membantu golongan yang gagal mendapatkan pinjaman

perumahan supaya menyediakan kediaman yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dengan kadar sewa yang berpatutan berbanding harga pasaran. Mereka akan diberi tempoh sewaan di antara 2 hingga ke 5 tahun dan 30% daripada sewaan mereka itu akan disimpan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk dikembalikan kepada mereka ataupun penyewa-penyewa sebagai dana asas ataupun sebahagian daripada deposit apabila mereka layak untuk membeli rumah baru di masa hadapan. Pada ketika ini kita mempunyai sekitar 562 unit dan menjelang akhir tahun ini kita menjangkakan akan menguruskan hampir 1 ribu unit. Dalam Pakej Rangsangan Ekonomi yang saya bentangkan dijangkakan dan 2, 3 tahun lagi unit-unit percuma yang kita perolehi menganggarkan sekitar 3 ribu unit lagi kita akan perolehi dan saya kira dengan kaedah yang kita tunjukkan ini bukan sahaja mereka boleh duduk dengan selesa pembiayaan sewa mereka itu dengan kadar yang berpatutan termasuk *maintenance fee* ataupun penyelenggaraan kos-kos penyelenggaraan kawasan apartmen yang mereka duduk.

**(ii) Skim Projek Perumahan Rakyat (PPR)**

Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan Skim Perumahan untuk disewakan sahaja kepada mereka yang berpendapatan seisi rumah daripada RM 3,000.00 sebulan dan ke bawah. Kadar sewaan yang dikenakan kepada penyewa pada harga sekitar RM 124.00 hingga RM 250.00 sebulan berbanding kadar sewaan pasaran semasa sekitar RM 400.00 hingga RM 600.00 sebulan. Ianya membantu golongan ini untuk mendapatkan manfaat daripada kadar sewaan yang rendah dan lebih pendapatan yang boleh digunakan sebagai simpanan mereka berbanding untuk tujuan pembelian Rumah Selangorku pada masa akan datang. Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang ditawarkan ialah PPR Hicom dengan bilangan unit 980 dan seluruhnya telah disewa. PPR Serendah ada 300 unit yang disediakan. Setakat ini baru 125 yang telah disewa. PPR Kota Damansara ada 1,152 dan seratus peratus sebenarnya telah disewa. Disamping program sewaan, Kerajaan Negeri melalui LPHS juga bekerjasama dengan AKPK ataupun Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit dalam mewar-warkan modul pendidikan berkaitan perumahan di atas talian AKPK iaitu *RUMAHKU* untuk keperluan awam. Secara langsung, ianya membantu bakal pembeli rumah pertama untuk mendapatkan panduan dan maklumat yang berguna tentang pemilikan rumah pertama mereka ataupun pemilikan rumah mereka. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH** : Tuan Speaker soalan saya nombor 61.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Tuan Speaker. Soalan 60 belum.

**TUAN SPEAKER** : Sementa

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Soalan Sementa nombor 60.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI  
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : RODA DARUL EHSAN (RIDE)**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini program Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) yang ditangguhkan sehingga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan bilakah tarikh pelaksanaannya?
- b) Apakah punca sebenar pelaksanaannya ditangguhkan?

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih juga Yang Berhormat Sementa. Saya ingin menjawab soalan 60 bersekalian soalan 97 daripada Sungai Panjang Yang Berhormat dan soalan 203 daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan. Yang Berhormat Sementa bertanyakan tentang status terkini program inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) yang telah ditangguhkan akibat daripada PKP, dan apakah punca sebenarnya ditangguhkan. Sebagaimana yang kita telah bahas atau jawab pada ini bahawa program ini akan dilancarkan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar dalam minggu hadapan dan permohonan boleh dibuka seawal bulan Ogos, 1 hari bulan Ogos nanti. Jadi kenapa ia tertangguh pelaksanaan tertangguh. Kita sudah bermula awal Januari dan Februari tetapi kerjasama kita dan perbincangan kita dengan institut memandu, JPJ dan sebagainya tertangguh akibat daripada kekangan PKP. Walau bagaimanapun kita tidak mahu berselindung di sebalik PKP itu kita juga terus mengerakkan program-program kita ataupun terus berkempen sebenarnya turun memaklumkan kepada belia-belia kita tentang program ini. Soalan daripada Sungai Panjang yang bertanyakan tentang apakah status kaedah pelaksanaan dan saya telah jawab tadi dan berapa yang telah mendaftar dan mendapat manfaat pada RiDE ini. Sebagaimana yang telah disebut Yang Berhormat bahawa program ini untuk 3

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

ribu peserta kita Yang Berhormat. Kalau kita tengok daripada 3 ribu sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat, kita memperuntukkan sebanyak 57% daripada RM 2 Juta itu untuk program lesen memandu iaitu berjumlah RM 1.14 Juta. Yang kedua kita memperuntukkan 40.5 peratus iaitu sebanyak RM 810 Ribu untuk Program e-RiDE atau Program Gig selepas daripada dia mendapat lesen itu. Dan pengurusan kita peruntukan sebanyak 2.5% sahaja. Daripada 3 ribu orang ini, untuk peringkat pertama lesen itu Yang Berhormat Sungai Panjang. RM 380 iaitu 1.14 juta diperuntukkan khas untuk memohon lesen memandu, bermakna dia isu lesen memandu. Maka selepas itu orang yang berminat belia-belia kita yang berminat atau mereka yang terlibat Gig ekonomi ini, mereka juga boleh memohon untuk proses latihan di bawah program e-RiDE kita. Iaitu kita memerlukan sebanyak 270 kepada 3 ribu orang yang berjumlah sebanyak RM 870 Ribu 40.5%. Yang Berhormat sekalian, saya menarik perhatian, sebenarnya Gig ekonomi ini soalan nombor 2 ini daripada Bukit Lanjan, apakah yang perlu dibuat oleh Kerajaan Negeri memperluaskan lagi kegiatan Gig ekonomi ini. Sebenarnya kegiatan Gig ekonomi ini ia tidak tertumpu kepada *transportation* sahaja Yang Berhormat sekalian, sekarang ini wujud juga yang disebut sebagai profesional Gig ada CEO yang ingin bekerja sebagai dalam talian ada akauntan yang di *hire*, secara sambilan ada arkitek yang diambil secara sambilan sekarang ini berlaku semasa PKP. Jadi kita sedang melihat bukan sahaja dalam RiDE sahaja, kita juga akan pergi ke arah Gig profesional ini, iaitu kita akan mencantumkan di antara *demand dan supply* melalui proses yang kita akan bangunkan kemudian. Maknanya *moral of the story*, Yang Berhormat semua, bahawa proses RIDE ini sedang dalam, kita akan lancarkan pada Ogos ini dan ia memanfaatkan pada 3,000 peserta kita dan pendaftaran akan bermula seawal Ogos dan GIG, macam saya sebut tadi, kita ada professional GIG dan kita juga sedang menumpukan tentang RIDE ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI** : Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dipersila Sementa

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Adakah 3,000 penyertaan ini di, akan dibahagikan mengikut kuota DUN-DUN. Kalau boleh, dan adakah ianya *first come first serve*. Dan satu lagi, sekiranya ianya mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada anak-anak muda, adakah Kerajaan Negeri akan menambahkan peruntukkan untuk program RIDE ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Yang Berhormat Sementa. Apakah ada kuota pada Yang Berhormat sekalian. Kita ada 3,000 peserta, kalau bahagi dengan 56 DUN, seorang Yang Berhormat akan dapat 53 sahaja yang mana tidak akan, ini tidak menyelesaikan masalah di peringkat DUN. Jadi apa yang kita

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

buat adalah, kita buka pada *first come first serve* tanpa mengira kuota, kita buka kepada belia, tapi dengan syarat pemohon tersebut mestilah anak kelahiran Selangor ataupun telah menetap di Selangor. Ini adalah program khusus rakyat Selangor. Yang kedua, pemohon tersebut mestilah berumur diantara 18 sehingga 30. Di peringkat awal kita fokus pada belia dahulu, kalau ada kemampuan kita, kita akan pergi pula kepada *stage* yang kedua, 30 sehingga 40 tahun. Dan mereka yang memohon akan, mestilah mendapat pengesahan daripada wakil rakyat tempat masing-masing. Jadi itu antara kaedah yang kita akan buat, makna nya kita tidak mengikat ADUN-ADUN, maknanya kalau ADUN boleh membuat kempen di tempat masing-masing, mereka boleh terus pada web kita untuk terus mohon secara online.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker dan juag Yang Berhormat Exco. Seperti mana yang kita sedia maklum, RIDE ini pada asalnya adalah program untuk pemberian lesen. Tapi Yang Berhormat Exco tadi ada terangkan *stage* yang kedua, berkenaan latihan. Adakah dua perkara ini perlu melalui dua permohonan berbeza ataupun dengan izin ia berlaku secara *simultaneous*, maksudnya yang mohon lesen ini automatik akan mohon yang untuk program latihan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Kita berhasrat untuk menjadikan ia sebagai satu pakej yang bersamaan seperti *simultaneous*. Tetapi kita juga menjangka akan ada mereka yang telah memiliki lesen. Tetapi nak terlibat dalam program *training* kita. Disitu mungkin kita akan lihat bagaimana cara kita nak masukkan mereka ke dalam program pakej yang kedua ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Solan seterusnya, Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH** : Terima kasih Timbalan Speaker. Soalan saya soalan nombor 61.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PERUNTUKAN BAGI MEMBAIKPULIH JETI**

**JAWAPAN :**

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM** : Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjung Sepat yang bertanyakan soalan berhubung dengan isu jeti nelayan berlesen dan tidak berlesen. Untuk makluman yang, Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa urusan pelesenan kepada jeti-jeti nelayan terletak di bawah Lembaga Urus Air Selangor. Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 19 Februari 2020, telah meluluskan caj kebenaran bertulis pembinaan jeti pendaratan ikan. Selaras dengan keputusan MMKN ini, LUAS dalam tindakan untuk mengeluarkan lesen atau kebenaran bertulis, selaras dengan seksyen 43 Enakmen LUAS ke atas jeti nelayan yang telah diluluskan Pihak Berkuasa Negeri sama ada melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau melalui pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor. Kebenaran bertulis akan dikeluarkan bagi pada peringkat ini, ada 86 buah jeti di Bagan Sekincan yang telah mendapat kelulusan permohonan tanah melalui MMKN pada 14 Jun 2017. Dan 100 buah jeti di Bagan Sungai Besar, ini yang jeti nelayan, di Sungai Besar telah mendapat kelulusan permohonan tanah melalui MMKN, Mesyuarat MMKN pada 14 Ogos 2019. Ini baru dua yang kita buat, dah kita selesaikan.

Juga melalui Mesyuarat MMKN pada 19 Februari 2020, Kerajaan Negeri telah bersetuju, bagi jeti-jeti yang belum ada kelulusan ini, ataupun permit ini atau lesen ini yang agak daif dan sebagainya, maka Y.B. atau Ahli-ahli Berhormat ADUN tempatan yang bertanggungjawab untuk membantu mereka dan peruntukkan kewangan kepada mereka. Itu berita baik kepada Ahli-ahli Berhormat sekalian. Dan Mesyuarat MMKN juga pada 1 Julai 2015 telah memutuskan agar LUAS menimbangkan cadangan pewartaan jeti-jeti tanpa lesen yang didapati struktur nya kukuh dan boleh digunakan melalui Pelaksanaan Pelan Tindakan Pengurusan Jeti. Ini lagi satu pendekatan yang kita buat bagi membantu jeti-jeti yang belum dapat kita lesenkan, tetapi didapati struktur nya agak kukuh dan selamat. Selaras dengan itu, banciaan yang di jalankan oleh agensi, hanya mengambil kira jeti yang selamat untuk digunakan.

Bergantung kepada peruntukan daripada Kerajaan Negeri, peruntukan-peruntukan akan diberikan kepada jeti-jeti yang melalui proses pemutihan ini. Itu kita akan pertimbangkan, pada yang berjaya melalui proses pemutihan. Pemutihan jeti ini dijalankan untuk memberi peluang kepada jeti-jeti sedia ada yang telah dilesen untuk dibaik pulih menggunakan peruntukan yang disediakan oleh pihak Kerajaan. Terima kasih.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI** : Solan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, Selat Kelang.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI** : Yang Berhormat, di tempat saya ada dua jeti nelayan. Boleh tak kalau kita *design* jeti itu, kemudian kita mohon daripada

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

Kerajaan Negeri, supaya *design* itu orang kata, sesuai dengan keadaan tempat dan penduduk disitu. Boleh tak kita buat begitu. Terima kasih Y.B.

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Yang Berhormat Selat Kelang. Selat Kelang, Selat Kelang ada juga jeti nelayan. Terima kasih dan saya telah pun berbincang dengan pihak LUAS berhubung dengan aspek yang kita boleh untuk memudahkan. Sebab proses untuk mengeluarkan lesen ini sebenarnya agak panjang. Sebab pertamanya, kita perlu membuat pewartaan. Nak buat pewartaan kena buat ukur. Kerja-kerja ukur dahulu, kerja ukur yang perlu dibuat dengan teliti sebelum pewartaan dapat dibuat. Itu baru kita lihat struktur kesesuaian struktur berkenaan. Jadi prosesnya agak panjang dan kita, saya bersetuju dengan dan telah pun memberi cadangan itu sebenarnya, supaya kita boleh *standard* kan atau kita tetapkan bentuk yang khusus, bagaimana bentuk untuk memudahkan para nelayan-nelayan berkaitand dan juga untuk memastikan mereka tidak dapat, tidak perlu mengeluarkan kos yang tinggi.

Sebab untuk design reka bentuk dan mendapat kelulusan *drawing* yang sebagai ini, dari pihak jurutera yang bertauliah ini, memerlukan kos yang agak tinggi juga yang tidak mampu dipikul oleh para nelayan. Jadi kalau kita ada *standard drawing* ini, Cuma yang mungkin yang tak *standard* nya ialah dia punya cerucuk ataupun tapak. Itu tak boleh *standard*, sebab apa itu memerlukan kajian tanah yang tidak sama antara jeti ke jeti yang lain. Itu perlu dibuat kajian secara teliti. Tapi bentuk *design* jeti itu memang kita telah bincang dengan LUAS dan saya cadangkan supaya kita gunakan jenis bentuk yang *design* bentuk yang sama. Tapi masalah kita pula dengan nelayan ini, dia ada idea dia sendiri. Ini masalah yang kita hadapi dan kita akan cuba uruskan supaya benda ini dapat diselaraskan dengan baik. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Soalan seterusnya, Balakong.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 62.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : MEDIA SELANGOR**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

- a) Apakah prestasi media Selangor dari tahun 2018 sehingga sekarang? (sebagai contoh, bilangan "views" atau "follower" TVSelangor, bilangan pembaca surat khabar Selangorku dan lain-lain)
- b) Apakah rancangan kerajaan kepada media selangor supaya mesej kerajaan dapat disebarkan dengan lebih berkesan?

### JAWAPAN:

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Kalau boleh saya sebutkan disini, daripada tahun ke tahun fakta dan juga data yang kita perolehi menunjukkan bahawa *followers* ataupun *viewers* bagi sosial media milik Team Selangor, milik TV Selangor ataupun Media Selangor meningkat dengan agak baik. Sebagai contoh, *Facebook* pada tahun 2018 seramai 279,141 *followers*, pada tahun 2020 sehingga sekarang, kita sudah mencecah 362,877 *followers*. Untuk *Twitter*, pada tahun 2018, 29,900, di tahun 2020 kita sudah sampai 34,258 *followers*. Untuk *Instagram* pada tahun 2018, 55,578 *followers* dan di Mei tahun 2020, *followers* kita 80,258 *followers*.

Untuk Portal TV Selangor, Portal TV Selangor tahun 2018, setakat 2018 keseluruhan ialah 568,478 *viewers* tapi sehingga Jun tahun 2020, kita mencatatkan 349,740 *viewers* sehingga Jun sahaja. Mungkin tahun 2018 adalah tahun Pilihan Raya, jadi daripada segi *viewers* dan sebagainya di Portal TV Selangor itu mendapat tontonan yang agak tinggi dan juga mendapat sokongan yang agak tinggi.

*YouTube Channel* ada peningkatan yang baik. Tahun 2018 ada 108 ribu, pada tahun 2020 sehingga Mei, maafkan saya bukan Jun, sehingga Mei 2020 ada 131,676 *viewers*. Namun begitu, ada juga sedikit penurunan iaitu pada cetakan akhbar. Ini disebabkan kita percaya dapatan serta gabungan di dalam Selangor, di dala sosial media dan juga portal itu, menunjukkan peningkatan yang baik. Sebagai contoh 2018 dan 2019, kita cetak 250 ribu cetakan setiap minggu, sekarang kita turunkan sedikit kepada 200 ribu, memandangkan adanya capaian-capaian yang dibuat di dalam sosial media dan juga keputusan ini sebagainya kerana PKP, namun jika ada keperluan, kita boleh mencetak lagi di masa hadapan.

Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri sedia berfikir, sebelum ini kita cuba untuk berbincang, sebab itu pentadbiran di Kerajaan PH dulu, untuk kita menyeragamkan konteks maklumat yang kita miliki dengan institusi-institusi media kerajaan di pusat terutamanya. Namun begitu, sesuai dengan persekitaran dan keadaan semasa, dan inilah realitinya yang kita hadapi. Saya percaya kita masih lagi perlu berhubungan

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

dengan agensi-agensi berita dan juga agensi-agensi media yang ada di luar sana yang mampu untuk bekerjasama dengan kita agar *content* ataupun pengisian akhbar ataupun media kita itu, dapat dikongsi sama. Sebagaimana beberapa negeri telah lakukan terhadap beberapa media. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Soalan seterusnya, Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, soalan saya nombor 63.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KAWALAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN HUTAN DI BUDIMAN VALLEY  
DAN TASIK SUBANG**

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan negeri mempunyai polisi untuk tidak lagi membenarkan pembangunan di lakukan di baki kawasan hutan dan tadahan air tasik Subang di Budiman Valley supaya habitat tapir tidak terganggu.

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Yang Berhormat Meru. Kerajaan Negeri Selangor telah pun memperkenalkan Dasar Moratorium ke atas pembalakkan selama tempoh 25 tahun melibatkan kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) dan Hutan Tanah Kerajaan sejak tahun 2010. Justeru itu, tiada sebarang aktiviti pembangunan yang boleh dipertimbangkan melainkan ianya mempunyai kepentingan nasional seperti bekalan elektrik, jalan raya, bekalan air dan sebagainya. Buat masa ini tiada sebarang pembangunan di benarkan kawasan baki Hutan Simpan Kekal di Tasik Subang berhampiran Budiman *Valley*. Selain itu, terdapat Garis Panduan Perancangan Pemulihan dan juga Pembangunan kawasan sensitif alam sekitar itu (GPPPP) KESAS yang di sediakan oleh PlanMalaysia dan boleh diguna pakai oleh Kerajaan Negeri dan PBT di Negeri Selangor.

Di antara garis panduan ini termasuk lah:-

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

1. (GPPPP) KESAS Kawasan Tadahan Air dan Sumber Air Tanah.
2. (GPPPP) KESAS dataran banjir, tanah lembab, tanah bekas lombong, tasik dan juga sungai.
3. (GPPPP) KESAS Habitat Hidupan Liar.
4. (GPPPP) KESAS Hutan Simpan Kekal.
5. (GPPPP) KESAS Warisan Kebudayaan dan Warisan Semula Jadi.

Garis panduan ini diformulasikan daripada asas undangan dasar-dasar terkini, falsafah dan strategi pembangunan, keupayaan tampungan serta perlindungan alam sekitar dan juga biodiversiti kawasan. Sekian.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Ok, untuk makluman Yang Berhormat Exco, kawasan ini seolah-olah macam dicerobohi dan setakat ini mungkin saya nak mengetahui apakah tindakan pihak Kerajaan untuk memastikan kawasan ini dapat terus dipelihara dan apakah tindakan yang telah dibuat untuk memastikan kawasan ini terpelihara dan mereka yang mencerobohi dikenakan tindakan.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Buat masa ini saya tidak menerima apa-apa insiden pencerobohan oleh mana-mana pihak yang di mana kita membenarkan orang asli untuk merayau di hutan dan kawasan sekeliling memang satu kawasan telah pun pesat di bangunkan dan kita tidak benarkan siapa untuk cerobohi tapi untuk individu-individu yang suka untuk menanam tanaman sayuran itu kita akan beri kompaun ikut undang-undang yang sedia ada. Kita tidak benarkan sebarang bentuk pencerobohan daripada orang lain. Sekian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Soalan berikutnya Gombak Setia telah dijawab sekali dengan soalan nombor 7. Seterusnya Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 65.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : SEKTOR PELANCONGAN DALAM KRISIS COVID19**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana PKP telah menjejaskan industri pelancongan Negeri Selangor?
- b) Berapakah hotel telah ditutup disebabkan krisis COVID-19 sejak pelaksanaan PKP?

**JAWAPAN :**

**Y.B TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Yang Berhormat Rawang. Saya bangun untuk membantu untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Rawang. Secara keseluruhannya setiap penggiat Industri Pelancongan terkesan dengan akibat penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan iaitu PKP. Keseluruhan pemain-pemain Industri Pelancongan Negeri Selangor menghadapi pembatalan tempahan bilik penginapan, penganjuran acara, pakej pelancongan, pengangkutan dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan sejak pandemik COVID-19 ini ditemui dan tersebar mulai Januari 2020 lalu. Di samping itu sebahagian besar Industri Pelancongan di Negeri Selangor terpaksa menutup operasi mereka sepanjang penguatkuasaan PKP sejak pertengahan bulan Mac 2020 lalu. Oleh yang demikian ia memberi kesan kepada pendapatan penggiat industri pelancongan sepanjang tempoh tersebut. Mengikut kajian selidik dilaksanakan oleh Tourism Selangor secara puratanya tahanan aliran tunai penggiat Industri Pelancongan Negeri Selangor adalah di antara 1 hingga 6 bulan sahaja. Responden juga telah pun membalas di mana majoriti lebih 50% memaklumkan terpaksa menutup operasi sepenuhnya disebabkan bukan kategori *essential business* semasa tempoh PKP. Manakala berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Persatuan Hotel Malaysia iaitu MAH telah menganjurkan kadar penginapan iaitu *occupancy rate* bulanan sehingga Disember tahun 2020, adalah di bawah 40% di mana hotel-hotel akan beroperasi tanpa membuat keuntungan. Hal ini secara kasarnya akan mengakibatkan banyak penggiat-penggiat Industri Pelancongan terpaksa memberhentikan operasi mereka dengan harapan kemungkinan mullis jika tempoh penutupan operasi akibat penguatkuasaan PKP di panjangkan. Yang untuk menjawab soalan kedua sehingga bulan Jun 2020 sebanyak 3 hotel yang telah mengesahkan penutupan sepenuhnya operasi. Manakala 2 hotel lagi menutup sementara operasi

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

sehingga hujung tahun bulan Disember 2020 akibat penguatkuasaan PKP dan Pandemik COVID-19. Sekian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Soalan seterusnya Banting.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker soalan ke 66 berkenaan Stesen ECRL di Jenjarom.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : STESEN ECRL DI JENJAROM**

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek ECRL di Kuala Langat dan Selangor?
- b) Adakah kedudukan stesen ECRL di Jenjarom telah ditetapkan?

**JAWAPAN :**

**Y.B TUAN NG SZE HAN** : Tuan Speaker, Projek ECRL yang merupakan Projek Kerajaan Persekutuan dijangka akan melalui sebahagian kawasan di dalam Negeri Selangor. Projek ECRL sepanjang 640 kilometer dan dibahagikan kepada 3 seksyen iaitu Seksyen A bagi jajaran bermula di Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Seksyen B bagi jajaran Dungun, Terengganu ke Mentakab, Pahang dan Seksyen C bagi jajaran dari Mentakab – Nilai – Pelabuhan Klang di Negeri Selangor. Kedudukan ECRL di Negeri Selangor telah dicadangkan di lokasi yang lebih strategik selain daripada Jenjarom iaitu berhampiran Rimbayu atau Cheding dan Pelabuhan Barat (*West Port*) untuk pertimbangan Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun setakat ini jajaran ECRL yang melibatkan Negeri Selangor iaitu Seksyen C masih belum dimuktamadkan sepenuhnya dan baru-baru ini Menteri Pengangkutan telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa Kementerian Pengangkutan sedang dalam kajian untuk mengalihkan jajaran Seksyen C di Negeri Selangor balik ke jajaran asal iaitu jajaran dari Gombak – Bentong – Gombak dan Serendah. Kerajaan Negeri Selangor tidak setuju atau tidak menyokong cadangan daripada Kementerian Pengangkutan untuk mengalihkan balik jajaran ke jajaran asal atas sebab-sebab berikut. Yang pertama jajaran berhampiran

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

dengan Permatang Kuaza dan jajaran berhampiran Pangkalan Batu, jajaran melalui kawasan Hutan Simpan Templer dan Taman Rimba Templer, jajaran melalui Bandar Batu Arang ataupun Kota Puteri, jajaran melalui kawasan tadahan air ini sangat penting dan pematuhan dan penyelarasan dengan rancangan tempatan. Sekian, terima kasih.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih, soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, Banting

**Y.B TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO dan saya berasa lega dengan kedudukan dan pendirian keputusan pihak Kerajaan Negeri Selangor. Soalan saya ialah sekiranya Kerajaan Persekutuan Tetap mengalihkan atau mengekalkan laluan asal melalui jajaran yang melibatkan tempat-tempat yang dinyatakan tersebut apakah yang kita boleh lakukan selaku Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan jajaran ini tidak akan berlaku dan ia akan melalui kawasan ataupun jajaran baru yang merentasi Jenjarom, Putrajaya, Nilai, Jelevu dan Temerloh. Ini adalah kerana hasrat dan rakyat di sekitar Kuala Langat ini adalah tempat yang diadakan di Kuala Langat ini adalah paling sesuai dan ia mendatangkan impak ekonomi yang berpanjangan bukan sahaja kepada kedudukan lokasi di situ tetapi juga bersesuaian dengan objektif ECRL itu yang mementingkan kargo, pengangkutan kargo supaya ia boleh pergi dan ini adalah sesuatu yang pernah dikatakan oleh mantan Menteri Hal Ehwal Ekonomi merangkap ADUN PKR Bukit Antarabangsa tetapi dia tidak ada, sebelum ini ya, itu adalah soalan saya.

**Y.B TUAN NG SZE HAN** : Kerajaan Negeri Selangor telah memberi maklum balas kepada Kerajaan Pusat atas sebab-sebab yang telah disebutkan oleh saya tadi bahawa ia Kementerian Pengangkutan ingin mengalihkan jajaran itu ke jajaran asal. Masalah-masalah tersebut harus di selesaikan dan masalah-masalah tersebut harus ada 1 solusi yang memuaskan dan boleh diterima oleh semua pihak tetapi pendirian bagi Kerajaan Negeri Selangor adalah jajaran itu harus jajaran dari Mentakab, Nilai dan ke Pelabuhan Barat harus dikekalkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Soalan seterusnya, Ijok.

**Y.B TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker, Soalan Ijok nombor 67.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : KEMUDAHAN WIFI**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan untuk meluaskan dan menaiktarafkan khidmat WIFI Selangor terutamanya di luar bandar termasuk DUN Ijok?

**JAWAPAN :**

**Y.B TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih kepada Tuan Speaker dan Yang Berhormat daripada Ijok. WIFI Smart Selangor sebuah inisiatif peduli rakyat (IPR) oleh Kerajaan Negeri Selangor telah pun menyediakan perkhidmatan WIFI percuma kepada rakyat Selangor terutama kepada golongan berpendapatan rendah iaitu kawasan luar bandar untuk merapatkan jurang digital dan juga meningkatkan taraf hidup rakyat. Program WIFI Smart Selangor sedang disusun dan juga ditambah baik untuk memberi tumpuan kepada pendidikan, kesihatan dan juga keagamaan. Komuniti dengan tumpuan ke kawasan luar bandar kumpulan sasaran adalah B40 dan juga M40 untuk berhubung mendapatkan maklumat dan juga *online learning*. DUN Ijok adalah termasuk di dalam kawasan luar dan juga pinggiran bandar, Kerajaan Negeri Selangor melalui Smartsel dalam, sedang dalam perancangan dan kajian untuk memberikan khidmat di kawasan-kawasan tersebut dengan menggunakan teknologi-teknologi dan juga pendekatan yang terkini yang mampan untuk memastikan pembangunan yang efisien dan mengurangkan kesenjangan digital. Sekian.

**Y.B TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, Ijok.

**Y.B DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Ijok ingin menanya kepada Yang Berhormat EXCO. Kita ada rancangan tapi Ijok nak tanya bila perkhidmatan WIFI ini akan selesai akan dilengkapkan sebab pejabat saya pun wi-fi pun kadang-kadang ada kadang-kadang tidak ada.

**Y.B TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Dalam perancangan penstrukturan semula wi-fi di Selangor untuk DUN Ijok sebanyak 15 AP akan dipasang di DUN Ijok so kita perlu mengenal pasti mana tempat yang sesuai, di

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

mana Smartsel akan menghubungi setiap ADUN bagi memastikan kawasan mana yang perlu beri tumpuan so saya harap ADUN beri kerjasama, bagi tempat-tempat yang boleh di mana orang yang tumpuan ramai orang. Terima kasih.

**Y.B TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Soalan saya bila akan selesai. *What is your target date.*

**Y.B TUAN HEE LOY SIAN** : Tahun ini. Ya, sebelum Disember 2020.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Soalan Seterusnya, Pendamaran.

**Y.B TUAN LEONG TUCK CHEE** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, soalan saya 68.

### PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE (N47 PANDAMARAN)

#### TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah wang khairat dan bilangan yang belum diselesaikan sebelum ditukar kepada Jom Shopping Bulan Lahir.
- b) Sila nyatakan masa yang akan dapat menyelesaikan bilangan dan amaun tertunggak.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Seri Serdang, soalan 68.

#### JAWAPAN:

**Y.B PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Maaf Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Pandamaran. Untuk Skim Mesra Usia Emas ini dinyatakan jumlah penerima Wang Khairat Kematian yang belum diselesaikan sebelum ditukar kepada Jom Shopping Bulan Kelahiran. Pertama yang masih tunggak fasa pertama 641 dan jumlah khairat kematiannya RM 641,000.00, fasa kedua 127 jumlah khairatnya adalah RM

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

190,500.00 dan kes khas 11 iaitu dokumen yang diterima selepas tarikh tutup RM 27,500.00. Ini adalah jumlah 779 ini jumlah Khairatnya RM 859,000.00. Ini adalah jumlah yang sampai kepada YAWAS namun untuk pemberian kepada waris mengikut daerah saya kemukakan di sini Gombak jumlah belum dibayar 1 orang, Hulu Langat 104 orang, Hulu Selangor 2 orang, Klang 431 orang, Kuala Langat 4 orang, Kuala Selangor 4 orang, Petaling 82 orang, Sabak Bernam 2 orang dan Sepang 11 orang. Untuk Fasa dua Gombak 9 orang, Hulu Langat 10 orang, Hulu Selangor 1 orang, Klang 19 orang, Kuala Langat 2 orang, Kuala Selangor Tiada semua sudah bayar, Petaling 92 orang, Sabak Bernam sudah tiada, Sepang ada 4 kes lagi untuk fasa kedua. Antara maklum balas yang diterima dari pihak Pejabat Daerah masalah yang menyebabkan pembayaran ini tidak dapat diselesaikan disebabkan ramai peserta yang tidak menjawab panggilan dan sukar untuk dihubungi malah ada di kalangan mereka telah dipanggil beberapa kali tetapi masih juga tidak hadirkan diri ke Pejabat Daerah. Limitasi pergerakan sewaktu tempoh Perintah Kawalan (PKP) juga adalah faktor yang melambatkan proses pembayaran ini di mana sepanjang tempoh PKP yang lepas Pejabat Daerah terpaksa meminimumkan jumlah pengunjung kepada hanya 10 orang sehari. Pihak Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) akan sedaya upaya bekerjasama bersama pihak Pejabat Daerah untuk memastikan semua pembayaran tertunggak wang Khairat Kematian ini dapat diselesaikan selewat-lewatnya 31 Disember 2020.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan mesyuarat seterusnya sambungan usul nombor 11 tahun 2020 usul di Bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Dusun Tua.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mempersilakan Yang Berhormat Bandar Baru Klang untuk menyambung penjelasan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya cuma ada sedikit tambahan sahaja. Tuan Speaker, semalam saya menyatakan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas dalam Dewan harus memberi fokus kepada bidang kuasa ataupun *Terms of Reference* mereka daripada melampaui batas melibatkan perkara yang harus dikaji itu yang fokus. Jadi, yang saya bangkitkan adalah Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan harus menumpu pada tugas hakikinya daripada masuk ke bidang di mana di luar mereka tetapi juga menyebabkan mereka tidak dapat memperoleh gambaran sebenar dan butir-butir yang sebenar, termasuk sekiranya perkara pokok dan perancang itu, perniagaan atas talian, pembangunan perniagaan atas talian untuk peniaga kecil itu sekiranya kita dimaklumkan lebih awal, lebih .. maklumat yang lebih

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

*detail* dapat dibekalkan maka dapatannya juga lain dan saranan juga akan berlainan kerana butir-butir akan diberikan oleh Jawatankuasa Tetap Keusahawanan dan Jawatankuasa Tetap saya, Pelaburan dan Perdagangan dapat memberi butir-butir yang lebih baik tetapi itu mungkin di bawah Jawatankuasa Pilihan Raya bukan di bawah Jawatankuasa Pilihan Kemiskinan ini. Dan saya cuma bagi satu contoh umpamanya, penemuan Jawatankuasa mencadangkan supaya 100,000 peniaga kecil dan usahawan dimasukkan ke dalam perniagaan atas talian yang ini adalah satu saranan yang tidak mungkin dapat dilaksanakan walaupun diterima sekalipun sebab usahawan ini dia terdiri daripada pelbagai perniagaan termasuk penjual goreng pisang di jalan raya, termasuk juga penjual nasi lemak jadi, mereka tidak ada kapasiti sebenarnya, yang patut kita buat adalah membina kapasiti mereka supaya mereka dapat memperkembangkan perniagaan sebelum nak cerita tentang atas talian. Itu yang saya maksudkan.

Dalam program terkini, yang terbaru yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sepanjang tempoh PKP ini adalah kita bekerjasama dengan *Shopee* dengan peruntukan RM 1 Juta, kita mengadakan e .. Selangor E-Bazar Raya di mana kita keluarkan RM 1 Juta sebagai insentif menggalakkan usahawan yang kecil ini menyertai *Shopee* sebagai penjual dan menggalakkan orang ramai membeli, menyokong mereka. Kita hanya dalam tempoh yang kita, walaupun kita dalam keadaan kita beri insentif sekali pun hanya kita dapat 5 atau 6,000 peserta yang baru. Itu pun kira satu pencapaian yang cukup baik. Tetapi, masalah ini kita dapati bahawa mereka tidak meng *update* kan dan tidak berani sebenarnya cuma daftar, setakat daftar. Yang aktif itu ramai yang tak berani dan mereka menghadapi masalah sebab tidak ada kapasiti untuk membekalkan barangan yang dipesan oleh pembeli. Jadi, itu adalah perkara-perkara yang sebenarnya lebih, ataupun di luar bidang pembasmian kemiskinan. Itu pandangan daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pembasmian Kemiskinan atau JPK Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Pembangunan Perniagaan Atas Talian Atau e-Dagang Untuk Peniaga Kecil di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2020. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. (Ahli Dewan berkata ya). Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya, Usul No. 12 Tahun 2020. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Subang Jaya.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul seperti berikut bahawasanya menurut Peraturan Tetap 76 (5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Negeri Selangor bagi Dewan Negeri Selangor berhubung pencemaran sumber air sehingga menyebabkan henti tugas tidak berjadual loji-loji rawatan air dan pembekalan air semasa kecemasan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2020. Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2018 sehingga kini, sudah terdapat tujuh (7) insiden pencemaran yang menyebabkan henti tugas tidak berjadual. Jumlah masa gangguan air ke semua insiden adalah lebih kurang 25 hari. Kebanyakan insiden pencemaran wujud akibat pembuangan bahan pencemar oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Ini merupakan perkara yang amat serius. Oleh itu, sejak tertubuhnya Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Negeri Selangor sebaik sahaja selesai Perintah Kawalan Pergerakan, kami telah mengadakan dua (2) Pendengaran Tertutup pada 19 dan 21 Mei 2020 dengan Air Selangor, LUAS, Jabatan Alam Sekitar, SPAN, MPKj, MDHS dan IWK.

Saya tidak akan menghuraikan setiap butir hasil siasatan namun Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mendapatkan perincian tersebut daripada Penyata yang telah diterbitkan. Saya akan memberi tumpuan kepada cadangan yang ingin dikemukakan oleh Jawatankuasa. Terdapat sejumlah 38 saranan yang ingin kami kemukakan. Saya akan menghuraikannya melalui lima (5) tajuk besar iaitu :

1. Pindaan undang-undang
2. Perancangan
3. Infrastruktur
4. Pemantauan dan Penguatkuasaan
5. Kewangan

Bagi memastikan saranan-saranan Jawatankuasa dilaksanakan, kami mencadangkan supaya Pelan Tindakan Bersepadu menangani pencemaran sumber air Negeri Selangor yang telah disahkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 11 Mac 2020 melalui kertas EXCO MTES No. 1, Julai 2020 dipinda untuk merangkumi cadangan-cadangan yang dikemukakan. Berkenaan pindaan undang-undang, Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri meminda Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999. Di samping itu, Jawatankuasa juga menyarankan supaya Kerajaan Negeri berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. Pindaan yang kami harap dirangkumi dalam pindaan undang-undang tersebut adalah:

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

1. Peningkatan denda bagi kesalahan pencemaran air
2. Meletakkan had minima denda tersebut
3. Mewajibkan hukuman penjara
4. Memastikan semua pesalah utama dan pesalah nominal dikenakan tindakan

Selain itu peraturan kemasukan atau pelepasan bahan pencemar Negeri Selangor 2012 juga wajar dipinda bagi menyatakan standard baru untuk bahan pencemar yang dilepaskan. Bagi kesalahan yang dibawa oleh PBT kepada mahkamah, Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri berunding dengan pihak-pihak berkepentingan untuk mengaturkan supaya hasil denda disalurkan kepada PBT di samping menjadi insentif penguatkuasaan hasil denda juga bakal menjadi sumber kewangan untuk PBT memantapkan lagi sistem penguatkuasaan mereka. Bagi mengatasi masalah pembuangan sisa ke dalam sungai, Jawatankuasa berpendapat bahawa perlu wujudkan sistem untuk mengawal cara pembuangan. Jawatankuasa juga mencadangkan Kerajaan Negeri menyegerakan perundingan untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan Persekutuan agar Negeri Selangor dapat menggubal Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal sendiri. Dengan itu, Kerajaan Negeri Selangor boleh mensyaratkan premis industri, tapak pembinaan, ladang-ladang dan premis-premis lain untuk melantik kontraktor bertauliah yang disahkan PBT atau Kerajaan Negeri Selangor.

Sementara menunggu penggubalan Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal, Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengarahkan semua PBT untuk menetapkan syarat pelantikan kontraktor pengutipan sampah bertauliah dalam lesen semua premis industri, tapak pembinaan dan ladang-ladang seperti yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor. Saya beralih kepada tajuk besar seterusnya iaitu perancangan. Perkara pertama, Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menyegerakan pelaksanaan jumlah beban harian maksimum atau dengan izin, *total maximum daily load* dengan singkatan TMDL, *zero discharge policy*, amalan kitar semula efluen dan *polluters pay principal* iaitu PPP. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat banyak sungai di Negeri Selangor yang kini telah tua dan tidak mampu menampung bahan pencemar dalam kuantiti yang besar. Pelaksanaan *total maximum daily load* akan mengambil kira tampungan harian yang boleh diterima oleh sungai berkenaan dan juga mewujudkan sistem untuk mengawal kuantiti pengeluaran oleh premis-premis yang menghasilkan pengeluaran atau *discharge*. Sebagai rancangan jangka masa panjang, Kerajaan Negeri wajar berusaha ke arah *zero discharge policy* untuk semua premis yang menghasilkan pengeluaran atau *discharge*. Ini bermaksud mewajibkan amalan mengitar semula efluen yang menghasilkan ataupun mengenakan caj ke atas efluen yang dibuang. Proses ini dikenali sebagai *polluters pay principal* iaitu siapa yang mencemar dia yang bayar.

Semasa menunggu pelaksanaan *total maximum daily load, zero discharged policy*, amalan kitar semula efluen dan *polluters pay principal* Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memulakan proses pendidikan dengan semua pihak berkepentingan terutamanya premis-premis yang mengeluarkan efluen dalam sungai-sungai di hulu loji rawatan air. Dalam usaha bergerak ke atas sistem *polluters pay principal* Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri mengkaji dengan segera binaan infrastruktur bagi menyalur dan merawat efluen-efluen yang dihasilkan.

Perkara kedua, adalah berkenaan pewujudan zon perlindungan sungai. Jawatankuasa mencadangkan supaya Pejabat-pejabat Tanah dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor mengutamakan dan mempercepatkan penggazetan sungai dan kawasan 50 meter ke kiri dan ke kanan sebagai zon perlindungan di bawah Seksyen 28 Enakmen LUAS 1999 untuk mengelakkan masalah penguatkuasaan oleh LUAS pada masa akan datang. Jawatankuasa berharap agar Kerajaan Negeri akan mengeluarkan arahan yang sewajarnya.

Perkara ketiga, adalah di bawah tajuk perancangan. Jawatankuasa mencadangkan supaya isu air dijadikan sebagai agenda tetap dalam Mesyuarat Tindakan Daerah. Pejabat-pejabat Daerah yang memerlukan perhatian tambahan berkenaan sumber air boleh mengadakan mesyuarat khusus berkenaan air. Perkara terakhir di bawah tajuk perancangan. Jawatankuasa memerhatikan bahawa dalam perancangan air Selangor untuk membina loji rawatan air, Air Selangor hanya merancang untuk mencapai sasaran 10 hingga 15 peratus *reserve* bekalan air. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri meminta Air Selangor untuk mengkaji semula pelan kerjanya dan merancang pembinaan LRA ke arah sasaran 20 peratus *reserve* bekalan air seperti yang diminta oleh Pengerusi SPAN Dato' Ismail Kassim pada tahun 2015 dan Pengerusi SPAN Y.B. Tuan Charles Santiago pada tahun 2019. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, negeri Pulau Pinang mempunyai *reserve* bekalan air lebih daripada 30%. Ini bermaksud, mereka mempunyai bekalan air yang cukup jika loji rawatan air perlu ditutup sebahagiannya seperti pam air, tangki mendapan, unit penapisan, peralatan elektrik dan peralatan teknikal untuk penyelenggaraan rutin.

Saya kini akan beralih kepada tajuk besar berkenaan infrastruktur. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pada Oktober 2019, Projek *Hybrid Off River Augmented Storage* (HORAS 600) siap dibina. Air mentah yang ditampung HORAS 600 bakal menjadi sumber air pada musim kemarau. Walau bagaimanapun, ia tidak boleh menjadi sumber air apabila berlakunya pencemaran di sumber utama. Ini adalah kerana HORAS 600 tidak disambung ke loji rawatan air. Sebaliknya, air daripada HORAS disalurkan ke sungai iaitu sumber utama dan seterusnya ke loji rawatan air. Ini bermaksud semasa

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

berlakunya pencemaran pelepasan air daripada HORAS tidak berguna kerana ia akan dicampur dengan air sungai yang sudah tercemar. Oleh itu, sebagai cadangan pertama di bawah tajuk infrastruktur, Jawatankuasa mencadangkan supaya reka bentuk HORAS 600 dikaji semula untuk dihubungkan ke loji rawatan air supaya ia dapat menjadi punca air kecemasan.

Perkara kedua, yang juga berkenaan sumber air kecemasan apabila berlakunya pencemaran. Jawatankuasa mencadangkan supaya setiap loji rawatan air dilengkapi dengan kelengkapan *Off River Storage* yang mempunyai kapasiti air mentah antara tiga (3) sehingga (7) hari. Saranan ini pernah dikemukakan oleh JPK SAS melalui Kertas Bilangan 3/2017. Perkara ketiga, Jawatankuasa menyarankan supaya kolam air ataupun infrastruktur air kecemasan yang sesuai dibina di kawasan-kawasan perumahan yang tidak mempunyai kemudahan tersebut. Lanjutan daripada cadangan tersebut, Jawatankuasa menyarankan supaya Piawaian Perancangan Negeri Selangor dan Rancangan-rancangan Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan dipinda untuk mewajibkan pembinaan kolam air ataupun infrastruktur air kecemasan yang sesuai supaya boleh membekalkan air kecemasan untuk tempoh tiga (3) hari. Sementara menunggu pindaan Piawaian Perancangan Negeri dan Rancangan-rancangan Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan dilaksanakan, Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengeluarkan arahan kepada semua PBT untuk mewajibkan pembinaan kolam air ataupun infrastruktur air kecemasan yang sesuai supaya boleh membekalkan tiga (3) hari air kecemasan bagi semua kawasan-kawasan perumahan baru.

Perkara keempat, Jawatankuasa menyarankan agar meningkatkan kaedah rawatan air mentah kepada *best available technology* yang boleh didapati di pasaran sedunia. Dengan itu, loji rawatan air akan dapat menapis bahan yang buat masa ini tidak boleh ditapis dengan kaedah sedia ada. Ini akan menjamin kualiti keselamatan air yang tinggi untuk pengguna. Tajuk besar seterusnya ialah berkenaan pemantauan dan penguatkuasaan yang merupakan komponen yang penting dalam menangani pencemaran air. Cadangan pertama, adalah berkenaan penyelarasan. Jawatankuasa mencadangkan supaya semua aktiviti dan operasi berkaitan air dilakukan secara bersepadu oleh semua agensi berkaitan. Jawatankuasa menyarankan supaya struktur Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor juga digunakan untuk operasi penguatkuasaan bersepadu dan mesyuarat berjadual supaya usaha semua pihak berkepentingan seperti PBT, SPAN, Jabatan Alam Sekitar, AIR Selangor diintegrasikan untuk mengelakkan kekeliruan. Berkenaan sistem, Jawatankuasa mencadangkan untuk menggunakan Ops Sumber Air sedia ada. Sebagai penambahbaikan, Jawatankuasa mencadangkan agar kekerapan operasi ditingkatkan supaya ia tidak tertakluk kepada musim perayaan sahaja. Ini adalah untuk mewujudkan budaya bertanggungjawab dalam kalangan masyarakat melalui pemantauan dan

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

penguatkuasaan. Pemantauan juga wajar dijadualkan dan bukan dilaksanakan secara bersasar atau *ad-hoc* supaya kekerapan dijamin.

Cadangan kedua di bawah tajuk pemantauan dan penguatkuasaan adalah untuk memastikan keberkesanan. Jawatankuasa mencadangkan supaya selain Ops Sumber Air, penguatkuasaan wajib dijadualkan dan kekerapan pemantauan ditingkatkan ke atas *point sources* dan *non-point sources* oleh Jabatan Alam Sekitar, LUAS, PBT, PDT, dan SPAN. Penguatkuasaan sebegini tidak dibuat, tidak boleh dibuat secara *ad-hoc*. Cadangan ketiga, Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri menambah bilangan kakitangan penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar, LUAS, Pejabat Tanah dan PBT supaya penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih kerap dan menyeluruh. Ini juga merupakan permintaan daripada agensi-agensi yang menghadiri sesi pendengaran tertutup tempoh hari. Cadangan keempat, Jawatankuasa mencadangkan penggunaan teknologi seperti *drone* ataupun CCTV untuk melaksanakan pemantauan. Selain itu, Jawatankuasa mencadangkan untuk menyegerakan proses pengenalpastian peralatan yang efektif bagi mengesan pencemaran bau. Cadangan kelima ialah kelengkapan inventori oleh semua agensi. Jawatankuasa menyarankan supaya Jabatan Alam Sekitar, LUAS, Pejabat Tanah dan semua PBT berbincang bersama untuk menyelaraskan inventori kilang termasuk kilang haram agensi masing-masing. Ini adalah untuk memastikan tiada kilang yang tercicir daripada inventori dan supaya penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan untuk mengatasi masalah kilang haram. Selain kilang, Jawatankuasa juga menyarankan supaya LUAS, Jabatan Alam Sekitar, PBT-PBT dan Pejabat Tanah berkongsi dan meningkatkan *inventory point sources* dan *non-point sources* dan premis-premis haram. Semua agensi juga wajar melaksanakan banci tahunan di tapak untuk memastikan inventori mereka adalah sempurna.

Perkara keenam, Jawatankuasa juga menyarankan supaya Pejabat Tanah mengambil tindakan segera ke atas semua penceroboh tanah kerajaan terutamanya mereka yang melaksanakan aktiviti yang menghasilkan dan melepaskan bahan pencemar ke dalam sungai. Perkara ketujuh adalah berkenaan penyelarasan semula stesen pemantauan ataupun stesen telemetri. Jawatankuasa mencadangkan supaya pemantauan daripada 11 RMS AIR Selangor, empat (4) stesen telemetri AIR Selangor, 11 stesen telemetri LUAS dan 96 tambah lima (5) stesen pemantauan air Jabatan Alam Sekitar serta data yang dikumpul wajar diurus oleh LUAS dan maklumat yang dikumpul wajar dikongsi bersama semua agensi berkepentingan. Kini hanya maklumat daripada stesen-stesen telemetri AIR Selangor dan LUAS dikongsi antara mereka sendiri. Selain itu, Jawatankuasa juga mencadangkan supaya lebih banyak stesen pemantauan air dibina bagi memastikan semua sungai di hulu LRA diliputi. Sebelum pembinaan dirancang, Kerajaan Negeri perlu memastikan tidak ada penindihan RMS yang dicadangkan dengan RMS sedia ada daripada Jabatan Alam Sekitar, LUAS dan AIR Selangor. Jadual

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

pembinaan RMS perlu dirancang supaya RMS dibina di kawasan kritikal dahulu. RMS juga perlu dibina di tempat yang strategik untuk memastikan pencemaran dapat dikesan dengan lebih awal di samping memastikan RMS dibina di lokasi selepas premis-premis kritikal yang berkemungkinan besar mengeluarkan bahan pencemar.

Jawatankuasa mengambil maklum berkenaan isu vandalisme RMS. Jawatankuasa mencadangkan supaya RMS dibina dengan reka bentuk yang boleh mengelakkan vandalisme untuk melengkapi RMS dengan CCTV. Isu vandalisme tidak wajar menjadi alasan untuk tidak membina lebih banyak RMS. Perkara kelapan adalah berkenaan loji air IWK. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, IWK mempunyai 726 buah loji rawatan kumbahan awam yang terletak di hulu loji rawatan air. Bukan semua IWK mempunyai pemantauan 24 jam. Oleh yang demikian, memandangkan IWK jatuh di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk bergerak secara bersasar ke arah pemantauan sepanjang masa ke atas semua loji rawatan kumbahan IWK di hulu loji rawatan air. Perkara kesembilan, Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri melengkapi setiap PBT yang menjaga kawasan sungai di hulu LRA dengan kemudahan seperti kit pensampelan air insitu, peruntukan analisis air ke Jabatan Kimia Malaysia, *Personel Protection Equipment* (PPE) bagi aktiviti pensampelan dan logistik bersesuaian untuk lawatan siasatan kes yang sukar diakses seperti *kangaroo bar*, lampu limpah dan tayar *off road*. Perkara kesepuluh, di bawah tajuk pemantauan dan penguatkuasaan. Jawatankuasa dengan ini ingin menyampaikan beberapa cadangan yang dikemukakan oleh PBT kami mencadangkan supaya Kerajaan Negeri berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan ulasan daripada PBT sebelum mengeluarkan permit atau lesen daripada agensi Persekutuan contohnya permit daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk pengimportan bahan kitar semula. Permit lori daripada agensi Pengangkutan Awam Darat dan lain-lain. Ini adalah untuk mengatasi masalah di mana proses pengoperasian premis haram dapat berterusan dengan adanya permit tersebut walaupun tidak ada kebenaran daripada Majlis. Semua perkara bawah tajuk penguatkuasaan dan pemantauan telah saya huraikan. Dengan itu, saya akan beralih ke tajuk besar terakhir iaitu berkenaan kewangan.

Perkara pertama adalah berkenaan pembayaran kos pembersihan bahan pencemar dari sungai. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menyediakan dana khas melalui Belanjawan Kerajaan Negeri. Atau dua, menstrukturkan penyumbangan agensi-agensi daripada satu tabung untuk membiayai usaha pembersihan punca pencemaran. Secara alternatif, Kerajaan Negeri juga boleh menyediakan prosedur yang jelas untuk menentukan keadaan di mana apa agensi yang perlu membiayai kos pembersihan. Ini adalah untuk mengatasi masalah setakat ini di mana dana-dana perlu dikeluarkan oleh

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

agensi-agensi apabila diarahkan secara *ad-hoc*. Perkara kedua adalah cadangan untuk meningkatkan sumber kewangan untuk menampung kos penambahbaikan yang dicadangkan. Berkenaan perkara ini, Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri mengkaji pelaksanaan *development levi* dengan caj dan struktur yang munasabah bagi meningkatkan pendapatan untuk mempercepat pembinaan infrastruktur yang dicadangkan dalam Penyata ini. Demikian ringkasan penemuan dan cadangan yang ingin dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan Sumber Air Negeri Selangor berkenaan isu pencemaran air dan sumber air kecemasan. Tuan Speaker, saya mohon mencadang

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Ya, silakan Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Banting berdiri di sini untuk melafazkan sokongan saya terhadap usaha dan juga *input* yang begitu padat yang dilakukan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Sumber Air Negeri Selangor. Saya berdiri di sini untuk memberi satu peringatan ataupun makluman kepada semua yang mengikuti sidang Dewan ini iaitu Laporan ataupun Penyata ini adalah berkenaan dengan pencemaran sumber air sehingga menyebabkan henti tugas tidak berjadual loji-loji rawatan air dan juga pembekalan semasa kecemasan. Maka ia adalah sangat spesifik iaitu ia tidak melibatkan isu berkenaan dengan penukar gantian paip air yang telah usang. Ia amat spesifik adalah itu berkenaan dengan pembinaan loji-loji rawatan air dan juga isu-isu yang berkaitan dengan pencemaran, perancangan, penguatkuasaan dan juga kewangan ataupun pembiayaan teknologi-teknologi dan juga infrastruktur-infrastruktur yang diperlukan untuk memastikan tidak akan berlaku lagi henti tugas yang tidak berjadual ini.

Tuan Timbalan Speaker, saya percaya bahawa Penyata ini adalah tepat pada waktunya kerana saban hari rakyat Negeri Selangor terpaksa berdepan dengan gangguan bekalan air yang tidak berjadual. Yang berjadual itu adalah berkaitan dengan daripada segi *maintenance*, penyelenggaraan dan sebagainya. Tapi, apa yang lebih menakutkan kita ialah berlaku *incident* yang tidak berjadual. Di mana ia, selalunya melibatkan satu situasi yang mana kita tidak dapat menjangkakan bila agaknya bekalan air akan dipulihkan kerana situasi pencemaran dan sabotaj itu adalah di luar jangkaan. Maka saya menggesa kerajaan supaya memberi pengesahan, sebenarnya Yang Berhormat Subang Jaya telah pun memberi satu penjelasan yang diringkaskan dalam Penyata ini sebenarnya terdapat 38 cadangan yang saya rasa cukup panjang dan cukup padat. Ini menunjukkan Jawatankuasa telah pun melakukan satu tugas yang sangat berguna dan sangat padat untuk menghuraikan keseluruhan permasalahan ini kepada Dewan dan

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

saya kira perbincangan Dewan yang seterusnya selepas ini ya, pastinya perlu menggunakan Penyata ini sebagai satu *benchmark* ataupun satu rujukan dalam mengatasi dan juga menyelesaikan masalah ini. Saya juga suka ingin membangkitkan satu isu spesifik yang melibatkan kawasan saya dan sama seperti kawasan seperti Subang Jaya yang terletak sebenarnya dalam Bahasa Inggeris dengan izin, *at the end of the service line* Subang Jaya. Saya kira kawasan Sijangkang dan juga sebahagian daripada kawasan DUN Banting juga terletak *at the end of the service line* di mana kiranya apa-apa berlaku di loji rawatan air Semenyih pastinya rakyat di Kuala Langat di Sijangkang, Telok Panglima Garang dan Jenjarom akan kena. Akan terasa kesannya. Dan hal ini berlaku kerana kita mengambil masa yang cukup panjang untuk bekalan air itu dipulihkan. Dan loji rawatan air Semenyih mengikut apa yang saya tahu adalah sebuah loji rawatan air yang cukup usang dan cukup lama. Saya berasa syabas kerana pada tahun lepas Kerajaan Negeri Selangor telah pun menyiapkan loji rawatan air Labohan Dagang dan sekarang ini ia masih belum lagi mencapai tahap maksimum.

Saya dimaklumkan bahawa selain daripada loji rawatan air Labohan Dagang ini Kerajaan Negeri juga perlu melengkapkan jaringan bekalan air melalui paip air yang baru yang merentasi, yang melibatkan apa ni kolam takungan air di Jugra dan berfungsi untuk membekalkan bekalan air ke kawasan seperti Sijangkang, Rimbayu, Cheding dan sebagainya pada masa-masa yang akan datang. Saya ingin bertanya kepada...

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Speaker, boleh minta sedikit pencerahan Banting?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Banting. Isu yang dibahaskan tadi ya menyebutkan selalu kawasan ataupun DUN Sijangkang dan juga Banting ni adalah kawasan yang akan terkesan sebab dia kawasan hujung. Bila kena, kena dulu bila selesai dia yang paling lambat. Tapi saya tak tahu mungkin Banting ada jawapan ya kerana baru-baru ini diumumkan apabila ada penambahbaikan di loji Sungai Selangor yang diputuskan pada 14 hari bulan sehingga dijangkakan 17 hari bulan. Pada awalnya saya pun agak kecewa sebab baik pulih ini ataupun penambahbaikan ini dilakukan waktu permulaan persekolahan 15 hari bulan, semalam. Tetapi saya agak hairanlah kali ini sebab rasanya tidak terkesan di kawasan hujung ini bahkan kalau saya dapat maklumat semalam 76% kawasan Kuala Langat selesai 100% bahkan Klang yang 0% ya saya tidak tahu apa puncanya biasanya kita kena dulu tapi kali ni kita agak selamat. *Alhamdulillah* lah. Tapi saya tidak tahu apa jawapan dia.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya juga berasa *Alhamdulillah* lah kerana ianya tidak seserius air apa yang kita jangka tetapi itu sebabnya Tuan Timbalan Speaker, pada permulaan ucapan saya. Saya khusus, saya menyatakan dengan khusus bahawa penyata ini adalah berkaitan dengan pencemaran sumber air sehingga menyebabkan henti tugas tidak berjadual loji-loji rawatan air. Yang disebutkan oleh Sijangkang sebenarnya melibatkan henti tugas berjadual. Sebenarnya sedikit keluar topik tapi apa pun sekali saya rasa Yang Berhormat Sijangkang merupakan salah seorang anggota di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas ini sudah pastinya mempunyai jawapan yang lebih padat daripada apa yang saya tahu. Saya kira ialah itu sebabnya kita memerlukan perancangan seperti apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Subang Jaya tadi untuk membina loji-loji rawatan air ya yang lebih canggih yang mempunyai *design capacity*, yang menggunakan teknologi, yang menggunakan reka bentuk yang lebih ke depan yang akan membantu kita mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi sekarang.

Saya kira loji rawatan Labohan Dagang ini untuk rakyat di Kuala Langat, di Kota Kemuning dan mungkin di Subang Jaya barangkali ia akan memberi banyak bantuan di mana sekiranya ianya lengkap apa ni dari segi semua infrastruktur di bahagian hilir ataupun *down stream* lengkap termasuk paip air, termasuk kolam tadahan air ianya lengkap maka saya percaya ia boleh mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat di Kuala Langat selama ini memandangkan tempat kita selalunya terletak di akhir bekalan air. Bagi kawasan Subang Jaya saya difahamkan ianya lebih teruk kerana apa sahaja yang berlaku di kawasan loji rawatan air Semenyih dan loji rawatan air Sungai Selangor kawasan Subang Jaya akan kena tapi sekiranya kalau ia berlaku di loji rawatan air Sungai Selangor bahagian-bahagian di seperti di kawasan seperti kawasan Kuala Langat dan Sepang mungkin akan kurang terasa kesannya. Tetapi apa pun sekali, saya mempelawa Kerajaan Negeri Selangor untuk melihat kembali semua cadangan yang disarankan dalam penyata ini dan juga memberi sedikit maklumat terhadap apa yang berlaku. Cadangan Skim Bekalan Air Bersepadu Air WSS Labohan Dagang , Kuala Langat, Selangor untuk Tetuan Gamuda Land T11, T12. Gamuda Land Kemuning, Tropika Laman, Eco Century di mana Fasa 1 dan Fasa 2 ini masih belum disiapkan sepenuhnya.

Saya khuatir, walaupun kita ada loji rawatan air Labohan Dagang yang canggih, di kawasan Kuala Langat, di kawasan saya tapi sekiranya infrastruktur-infrastruktur di *down stream* ini tidak dapat disiapkan pada waktu yang ditetapkan maka ia akan *defeat the purpose* dan saya memohon penjelasan selanjutnya daripada Kerajaan tentang apakah status loji apa ni cadangan Skim Bekalan Air Bersepadu Air WSS Labohan Dagang ini untuk kebaikan bukan sahaja kawasan saya malahan termasuk kawasan Yang Berhormat Morib, Sijangkang, Kota Kemuning, Dengkil dan juga rakan-rakan di Sungai Kandis, Sentosa dan juga Subang Jaya kerana saya difahamkan infrastruktur ini adalah

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

sangat penting untuk sekitar, kawasan-kawasan sekitar Kuala Langat, Petaling dan juga daerah Klang. Sekian, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya. Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAN BIN ZAMAN HURI** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terutama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Sumber Air Negeri Selangor kerana telah membentangkan bagaimana cara untuk mencari jalan penyelesaian tentang isu pencemaran sumber air sehingga menyebabkan henti tugas tidak berjadual. Loji-loji rawatan air dan pembekalan semasa kecemasan.

Saya ingin menyokong Usul yang dibawa. Cadangan yang dicadangkan oleh pihak Jawatankuasa di muka surat 20, iaitu *point* 4.22, Jawatankuasa menyarankan supaya kolam air ataupun infrastruktur air kecemasan yang sesuai dibina di kawasan-kawasan perumahan yang tidak mempunyai kemudahan tersebut. Sekarang memang kita sedang berlaku krisis air sebab ada pembaikan loji dan apabila bekalan air tu pulih seperti biasa kawasan-kawasan yang hujung seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Banting sebentar tadi kawasan-kawasan yang hujung ni biasanya lambat dapat air dan untuk kawasan DUN Pelabuhan Klang ni kawasan yang paling lambat sekali lah yang akan menerima air ini ialah kawasan Kampung Tradisi Pulau Indah dan kawasan yang sekitarnya dan kalau dia pulih pun tekanan air itu sangat-sangat rendah dia terpaksa memenuhkan dulu kawasan-kawasan bandar. Aliran air tu pergi ke paip-paip di pekan-pekan dulu dan akhir sekali kalau semua tu dah penuh baru lah pergi ke kawasan Kampung Tradisi Pulau Indah dan sekitarnya dan saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri memikirkan perkara ini secara serius untuk membina kolam-kolam air ataupun infrastruktur air kecemasan di kawasan-kawasan perumahan terutamanya di kawasan-kawasan kampung yang dulunya dibina ataupun dibangunkan tidak mempunyai kemudahan seperti kolam air ini dan saya juga menyokong cadangan supaya sementara kita menunggu Pindaan Piawai Perancangan Negeri Selangor dan rancangan-rancangan tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan laksanakan supaya Kerajaan Negeri mengeluarkan arahan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan untuk mewajibkan pembinaan kolam air ataupun infrastruktur air kecemasan yang sesuai supaya boleh membekalkan tiga hari air kecemasan bagi semua kawasan-kawasan perumahan baru. Pelabuhan Klang menyokong USUL.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya. Sentosa.

**Y.B. TUAN GANARAJAH A/L R GEORGE** : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya memang duduk dalam Jawatankuasa ini tetapi saya tertarik

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

dengan apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang iaitu 4.22, Jawatankuasa menyarankan supaya kolam air ataupun infrastruktur air kecemasan yang sesuai dibina. Beberapa tahun yang lalu Kerajaan Negeri telah / terbaca dalam ni, Kerajaan Negeri telah dapatkan satu projek. *Pilot* projek yang dikendalikan di tepi Sungai Selangor untuk mendapatkan satu agensi ataupun satu syarikat *independent water producer* di mana kita perlu tengok di mana kalau boleh kita boleh dapatkan perkhidmatan ya perkhidmatan syarikat tertentu untuk menyediakan air sekiranya ada kecemasan. Itu adalah satu-satunya saya sarankan ataupun minta perhatian Kerajaan untuk tengok macam mana kita boleh juga mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan ini. Itu sahaja. Terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya. Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI** : Baik yang terakhir. Yang terakhir ya. Ok. Terima kasih. Sikit aje. Saya pun seperti mana Sentosa merupakan anggota Jawatankuasa ini. Pertama saya berkongsi lah, kita dalam Negeri Selangor ni memang kalau saya rasa tak boleh dinafikan masalah air ini antara yang paling, paling apa sering dipertakankanlah walaupun kita ni boleh dikategorikan negeri paling maju di Malaysia tapi setiap kali isu air ini lah masalah kita dan saya rasa pandangan saya kita bila Dewan Negeri memutuskan untuk membentuk satu Jawatankuasa Khusus bagi tujuan memantau isu-isu berkaitan air ini dan bila kita ada penyata yang bagi saya cukup komprehensif lah bukan angkat bakul tapi saya rasa ini satu iltizam yang baik dan bila kita sebut tentang politik dan dalam ni pun kalau tuan puan Ahli-Ahli Dewan baca di bahagian 3.43 yang menyebut Jabatan Alam Sekitar (JAS) mereka sendiri kata kita kena ada *political will* maksudnya kalau kita bentang dua tiga penyata berkaitan isu ini pun tetapi kalau di peringkat Kerajaan Negeri sendiri tidak ada *political will* untuk bantu ataupun untuk ambil tindakan terutamanya daripada sudut penguatkuasaan dan kalau saya boleh rujuk muka surat 21, point 4.29 Jawatankuasa ini mencadangkan supaya Kerajaan Negeri berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 merangkumi kesalahan pencemaran bau, meningkatkan denda dan juga meletakkan had minima denda. Saya rasa satu daripada sudut penguatkuasaan itu perlu kuat terutamanya di peringkat PBT sebab kalau kita lihat macam sekarang ini tak apa lah kita semua sedia maklum dia berjadual untuk cuci loji tapi bila yang tak berjadual ni, ini isunya kita bila disiasat ada pencemaran. Ada pembuangan sisa daripada kilang haram jadi lepas tu riuh sekejap tindakan akan di ambil tapi kemudiannya senyap.

Kita pun tak tahu pihak mana yang dihukum. Kita pun tidak dengar ada pihak yang didakwa tapi kalau ada penguatkuasaan di sudut undang-undang dan tingkatkan denda itu, kompaun itu, saya rasa in syaa Allah kita boleh bantu usaha untuk mengekalkan isu

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

apa ni masalah gangguan bekalan air ni. Jadi di pihak kami sebagai Jawatankuasa amat-amat mengharap kita jangan sekadar bentuk Jawatankuasa dalam Dewan ni untuk buat kajian, untuk bentang penyata tapi kalau tidak ada tindakan tegas di pihak Kerajaan Negeri dan di pihak-pihak yang terlibat. *Stakeholders* semua ni, pemegang taruh kita rasa kita hanya akan bercakap sahajalah. Hanya bentang penyata demi penyata, demi penyata. Jadi saya rasa ini satu perkara yang serius dan janganlah kita sekadar berbahas mengusulkan satu cadangan. Berbahas, meluluskan tapi kemudiannya nanti dalam masa tiga atau empat bulan rakyat tanya apa jadi dengan penyata yang Jawatankuasa dah bentang kita tak ada jawapan. Tindakannya tidak ada, jadi saya mohon sangat di pihak Jawatankuasa untuk Kerajaan Negeri ambil serius laporan ini sebab ianya dirangka dan di terjemah dengan bagi saya cukup *complete* lah cukup sempurna untuk kita lihat dan kaji semula di mana silapnya Dasar ataupun tindakan di pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih banyak. Saya mohon menyokong Usul ini. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya jemput pihak Kerajaan sekiranya ada maklum balas.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker dan juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membawa Usul ini dan juga yang telah berbahas mengenai aspek yang saya anggap sangat penting kalau sekarang, kalau dulu satu ketika dianggap bahawa apa ni minyak itu sebagai *black gold* atau emas hitam hari ini air telah diiktiraf dan dianggap sebagai *liquid gold* ataupun emas cair. Emas cecair. Menunjukkan betapa pentingnya sumber air ni kepada setiap negara bukan sahaja kepada negara kita seluruh-seluruh negara di dunia ini.

Jadi saya menerima dan mengucap tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Sumber Air Negeri Selangor yang di Pengerusikan oleh Yang Berhormat Subang Jaya dan dianggotai oleh 7 orang semua ya dalam Jawatankuasa ini. Tahniah. Kita bagi satu ucapan tahniahlah kepada mereka ya dan saya telah meneliti cadangan-cadangan ini dan sebahagiannya kita telah sedang usahakan dan sebahagian lagi tentu dah kita akan beri perhatian untuk dilaksanakan cuma saya hendak komen di sini ada beberapa perkara yang telah ditimbulkan yang boleh kita bantu untuk memperbaiki lagi cadangan-cadangan ini.

Baru-baru ini dalam Mesyuarat Lembaga Urus Air Selangor satu badan bawah Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab sepenuhnya mengenai pengurusan air mentah. Jadi air ini dua komponen, air mentah dan air terawat. Air mentah ini di bawah pengurusan Lembaga Urus Air Selangor. Jadi kita telah meminta Lembaga Urus Air Selangor

melaksanakan apa yang kita panggil sebagai kajian *Integrated Water Resources Management* iaitu Kajian Pengurusan Sumber Air Bersepadu kerana apa kita dapati selama ini kajian-kajian mengenai sumber air ini dibuat secara *adhoc*, terputus dan tidak melihat keseluruhan sistem pengurusan sumber air di negeri ini. Itu kita telah minta dan kalau kita perhatikan sekarang ini, kita hujan bila *time* air hujan banyak, banjir, waktu lain pula air turun di tempat yang kita tak mahu, itu *natural* begitu. Jadi kita kena uruskan sumber air ini supaya dia, dia turun di mana sekalipun, daripada sumber mana sekali pun perlulah kita manfaatkan sebaik mungkin. Ini yang menjadi satu cabaran yang besar supaya airnya tidak turun, kalau banyak dari Klang ke Shah Alam, pergi ke Sungai Klang masuk laut. Kita tak manfaatkan sebab itu di Negeri Selangor adalah negeri paling awal untuk, bagi saya peluang sekejap, saya panjang sikit. Sebab itu apabila kita laksanakan ROS atau pun *River of Storage* ini, simpanan air di kawasan hiliran sungai merupakan satu langkah yang sangat bijak dan terbukti hari ini bahawa langkah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor itu sebenarnya banyak membantu dari segi pengurusan air di Negeri Selangor. Ini antara perkara-perkara yang kita sedang teliti dalam kajian ini untuk melihat sumber air kita datang dari mana dan ke mana perginya air ini. Tak kiralah dari dulu ke hilir atau pun sumber dari air tanah sekalipun kita akan uruskan secara bersepadu untuk mengelakkan, mengurangkan, meminimalkan banjir dan dalam masa yang sama menjaga supaya bekalan air kita akan terjamin untuk masa-masa yang akan datang.

Ini merupakan langkah penting yang kita buat untuk memastikan kelestarian sumber bekalan air Negeri Selangor. Yang khususnya hari ini berhubung dengan isu pencemaran saya sendiri mempengerusikan jawatankuasa tertinggi berhubung dengan masalah pencemaran air yang menjadi gangguan dan kalau boleh kita perhatikan betul-betul. Dia banyak berkait dengan pencemaran bau yang kalau ikut dari statistik dan pencemaran bau ini adalah yang sangat sukar untuk kita kawal kerana tidak ada lagi alat moden *sensor* dan sebagainya yang boleh mengesan bau. Jadi sebab itu kena ada yang paling ada paling mudah yang kita boleh pakai yang ada hidung manusia. Maksudnya kena ada orang hidung duduk situ untuk mengesan bau ini. Ini berlaku di Bukit Mahkota yang kes paling berat iaitu di loji IWK di mana pembuangannya, pencemaran bau ini dan sebagaimana yang disebutkan oleh jawatankuasa juga tak semua loji-loji IWK ini yang beroperasi 24 jam dari segi manusia ya dan ini menjadi yang isu dan kita telah berbincang dengan pihak IWK dengan pihak Jabatan Alam Sekitar bagaimana kita dapat meminimalkan, dan satu lagi isu yang menjadi masalah juga kes-kes yang pembuangan ini dilakukan oleh orang dalaman sendiri tanpa pengetahuan pihak pengurusan. Ini pun kita dapat tangkap beberapa kes lori yang daripada IWK untuk membuang sisa-sisa ini di dalam kawasan sistem saliran atau pun kumbahan IWK, ini pun kita pernah berlaku dulu. Jadi kes maksud saya ini kalau berlaku kes-kes yang *emergency* ini, maka Yang Berhormat EXCO Alam Sekitar akan mengendalikan tapi dari segi pelaksanaan program jangka panjang, jangka pendek untuk melaksanakan sistem pemantauan untuk menjaga

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

pencemaran, ini memang di bawah jabatan infra. Jadi ini yang kita lakukan dan saya ingin menyebut juga di sini bahawa sedikit sebab ada yang ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat Kota Anggerik bahawa tentang isu Air Selangor. Kita kena faham bahawa Air Selangor ini Kerajaan Negeri baru ambil alih setahun. Baru setahun kita ambil alih yang mana sebelum ini telah difaraidkan, dipecah-pecahkan oleh kerajaan dulu menyebabkan pemisahan antara pembekal yang merawatnya lain, itu pun ada banyak syarikat, kemudian yang menguruskan penghantaran lain orangnya dan menyebabkan aspek teknikal dari segi loji rawatan dan bekalan paip kita tidak diurus dengan baik dan sekarang kita dah ambil alih, kita buat teknikal audit, kita dapati banyak kelongongan. Sebagai contohnya di SSP3 yang sekarang ini kita baru selesai berjadual ini. Kita dapati bahawa bagaimana yang teknikal, yang aspek ini dari segi kapasiti pengeluarannya yang disebut itu kita dapati tidak memenuhi sebenarnya. Terpaksa kita buat *upgrading* untuk mencapai kapasiti yang telah diputus dalam reka bentuk. Ini menyebabkan gangguan-gangguan yang akan berlaku dan akan menyebabkan kita kerugian banyak kerana kena betulkan aspek-aspek teknikal ini dan kita akan mengelak semaksima yang mungkin sebarang gangguan yang berjadual ini tetapi tidak dapat tidak terpaksa dibuat kalau tidak dia akan menyebabkan masalah bekalan air yang lebih besar pada masa-masa yang akan datang.

Saya di pihak kerajaan kita berbincang, kita tidak akan saja-saja buat jadual tugas ini kecuali tidak ada pilihan lain terpaksa kita lakukan dalam proses ini. Ini yang kita terpaksa buat dan kita terpaksa bersabar banyak. Saya faham memang ada isu-isu yang ditimbulkan dan terpaksa hadapi bagi menjamin kelestarian atau pun kemampuan sistem bekalan air kita jauh lebih baik di masa akan datang belanjakan RM 30 Bilion dalam masa 30 tahun ini dan tahun depan saja 3 bilion kita akan belanjakan untuk menaiktaraf segala keperluan sistem bekalan air kita, banyak kita akan gunakan untuk membaiki kebocoran untuk nak *upgrade* teknikal, aspek-aspek teknikal dan juga untuk memperbaiki sekarang ini dah turun pada 30% awal dulu sekarang 29% dan saya juga nak beri maklumat pada Banting tadi, sebenarnya tidak benar untuk menyatakan loji rawatan air Semenyih tidak begitu efektif kerana dia usang. Sebenarnya bukan itu, sebenarnya loji rawatan air Semenyih antara yang terbaik, kapasiti dia masa kita nak reka bentuk dia hanya untuk 650 juta sehari. Sebenarnya sekarang beroperasi 9%-25% lebih daripada kapasiti dia yang ada reka bentuk menunjukkan kekuatan kepada loji rawatan air di Semenyih yang masalah di Semenyih ini bukan masalah loji rawatan, masalah pencemaran. Pencemaran pula bukan dari tempat kita daripada Negeri Sembilan, ini kalau saya sebut orang Negeri Sembilan marah pula tapi hakikatnya begitu. Air daripada Sungai Labu iaitu salah satu anak sungai pada sungai Semenyih yang menyalurkan dan kita telah membuat bantahan kepada Kerajaan Negeri Sembilan secara rasmi minta dia baiki supaya tidak berlaku pencemaran di Sungai Semenyih dan Sungai Semenyih ini memang membekalkan air..

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HAJI HANAFI** : Mohon mencelah Yang Berhormat EXCO, terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin mencelah mengenai perbelanjaan lebih daripada RM 20 Bilion akan dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Selangor, terima kasih tapi demi kemampunan, kelestarian sungai-sungai salah satu punca sumber air di Selangor ini, saya terpanggilah, sebelum ini saya ada bangkit di dalam Dewan yang mulia ini bahawa pewartaan sungai-sungai di Selangor ini sejauh manakah, dibuat berapa peratuskah dibuat pewartaan demi kemampunan dan kelestarian ini. Apa yang dimaklumkan jiran kita di Negeri Sembilan boleh kata seratus peratus sungai-sungai telah diwartakan demi memastikan sumber air kita ini sebagai mana yang dibangkitkan oleh Subang Jaya tadi 50 meter kiri kanan perlu terjamin demi kemampunan dan kelestarian untuk masa-masa panjang sumber air di Selangor inilah. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Yang Berhormat Semenyih. Yang Berhormat Semenyih saya rasa salah dengar tadi, yang saya sebut RM 30 Bilion di bawah air Selangor, ini untuk sistem bekalan air kita bukan untuk air mentah kita, ini untuk bekalan air, sistem paipnya, loji rawatannya itu yang akan kita belanjakan RM 30 bilion untuk 30 tahun yang akan datang ini di bawah Air Selangor. Ini untuk air terawat. Untuk masalah yang disebut oleh Yang Berhormat Semenyih tadi, itu berkait dengan sungai-sungai di bawah air mentah. Air sungai ini kita memang sudah wartakan. Sungai-sungai kita semua ada rizab. 50 meter kiri kanan sungai itu memang dah ada, itu memang tidak menjadi masalah bagi kita, baru ini pun kita telah bincang dan kita telah putus kata dasar bahawa dengan penggunaan rizab-rizab sungai.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HAJI HANAFI** : Inventori itu, inventori sungai?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Ya, kita sudah ada semuanya, dan kita dah sempurnakan. Kawasan-kawasan yang *water body* atau pun tempat air kita memang kita dah wartakan dan baru ini saya bincang sebab apa rizab sebab dia berkait rapat dengan pencemaran ini. Kawasan-kawasan yang rizab sungai ini dijadikan tempat untuk selain daripada sumber-sumber yang saya sebut pencemaran dari industri dan sebagainya. Rizab sungai ini kalau tidak diurus dengan baik, menjadi tempat pembuangan sampah, tempat reban ayam, kandang lembu yang akan membantu untuk mencemarkan lagi sungai-sungai kita. Jadi garis panduan itu kita telah luluskan di bawah kertas dasar yang telah diluluskan dalam Mesyuarat SPC baru-baru ini *State Planning Community* untuk penggunaan rizab-rizab sungai. Rizab-rizab sungai ini kita boleh benarkan sebenarnya. Boleh digunakan tetapi kalau digunakan dengan betul, dengan baik, dia bukan sahaja dapat dimanfaatkan sebagai mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat 50,000 ekar di sepanjang sungai itu untuk pertanian, boleh, tidak ada masalah tapi syarat dia apa? Tak bolehlah pakai baja-baja *chemical* sebab apa dia akan mencemarkan pula air kita.

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

Kita kena mengambil kepentingan dua-dua. Kepentingan makanan dan juga kepentingan sumber air kita. Jadi kalau kita nak tanam di tepi sungai bagus. Dia menyelamatkan tempat itu daripada digunakan untuk pembuangan sampah-sampah haram dan sebagainya.

Kita boleh memanfaatkan dengan tanaman dalam masa yang sama kita gunalah baja-baja yang hari ini banyak organik dan sebagainya, lepas itu air kita pun tidak tercemar. Inilah antara perkara-perkara penambahbaikan yang akan kita buat. Dan saya ingin sebutkan di sini yang disentuh oleh Sentosa tadi, Yang Berhormat Sentosa, berhubung dengan *independent water*, kita belum mahu buka sampai ke situ tapi kita ada satu pendekatan baru, kita sedang meneliti sudah kuat *advance* kemungkinan untuk melaksanakan *second piping* untuk air-air yang dipanggil *grey water*. Air-air Sungai Klang, kita akan bangunkan, tidak perlu kita buat *treatment* sampai air minum tapi untuk membekalkan kepada industri dan perkapalan. Ini kita sedang di peringkat penelitian yang terakhir untuk dilaksanakan supaya air-air di sungai kita dapat di manfaatkan, kita *monetize* kan air ini kemudian kita guna balik hasil keuntungan itu menjaga kebersihan sungai-sungai kita. Ini sebab kos kita tinggi, RM 5 Juta setahun kita belanja Sungai Klang untuk pembersihan sahaja. Jadi kos ini perlu kita perolehi dengan cara yang lebih *sustainable* dan kita memikirkan kenapa kita tidak menggunakan air yang ada di Sungai Klang ini untuk kita dapatkan sumber hasil untuk kita bantu ..

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L GEORGE** : Yang Berhormat Pandan Indah. Cadangan itu hanyalah untuk mendapatkan satu-satu atau syarikat *independent* tapi barangan ini sudah ada di seluruh dunia. Kenapa tidak Air Selangor memiliki satu atau dua unit yang boleh membantu sekiranya ada kecemasan dan unit ini juga boleh diguna pakai di kawasan-kawasan tertentu untuk kecemasan. Itu sahaja, terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Yang Berhormat saya faham sebagaimana yang saya sebut tadi kita baru satu tahun kita mengambil alih keseluruhan bekalan air di Selangor kita dalam proses, saya setuju kalau Ahli Yang Berhormat ingat sebelum ini, kita ada air minum ABBAS itu yang dalam botol yang saya rasa sangat-sangat berkualiti dan bila saya tanya ketika itu kenapa benda ini tidak dikomersialkan, dia kata kami belum ada kemampuan lagi, pergi untuk melihat perkara ini dan saya rasa air itu sangat berkualiti. Jadi ini antara perkara-perkara yang kita boleh lihat cuma tumpuan Air Selangor sekarang ini untuk menyusun balik dan melaksanakan kerja-kerja seperti RMW sebab kita bila kita ambil alih kita berdepan dengan aspek teknikal yang sangat mendesak untuk diperbaiki dan kekurangan air bekalan terawat sebab apa kita pada ketika itu 3% sahaja margin dia *reserve* ini, sekarang ini *Alhamdulillah* telah meningkat kepada 11% , 3% Yang Berhormat maknanya kalau ada berlaku sebarang masalah, kita akan terpaksa henti tugas. Ini sangat-sangat kritikal sebenarnya untuk bagi eloknya 15%

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

kena ada *net margin* dia. Sekarang dah naik ke-11 dan *Insyallah* dah siapnya nanti fasa seterusnya Langat 2 ini saya yakin dia boleh naik kepada 15% *margin reserve* yang kita akan ada. Jadi ini tentang dari pertanyaan daripada Klang tadi yang disentuh oleh Pelabuhan Klang, bukan Klang tapi dari Sijangkang tadi, Yang Berhormat Sijangkang tadi walaupun dia di Sijangkang tapi dia prihatin dengan keadaan di Klang sana, saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat.

Ini kita mohon maaf lah, sebab ada berlaku pulak kebocoran di Bukit Tadam, di kolam takungan Bukit Tadam. Itu menyebabkan gangguan sikit di Klang. Bukan kerana isu yang asal. Ini yang lokalis. Masalah tempatan, bersifat tempatan di situ, yang telah pun kita selesaikan. Dan berhubung dengan Pelabuhan Klang, saya amat bersetuju. Dan ini dah pun dilaksanakan oleh Air Selangor. Dan cadangan ini, iaitu kalau dahulunya, Ahli Yang Berhormat boleh ingat, di kebanyakan, boleh kata semua, kawasan perumahan dia akan ada kolam air ini, ataupun *water tower*. Sebenarnya, untuk makluman, dahulunya sebahagian besar kolam-kolam ini tidak berfungsi sebenarnya. Paip air itu terus di salur terus ke rumah. Tidak melalui di tangki. Sebab kos yang tinggi pada masa itu. Kos elektriknya, kos sebagainya, pumping nya, sebab dia perlu pumping. Jadi sebabkan itu nak mengurangkan kos ini. Ada banyak kolam, banyak, saya tak ingat ada berapa ratus. Lebih daripada 1,000. Jadi dia *bypass* sahaja. Menyebabkan apabila henti tugas ataupun gangguan bekalan air, jadi air kat rumah sekejap jer. Dia harapkan tangki dalam rumah itu saja. Tapi sekarang kita telah pun mula mengoperasikan kolam-kolam air ini dan sebahagian besarnya telah pun dah berfungsi sekarang. Sebab itu kita lihat dia sedikit sebanyak membantu. Kalau berlakunya gangguan bekalan air, sekurang-kurangnya tidaklah *immediately*, segera, kita keputusan air di kawasan-kawasan perumahan.

Walau bagaimanapun untuk tambahan itu, kita akan lihat keperluan-keperluan dari semasa ke semasa, memang ada rancangan untuk kita tampung. Lagi satu yang saya telah sebut, mungkin tak ada dalam ini, saya ada minta Air Selangor meneliti, apa yang dipanggil *system redundancy*. *System redundancy*, *pipe redundancy*, ini penting macam Tenaga Nasional, dia ada *loop system*. Kalau bekalan elektrik terganggu disebabkan paip ataupun kabelnya rosak di satu bahagian, dia akan by pass melalui kabel yang lagi satu. Ini dipanggil *system redundancy*. Air pun perlu buat begitu, tapi tentulah kosnya tinggi, sedang kita usahakan untuk memperbaiki keadaan yang demikian, ya.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Kota Anggerik, berhubung dengan isu *political will*. Saya bagi tahu contoh satu yang disebut PPP, bukan parti progresif ya. PPP ni, *polluters pay principal*. Ini sebenarnya boleh dilaksanakan. Saya dah berbincang dengan alam sekitar, memang dah boleh dilaksanakan dengan enakmen yang ada di bawah LUAS. Boleh melaksanakan. Siapa bayar, siapa kumbahan dia lebih, lagi banyak dia lagi bayar lebih. Kita dah di bawah Perancangan Sungai Klang ini, sebagai model pertama ini, kita

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

akan melaksanakan ini. Jadi supaya kilang-kilang ataupun kawasan-kawasan yang mengeluarkan kumbahan ini, mereka akan pastikan kalau boleh *zero discharge*, maka mereka selesaikan di situ. *Recycle* balik, air kumbahan mereka supaya tidak mengalir ke sungai-sungai. Dengan itu mereka akan bayar lebih, kurang bayar untuk mencemar air ini. Ini antara PPP konsep yang '*polluters pay principal*' yang kita, bukan saja meneliti, sebenarnya, *political will* tadi tu, saya sebut sekali lagi perlu dilaksanakan.

Lagi satu contoh yang saya sebut yang mungkin orang melihat, kalau pencemaran ini, dia ingat sungai sahaja, yang syarikat-syarikat industri yang besar-besar. Saya terus terang bagi tau sini, pengalaman jadi Ahli Majlis berpuluh tahun. Antara yang menyumbang banyak kepada pencemaran ini adalah *sullage*. *Sullage* ini adalah air kumbahan ataupun air yang daripada restoran-restoran ini terutamanya. Kalau kita kira berapa banyak restoran, dulu 24 jam, sejak tak ada 24 jam ni, kurangnya sikit. Dia kalau dikumpulkan mereka mengalir terus ke longkang. Dan ke sungai. Nanti kejap. Kalau kata kononnya dululah kita pakai *grease trap*. Saya tau ni ahli majlis, bekas-bekas Ahli Majlis pun ramai dalam ni. Mana ada *grease trap* ke. Ada sarang saja. Buka tengok, tak ada apa. Ya, ini hakikat yang pihak PBT, kita kena fikirkan. Bukan fikirkan saja, kita kena *political will*. Untuk melaksanakan dan *strict* tentang perkara ini. Kalau kita kira berapa banyak restoran, kalau di campur semua, ini antara penyumbangan besar kepada pencemaran di sungai-sungai kita. Ini antara perkara yang saya perlu kita *aware* dan tegaskan dan kita, sekali lagi saya bagi pihak kerajaan mengucapkan terima kasih. Ada lagi.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ada minta satu, saya ada menyebut tentang status skim bekalan air bersepadu, IWSS Labohan Dagang.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Sebenarnya soalan itu, Y.B. dah pun, Yang Berhormat dah bertanya pun. Dan saya ada dalam soalan Dewan. Tapi, saya bagi tau secara umum lah. Saya, itu antara satu perkara lagi yang kita pertimbangkan. Kita akan meluluskan Labohan Dagang. Kerana Labohan Dagang atau kawasan Kuala Langat bergantung air dengan Sungai Semenyih. Daripada Loji Rawatan Sungai Semenyih. Tapi kita buat Labohan Dagang ini, supaya, sekarang ini, air di kawasan Kuala Langat dapat air langsung daripada Loji Rawatan Labohan Dagang. Saya faham ada sedikit *delay*, dari segi *down stream*. Itu yang kita akan perkemaskan. Dan saya tak dapat *exactly*, tapi memang kita ada bimbang bahawa perkara ini untuk diselesaikan secepat mungkin. Untuk Klang nanti, kita ada Sungai Rasau. Sekarang Klang *complaint*. Dia selalu bergantung pada tempat lain. Sungai Rasau nanti memang khusus untuk menyediakan air terawat bagi Klang. Itu dah ada bajet kita, dah lulus. Kita dah ada perancangan itu untuk dilaksanakan, Sungai Rasau. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan Yang Berhormat Kajang.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ingin memberi sedikit maklumat, tentang cadangan yang diutarakan oleh Jawatankuasa Pilihanraya Khas mengenai Pengurusan Sumber Air. Sebenarnya Sumber Air di bawah Jawatankuasa EXCO Infra, tapi untuk pencemaran di bawah portfolio saya. Untuk, saya nak jawab sikit untuk tiga perkara. Yang pertama tentang pemasangan stesen telemetri kuantiti dan kualiti air serta kolaborasi projek dengan Air Selangor untuk *early warning system*, bagi muka sau, LRA selaras aplikasi 4.0, IOS, IOTS. LUAS telah mengambil inisiatif membangun stesen telemetri kuantiti dan juga kualiti air sejak 2016. Inisiatif yang telah pun diperkenal oleh LUAS ini merupakan sebahagian daripada komponen penting di dalam pembangunan *smart digital system*. Usaha ini bagi memenuhi misi penerapan aplikasi *internet of thing* iaitu IOTS, dalam Smart Selangor Water Management, di dalam pelaksanaan pemantauan sumber air secara *online*. Sehingga kini, LUAS mempunyai 10 stesen telemetri kuantiti air, yang meliputi paras air hujan juga kadar alir dan juga satu stesen telemetri kadar air yang meliputi enam Parameter Akses Asas serta Indeks Kualiti Air, IKA. Berikut adalah lokasi stesen telemetri milik LUAS;

Yang pertama, ada 6 stesen kuantiti air di Lembangan Sungai Selangor. Yang kedua, ada 4 stesen kuantiti air di Lembangan Sungai Langat. Yang satu lagi stesen kualiti air di Jambatan Dengkil iaitu Hulu Muka Sauk, LPA Bukit Tampoi.

LUAS telah berkolaborasi dengan pihak pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. bagi pembinaan River Monitoring Station iaitu RMS di lembangan sungai kritikal. Pengembangan RMS ini merupakan kerjasama pintar, iaitu *smart and strategic partnership* dalam pemantauan sumber air secara *online*. Dan juga sebagai sistem amaran awal, iaitu *early warning system*. Jika berlakunya insiden pencemaran sumber air. Kerana kedudukan semua stesen adalah di hulu muka sau LPA. Berikut adalah lokasi RMS yang telah pun dibina, kerjasama pihak LUAS bersama pihak pengurusan Air Selangor.

Yang pertama, 4 stesen kualiti air di Lembangan Sungai Selangor. Satu stesen masih dalam pembinaan. Yang kedua, 6 stesen kualiti air di Lembangan Sungai Langat, kini masih dalam peringkat pembinaan. Yang ketiga, satu stesen kualiti air di Lembangan Sungai Klang. Kini masih dalam peringkat pembinaan. LUAS juga telah pun memohon peruntukan dari UPEN dalam Rancangan Malaysia ke 12, bagi cadangan tiga lagi stesen telemetri kualiti air dan ianya tertakluk kepada kelulusan. Yang kedua tentang pelaksanaan Ops Sumber Air Selangor, semasa musim perayaan, iaitu pemantau dalam tempoh 24 di lembangan sungai, bagi memantau dan mencegah aktiviti yang berpotensi menyebabkan pencemaran dan henti tugas loji.

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

Untuk makluman Yang Berhormat, inisiatif kerajaan Negeri Selangor melalui Ops Sumber Air, ataupun Operasi Pemantauan Sumber Air secara bersepadu bagi tempoh 24 jam bersama agensi berkaitan di lembangan sungai yang sensitif seperti Lembangan Sungai Langat, Lembangan Sungai Selangor, Lembangan Sungai Klang.

Pelaksanaan Ops Sumber Air ini tidak terhad, hanya musim perayaan Tahun Baru Cina, Perintah Kawalan Pergerakan PKP dan juga Hari Raya Aidil Fitri. Pemantauan di laksanakan di lebih 20 kawasan sumber air, termasuk kawasan tadahan air empangan, rizab sungai, premis-premis yang dikesan dilesenkan, loji air IWK dan sekitar kawasan perindustrian yang berisiko di hulu muka sawk Loji Pembersihan Air LPA. Berdasarkan keputusan MMKN ke 20, iaitu pada 3 Jun 2020, disahkan MMKN ke 21, pada 10 Jun 2020, mulai 1 Jun 2020, pelaksanaan pemantauan 24 jam dilaksanakan bersepadu bersama pengurusan Air Selangor, di lembangan sungai utama, iaitu Lembangan Sungai Selangor, Sungai Bernam serta Sungai Langat, termasuk Sungai Semenyih. Bagi memantau dan mengekang daripada berlakunya pencemaran yang berisiko, menyebabkan henti tugas LPA. Iaitu Ops Sumber Air ini kita akan *start* buat 24 jam mulai 1 Jun 2020. Berkenaan dengan pindaan undang-undang, yang telah pun dicadangkan untuk makluman Yang Berhormat semua...

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Timbalan Speaker, mungkin minta sedikit pencerahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Antara yang kita dapati dalam jawatankuasa ini adalah berkaitan dengan RMS tadi, yang mempunyai *estimated time* yang kita dapati berbeza-beza dan antaranya yang terlalu, masa yang, masa yang terlalu suntuk. Sebagai contoh untuk Loji Rawatan Labu. Kedudukannya yang mengambil masa hanya setengah jam untuk memberikan *early warning system* dan mungkin Kerajaan Negeri ada perancangan berkaitan dengan stesen-stesen ini untuk dilihat semula kedudukan. Kalau, saya ingat, kalau setengah jam dia, makna kita tak dapat nak buat apa-apa untuk mengambil tindakan apabila ada satu pencemaran. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Biasanya pemantauan ini di antara setengah jam hingga satu jam. Kerana aliran air sungai in deras dan cepat, dengan pantas. So, dia, *early warning system* itu yang kita pasang berdekatan dengan RMS, dengan stesen itu tak jauh dari stesen. So, kalau nak pasang yang lebih jauh sikit, ni berlaku masalah vandalisme. Di mana tak ada orang kawal stesen itu. So, kita sedang pastikan lokasi-

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

lokasi yang bersesuaian untuk pemasangan RMS ini. Bagi kita sedikit masa, kita akan memperbaiki keadaan yang ini, ya.

So, berkenaan, berhubung dengan pelaksanaan undang-undang yang sedia ada, yang mengatakan undang-undang sedia ada terlalu, di mana dendanya tak seberapa dan juga penjara dia pun tak seberapa. Dan untuk makluman semua, mesyuarat kerajaan, Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Semula Enakmen LUAS 1999, telah pun bersetuju supaya jumlah denda bagi kesalahan berkaitan pencemaran sumber air dinaikkan daripada RM 100,000.00 kepada RM 500,000.00, setengah juta. Tertakluk kepada kelulusan pindaan enakmen LUAS 1999. Cadangan meletakkan had minimum denda dan hukuman penjara juga turut dicadangkan dalam Jawatankuasa Semakan. Lembaga mensasarkan supaya pindaan enakmen ini dapat di bentangkan di dalam sidang DUN pada bulan November 2020. So, saya harapkan semua Yang Berhormat, termasuklah sebelah pembangkang memberi sokongan kepada enakmen ini, semasa dibentangkan. Dan juga daripada Jabatan Alam Sekitar, di mana pindaan undang-undang sedang pun dibincangkan dan dalam tahap sekarang di tangan Jabatan Peguam Negara, di mana Jabatan Alam Sekitar telah pun menyiapkan kertas kerja pindaan Rang Undang-undang Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, dibentangkan pada Dewan Rakyat tahun ini. So, kita harap Pusat boleh main peranan untuk bantu kita kerana denda dan juga penjara yang sedia ada tidak dapat menakutkan pesalah-pesalah itu.

Yang sekarang denda RM 500 Ribu dan juga penjara 5 tahun tak seberapa, mereka tidak takut. Kita cadangkan supaya RM 500 Ribu itu dinaikkan ke RM 1 Juta dan juga penjara ke 10 tahun. Dan kita harap ada juga klausa yang bagi denda untuk pembersihan, iaitu pembersihan pencemaran perlu dipertanggungjawabkan oleh pesalah itu. Kalau hendak pembersihan bahan kimia itu melibatkan berjuta-juta, syarikat itu kena dipertanggungjawabkan. So, itulah yang sedang berlaku dan kita harap agar undang-undang ini akan dibentangkan di Parlimen pada tahun ini juga, sekian.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE** : Tuan Timbalan Speaker, mohon penjelasan sedikit. Saya terima baik apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat EXCO, Cuma saya ingin menekankan bahawa kenaikan sekadar kenaikan denda atau pun penjara tidak memadai. Sebabnya kalau kita rujuk dalam penyata, kita pun telah dapat maklumat daripada Jabatan Peguam Negara pada muka surat 30. Di mana ia menyatakan walaupun dengan denda sedia ada ya, apa yang telah diletakkan sebagai hukuman oleh Mahkamah, paling tinggi pun RM 75 Ribu. So, itu sebabnya kita menekankan had minimum yang ditetapkan dalam akta supaya secara dasar kita maklumkan sebagai garis panduan kepada hakim berkenaan. Had minimum yang perlu dihukum untuk mereka-mereka yang melakukan kesalahan mencemar air ya. So, saya berharap bahawa *point* ini diberi penekanan sewajarnya, terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Yang Berhormat daripada Subang Jaya. Memang had minimum denda tersebut akan dimasukkan ke dalam Rang Undang-Undang yang sedia ada. Kita harap ia dilaksanakan tapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat hanya setakat pelaksanaan denda dan hukuman tidak mencukupi. Di mana pihak LUAS dan Air Selangor sedang bergiat untuk mengadakan kempen kesedaran untuk semua premis terutama kilang-kilang. Kita akan bekerjasama dengan JAS, dengan LUAS untuk memperbanyakkan kempen-kempen, merupakan cetakan dan juga video kesedaran supaya kita hendak kurangkan pencemaran yang berlaku di sungai-sungai kita, sekian, terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi, bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor, Special Select Community On Water Resource Management of The State of Selangor (JKPAS) berhubung pencemaran sumber air sehingga menyebabkan henti tugas tidak berjadual loji-loji rawatan air dan pembekalan semasa kecemasan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2020. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, (Dewan mengatakan ya) Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, usul ini persetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul seterusnya, usul Nombor 13 Tahun 2020. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana mengizinkan Sungai Air Tawar mewakili Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketulusan atau SELCAT. Dewan Negeri Selangor untuk membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan Kebertanggungjawaban dan Ketelusan atau SELCAT berhubung penilaian prestasi Pihak Berkuasa Tempatan dan Ahli Majlis di Selangor seperti di dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 14 Tahun 2020.

Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, menerusi aduan yang telah dibuat termasuklah daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Dewan Negeri di dalam Dewan yang mulia ini. Jawatankuasa SELCAT telah mengambil keputusan untuk menjalankan satu siasatan bagi menilai prestasi, perkhidmatan serta penyampaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Ahli Majlis di

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

Selangor. Sehubungan dengan keputusan yang dibuat di dalam Mesyuarat 1/2019 pada 24 Jun 2019 ini, maka Jawatankuasa SELCAT telah menjalankan satu pendengaran awam bagi mendapatkan gambaran realiti permasalahan dan cabaran yang dihadapi Ahli Dewan Negeri. Persatuan Penduduk, Ahli Majlis serta PBT di Selangor di peringkat pelaksanaan dan lapangan. Daripada keseluruhan 12 PBT di Negeri Selangor ini, Jawatankuasa SELCAT telah memilih 3 PBT untuk dijadikan sampel kepada siasatan iaitu Majlis Banda Raya Petaling Jaya (MBPJ) bagi mewakili kawasan bandar raya. Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bagi mewakili perbandaran dan Majlis Daerah Kuala Langat yang mewakili daerah.

Selain daripada memanggil 3 PBT ini, Jawatankuasa SELCAT juga telah mengadakan satu perbincangan tertutup bersama Ahli Dewan Negeri pada 29 September 2019. Bagi mendapatkan gambaran yang lebih terperinci, Jawatankuasa SELCAT juga telah mengadakan sesi soal balas bersama EXCO Kerajaan Tempatan bagi mendapatkan maklumat berkaitan bagi membantu siasatan. Beberapa aspek telah dijadikan sandaran Jawatankuasa SELCAT untuk mengukur dan menilai prestasi Ahli Majlis dan PBT. Aspek-aspek tersebut adalah satu rekod kehadiran yang Dipertua. Timbalan Yang Dipertua dan semua Ahli Majlis dalam mesyuarat bagi tempoh Julai 2018 sehingga Julai 2019. Kedua, jumlah Majlis Perwakilan Penduduk dan Jawatankuasa Penduduk yang ditubuhkan. Ketiga jumlah peruntukan Ahli Majlis dan prestasi penggunaan peruntukan tersebut. Dan yang keempat, kadar elaun mesyuarat bagi setiap Ahli Majlis.

Bersandarkan kepada aspek-aspek ini, sama ada menerusi pendengaran awam atau pun daripada dokumen yang dibekalkan juga termasuk hasil yang diterima daripada perbincangan tertutup bersama Ahli Dewan Negeri serta maklum balas daripada EXCO Kerajaan Tempatan. Beberapa rumusan telah dapat dibuat oleh Jawatankuasa SELCAT. Antara rumusan tersebut, adalah ketidaklengkapan dokumen berkenaan jumlah peruntukan yang telah diterima oleh Ahli Majlis dan penggunaannya percanggahan rekod mesyuarat yang dihadiri oleh Ahli Majlis, ketiadaan ketetapan kehadiran minimum yang perlu dipatuhi oleh setiap Ahli Majlis sehingga menyebabkan rekod kehadiran yang tidak memuaskan. Serta jurang perbezaan jumlah penganjuran program yang dilaksanakan antara Ahli Majlis dalam suatu PBT yang sama walaupun peruntukan yang digunakan adalah setara.

Selain itu, Jawatankuasa SELCAT juga mendapati bahawa walaupun Ahli Majlis merupakan lantikan daripada parti-parti politik dalam Pakatan yang sama, namun terdapat masalah hubungan antara Ahli Majlis dan Ahli Dewan Negeri sehingga menyebabkan banyak masalah dan aduan rakyat tidak dapat diselesaikan secara tuntas dan berkesan. Begitu juga kehadiran Ahli Dewan Negeri yang hanya sebagai pemerhati di mesyuarat PBT yang telah menyebabkan Ahli Dewan Negeri yang telah dipilih rakyat

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

dalam pilihan raya tidak mempunyai suara yang boleh dibawa di dalam mesyuarat tersebut. Maka dengan itu, Tuan Timbalan Speaker, Jawatankuasa SELCAT telah mengeluarkan beberapa saranan untuk diberikan pertimbangan dalam memastikan prestasi perkhidmatan serta keberkesanan penyampaian PBT dan Ahli Majlis di Selangor sentiasa berada dalam paras yang baik dan cemerlang seperti mana yang tertulis dalam perkara 8.1 sehingga 8.12 penyata ini. Ini termasuklah dengan mewujudkan garis panduan yang jelas tentang skop kerja. Misi, visi serta tatacara penggunaan peruntukan oleh Ahli Majlis dan PBT. Prestasi keadaan Ahli Majlis ke Mesyuarat PBT juga hendaklah dijadikan KPI, penting dalam menilai prestasi mereka. Jawatankuasa SELCAT juga berpendapat bahawa Ahli Dewan Negeri diberikan ruang dan hak bersuara bagi membuat saranan dan teguran di dalam mesyuarat penuh PBT, berbanding hanya sebagai pemerhati seperti mana yang dilaksanakan ketika ini. Langkah ini penting bagi memastikan wujudnya semak dan imbang di dalam PBT dan bagi mengelakkan PBT dan Ahli Majlis mengambil sikap tidak mepedulikan peranan Ahli Dewan Negeri sebagai wakil yang telah dipilih oleh rakyat di dalam pilihan raya. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, Pihak Berkuasa Tempatan juga memainkan peranan yang sangat besar dalam memastikan sistem penyampaian dasar dan polisi kerajaan. Tanpa mengira parti mana sekali pun, yang menjadi kerajaan tugas pihak PBT adalah untuk berkhidmat kepada *government of the day* dengan izin.

Sekiranya PBT gagal menjalankan tanggungjawab ini, maka sudah pasti ia akan menimbulkan masalah kepada rakyat tetapi disebabkan Ahli Majlis bukanlah di pilih menerusi pilihan raya maka yang menjadi tempat melepaskan rasa tidak puas hati tentu lah kepada Ahli Dewan Negeri yang lebih dikenali di suatu kawasan berbanding Ahli Majlis. Maka dengan itu saya merasakan serta saranan yang dikemukakan dalam penyata laporan ini adalah bertepatan dalam menyelesaikan isu di hadapan kita ini. Demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat untuk itu saya memohon mencadangkan terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Boleh mencelah, mohon penjelasan sikit.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB** : Saya sokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih Sungai Air Tawar kerana telah membentangkan bagi pihak Jawatankuasa SELCAT. Satu

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

penyata yang sangat komprehensif pada pandangan saya yang perlu diteliti dengan baik kesan-kesannya. Pertama yang telah ditekankan adalah isu persepsi. ADUN, Ahli Majlis, ini seolah-olah ada jurang yang besar dalam pandangan rakyat yang perlu kita tangani dengan teratur. ADUN walau macam mana pun dilihat segala-galanya. ADUN ini ada kuasa, ADUN punya surat sokongan di *frame*, di *lamine* ditampal, digantung dan ini bukti bahawa aduannya lulus. ADUN bagi pakai ruang pejabat dia, kita dah *endorsed*. Jadi itu pandangan masyarakat tentang ADUN dan orang ramai. Jadi kita berdepan dengan satu suasana yang perlu kita baiki. Kalau kita hendak sistem demokrasi 3 peringkat ini berlaku, Persekutuan, peringkat negeri dan peringkat tempatan. Biar rakyat faham bahawa ADUN ini tidak boleh lebih-lebih dan dia tidak dimalukan. Ini penting kerana ada juga rasa sekecil hati kerana ada penguat kuasa di PBT mengatakan ADUN punya surat tak boleh pakai, boleh buang dalam tong sampah sahaja. Itu tak boleh itu satu yang tak patut dinyatakan, dilafazkan oleh seorang penjawat awam atau pun peringkat Ahli Majlis mengatakan sedemikian.

Benda ini betul-betul berlaku yang perlu kita tangani dengan baik. Jadi saya ingin nyatakan di sini bahawa hubungan di antara Ahli Majlis dengan ADUN ini perlu dikemaskan. Dalam penyata ini telah dinyatakan cara mendatar tapi saya ingin *highlight* dengan izin bahawa ADUN bukanlah *superior*. Ahli majlis bukanlah *subordinate* kepada ADUN. Ini pandangannya, pandangannya adalah ramai orang mengatakan ADUN arahkan sahaja Ahli Majlis *no*. Dia sebenarnya lebih menjurus kepada macam rakan kongsi, *partner*. Bagaimanakah ADUN bergerak menghormati sistem demokrasi, menghormati pilihan parti dan suara ramai daripada rakyat tentang suara Ahli Majlis itu hendaklah dikemaskan. Bagi saya perkara ini adalah satu perkara penting dia menunjukkan kematangan kita tentang demokrasi di mana Ahli Majlis dan ADUN dilihat, tinggi ADUN tapi hubungannya lebih berbentuk hubungan yang *operational* yang bergerak di atas kenyataan.

Yang ketiga saya lihat adalah tentang pandangan orang ramai bahawa *totally independent*, bebas pun tidak boleh kita biarkan sebab ini bukan satu perkara yang baik. Contohnya yang lepas Pakatan Harapan banyak parti dan parti yang merasakan dia besar, dia kecil.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Hulu Kelang, sila duduk. Jam telah menunjukkan 1:00 tengah hari. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2:30 petang.

**(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)**

(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)

**TUAN SPEAKER :** Ya dewan disambung semula silakan Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin menyambung hujah saya menyokong penyata ini, usul ini. Tadi kita ada mendengar ulasan saya tentang pandangan terhadap hubungan di antara Ahli Majlis dan ADUN. Satu di peringkat sebagai orang atas, nombor 2 sebagai rakan kongsi dalam menjayakan tugas, ketiga sebagai bebas *independent*. Pilihan kita sudah pasti tidak pertama dan ketiga tetapi yang kedua iaitu kerjasama. Apabila wujud kerjasama di antara ADUN, masing-masing memahami bidang tugas dan kuasa tertinggi, di mana tidak akan campur tangan dalam bidang-bidang yang dimainkan oleh masing-masing, ADUN-ADUN ataupun Ahli Majlis. Jadi di sini saya ingin menegaskan bahawa apa yang dikatakan sebagai apabila ADUN diminta memberi pandangan dalam mesyuarat penuh saya ingin fahamkan bahawa bukan merupakan tugas dia berucap, menghadiri tugas tertinggi Ahli Majlis, ADUN-ADUN adalah di Dewan Undangan Negeri ataupun Dewan Negeri. Itulah forum utama dia, dia penggubal undang-undang di peringkat negeri. Kuasanya dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya untuk memainkan peranan tersebut, dia bukan memenuhi persepsi rakyat yang salah selama ini bahawa ADUN adalah segala-galanya, ADUN berkuasa mengarahkan Ahli Majlis, mengarahkan *event* dengan izin YDP, Datuk Bandar ataupun mungkin DO itu tidak begitu. Kerana ADUN pada dasarnya adalah bukan eksekutif. Jadi oleh kerana itu, kalau kita nak fahamkan diluluskan penyata ini, memahamkan kehadiran dalam mesyuarat penuh itu adalah untuk memberi pandangan peribadinya. Tidak ada kaitan dengan perundangan ataupun tetapi terbaik bagi saya dan saya amalan saya selama ini, 12 tahun ini tidak pernah menghadiri mana-mana mesyuarat penuh MPAJ. Kerana saya berpegang dengan konsep yang pelajari daripada Sungai Pinang dulu, manakala hari ini iaitu bahawa kita adalah tertinggi dalam bidang kita masing-masing, kita tak masuk campur dalam bidang yang lain dan dengan itu saya ingin menyatakan sokongan saya bahawa penyata ini hendaklah diterima dengan pernyataan ada *dissenting view* tentang kehadiran Ahli Majlis dalam mesyuarat penuh di mana-mana PBT, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih Tuan Speaker, pendek sahaja apa yang saya nak cakap, tadi saya harap saya boleh celah ucapan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang tetapi nampaknya dia tak bagi celah dan dia pun dah hilang daripada dewan untuk penyata yang dia sendiri bentangkan. Saya nak rujuk kepada saranan 8.5 di dalam penyata ini pada muka surat 26, di mana

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

jawatankuasa mencadangkan perlunya dipertimbangkan Pilihan raya Kerajaan Tempatan *local government election* dan saya ingin bangun di sini sekali lagi untuk menyuarakan bahawa saya sokong sepenuhnya saranan ini dan saya harap Kerajaan Negeri Selangor boleh mengusahakan supaya ia dapat dilaksanakan di Negeri Selangor dan saya sebenarnya nak tanya dia sebab masa hujah dalam ucapan dia, dia pun cakap cara dia hujah macam dia pun sokong, kalau UMNO dah sokong adalah bagus. Jadi sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya terima kasih Bukit Gasing. Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih diucapkan kepada Tuan Speaker, Banting juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan untuk menyokong penyata ini, tetapi sudut yang saya ambil adalah berbeza sedikit daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang di mana saya ingin mungkin ada baik kalau kita boleh berkongsi sedikit pengalaman saya sebagai seorang ADUN yang berhijrah dari kawasan bandar raya ke kawasan Majlis Daerah dan sekarang ini akan dinaiktaraf dan telah pun dinaiktaraf menjadi Majlis Perbandaran. Saya sama seperti ramai ADUN, rakan saya dari Hulu Kelang daripada Bukit Lanjan dan sebagainya mula-mula menjadi ADUN ke Dewan Negeri Selangor sejak tahun 2008 dan pada masa itu, itu merupakan kali pertama kita memegang Kerajaan Negeri Selangor, ada pertukaran di peringkat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Sekinchan dan Yang Berhormat Sungai Pinang pun pada masa itu kali pertama menjadi kerajaan walaupun pernah menjadi ADUN sebelum ini tetapi sebagai ADUN Pembangkang. Jadi pengalaman kita pada masa itu ialah kita dapat memberi peluang untuk *recommend* ataupun Ahli-Ahli Majlis untuk dilantik ke dalam PBT dan saya kira pada masa itu kualiti secara rata-ratanya ini pengalaman saya, mungkin betul, mungkin atau tidak, pengalaman saya atau pun pemerhatian saya ialah pada masa itu kualiti Ahli Majlis yang kita lantik itu semangat agak tinggi, semangat ia-ia untuk memperbetulkan segala urusan ataupun perjalanan Majlis Kerajaan Tempatan dan selepas 12 tahun kita menjadi kerajaan, rata-ratanya ada prestasi Ahli Majlis sekarang ini menjadi perhatian kita dan saya kira adalah masanya masa telah sesuai untuk kita membentangkan penyata ini supaya kita kalau saya boleh menggunakan istilah *report card* dengan izin, ini adalah satu *report card* terhadap apa yang kita ada sekarang. Semasa pendengaran ini dilakukan dan pendengaran ini dilakukan dengan agak *extensive* kita mempunyai peluang untuk mendengar hujah daripada EXCO, ADUN, Ahli Majlis, YDP dan sebagainya dan ia merupakan satu *collections of all the opinion express*, *all the* pemerhatian yang dibentangkan oleh kesemua pihak tentang prestasi, bukan sahaja Ahli Malis tetapi prestasi pegawai, prestasi PBT dan sebagainya dan saya rasa rata-ratanya suka atau tidak orang ramai di luar, persepsi orang ramai di luar ialah mereka menganggap Ahli Dewan Negeri Selangor ataupun Yang Berhormat ataupun wakil rakyat mempunyai satu peranan yang lebih tinggi daripada Ahli Majlis. Tetapi realitinya ialah

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

Ahli Majlis merupakan ahli di dalam Majlis Kerajaan Tempatan yang mempunyai kuasa ataupun kuasa, bukan kuasa tetapi *decision power* ataupun *policy making power* di dalam PBT, itu adalah satu realiti yang ramai tidak begitu jelas ataupun tidak begitu tahu. Ya Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih Banting, terima kasih Speaker. Bolehkah Banting bersetuju dengan saya jika kita di Negeri Selangor ini, kita memberikan pendidikan politik kepada masyarakat sebab saya tengok hari ini, sebab tugas kita sebagai wakil rakyat ini, sebenarnya adalah untuk kita menggubal dasar ataupun undang-undang. Tetapi hari ini masyarakat boleh kita katakan mereka menganggap kita ini buat kerja macam Ketua Kampung. Kita juga buat kerja macam Ahli Majlis, ini satu kesilapan kefahaman masyarakat terhadap kita pada hari ini sedangkan kita tahu, dia tak ada salah tetapi pada saya sebab kita ada pengasingan kuasa di situ, kalau kita tengok di Negara kita ini mengamalkan pengasingan kuasa, dia ada kuasa perundangan eksekutif dan juga kehakiman. Jadi sebab apa saya nampak masyarakat pada hari ini sepatutnya sebab saya pernah berkunjung ke negara Indonesia, kita pernah bertemu dengan kawan-kawan, teman-teman kita yang menjadi Ahli Parlimen di sana, mereka pun menceritakan semasa Sidang Parlimen mereka menyatakan mereka tak berani balik kawasan kerana masa Sidang Parlimen, mereka balik ke kawasan mereka akan dimarahi oleh pengundi. Sebab pada mereka, Ahli-Ahli Parlimen ini mereka kena duduk di Parlimen, kena berbahas di Parlimen dan kerja untuk tengok longkang, untuk tengok parit ini, kita ada maksudnya Pihak Berkuasa Tempatan, maksudnya kita ada JKR, kita ada JPS, kita ada PBT untuk melihat perkara-perkara begini, jadi soal berkaitan dengan ini sepatutnya masyarakat kita, rakyat kita, pengundi kita diberikan pendidikan politik supaya mereka tahu perbezaan peranan Ahli Majlis, peranan Ketua Kampung, peranan Ahli Parlimen dan juga peranan Ahli Dewan Undangan inilah kalau minta Banting boleh bagi komen.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya setuju dengan apa yang dilontarkan oleh Taman Templer. Taman Templer dahulu juga merupakan salah seorang Ahli Majlis, saya kira saya Yang Berhormat Tuan Speaker saya mungkin Tuan Speaker dengan rakan-rakan yang dipilih menjadi ADUN pada penggal tahun 2008, kami adalah antara spesies ADUN yang tidak berasal daripada kumpulan Ahli Majlis. Spesies ADUN, ramai di sini saya rasa pernah jadi Ahli Majlis. Saya tidak dan ramai lagi yang bukan. Jadi pandangan dan juga pemerhatian saya adalah mirip kepada apa yang dilontarkan oleh Taman Templer, walaupun dia adalah spesies Ahli Majlis sebelum itu. Tetapi apa-apa pun sekali saya kira ia itulah perbezaannya di mana sekarang kita lihat kalau apa ini lebih-lebih lagi dalam situasi sekarang Parlimen 111 lawan 109, Ahli Parlimen kenalah lagi duduk dalam sidang parlimen dengan lebih kerap. Jadi Tuan Speaker, apa yang saya nak lontarkan di sini ialah memang kita kena bagi pendidikan kepada orang ramai di luar, tetapi pada

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

masa yang sama kita juga perlu menerima realiti bahawa persepsi orang ramai ialah begitu. Tetapi apa pun sekali kita juga perlu menerangkan kepada orang ramai dan juga kita perlu tahu bahawa kekuatan dan juga, kekuatan kita sebagai ADUN bukan di PBT kerana kita tidak mempunyai masa dan juga tenaga kudrat dan sumber yang mencukupi untuk berurusan dengan semua perkara dalam PBT. Itu sebabnya di sini saya terus terang berkata saya kurang setuju dengan Jeram. Jeram selalu berkata kita kena dimasukkan dalam PBT, saya rasa tidak mungkin ADUN boleh mengambil bahagian dalam semua urusan PBT. ADUN tidak boleh, tidak mungkin akan ada masa untuk menghadiri semua mesyuarat dalam PBT. Saya menceritakan pengalaman saya, dahulu saya menjadi ADUN di Kampung Tunku, Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Jarang sekali saya menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa OSC, Infra dan sebagainya. Jarang sekali, kecuali ada isu kritikal yang melibatkan kawasan saya yang mana saya perlu hadir untuk memberi input atas izin Datuk Bandar ataupun YDP, saya akan memberi pendapat saya, tetapi selebihnya saya amat bergantung pada Ahli Majlis untuk melaksanakan tugas mereka ataupun apa yang kita putuskan secara kolektif. Jadi saya rasa itu adalah sangat penting. Tetapi sekiranya ada di kalangan Ahli Majlis yang mungkin sedikit *independent*, sedikit bebas, kalau ada perkara yang sebegini berlaku, maka ia mungkin akan memberi sedikit sebanyak kesan kepada prestasi parti di situ. Saya tidak ada satu jawapan yang lengkap bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini, tetapi apa yang saya ingin berkongsi ialah akhirnya nanti kita masih amat bergantung kepada institusi Ahli Majlis untuk mengatasi masalah ini. Ya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Ya. Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER :** Ya silakan Bandar Baru Klang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Saya nak tanya sebab, ini sudah tentu ini ada satu penyata, jadi sudah tentu EXCO berkenaan kena jawab YB Kinrara kena jawab. Sudah tentu kita bincang dalam EXCO. Jadi sebab itu saya nak dapat penjelasan daripada hujah Yang Berhormat Banting tadi, sebab saya tertarik dengan istilah spesies ya. Jadi saya nak tanya kalau spesies yang lama itu tak ada masalah bila tidak dijemput, tidak perlu hadir di mesyuarat PBT dan tidak ada masalah untuk menguruskan perkara-perkara di kawasan dan tetapi spesies baru ada masalah. Jadi agak apa sebabnya menyebabkan perbezaan ini, spesies lama tak ada masalah, spesies baru ada masalah. Ya, sila.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Banting. Jawab soalan spesies ini. Biar bagi kuliah secara mendalam tentang spesies ini. Saya pun *confuse*.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya kira-kira kalau itu kepada personaliti ataupun individu ADUN dan juga Ahli Majlis, betapa banyak *chemical reaction* ataupun dinamik sesama ADUN dengan Ahli Majlis yang saya rasa di luar kemampuan saya untuk menjawab. Tetapi saya mungkin boleh saya belum lengkap lagi iaitu selepas saya berhijrah ke Banting, Majlis Daerah dahulu Daerah dan kemudiannya sekarang menjadi Majlis Perbandaran, saya kira itu adalah satu perubahan. Saya hadir, saya mula hadir dalam Majlis Jawatankuasa, Mesyuarat Jawatankuasa sebagai pemerhati, tetapi saya masih memegang satu pendirian iaitu saya tidak akan mengambil bahagian dalam perbincangan ataupun perbahasan kalau ada, melainkan perlu dan jarang sekali saya rasa *ex-officio* boleh tanya YDP yang lama dan juga pegawai-pegawai kerajaan saya jarang, kecuali saya perlu, saya akan mengambil bahagian dan memberi sedikit pandangan. Tetapi tujuan saya hadir bukan kerana apa, kerana kita hendak mengetahui perjalanan Majlis dan saya rasa itu adalah satu pengalaman bagus, saya tidak menganggap Tuan Speaker, bahawa ADUN hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa sebagai pemerhati itu adalah satu perkara yang merendahkan kejujuran kita. Saya tidak melihat sebegitu dan saya rasa Ahli Majlis pun tidak akan melihat begitu. Begitu juga dengan pegawai dan YDP dan sekiranya kadang kala kalau kita dapat menjaga hubungan bagus, saya rasa tidak ada masalah untuk pegawai kerajaan ataupun YDP memberi laluan sekiranya perlu kepada Ahli Majlis untuk melafazkan hasratnya. Saya kira ia adalah satu keadaan *equilibrium* keseimbangan yang perlu dijaga. Tuan Speaker itu sebabnya saya berasa terpanggil untuk mengambil bahagian dalam siasatan dalam pendengaran ini dan juga, pendengaran ini di mana saya rasa realitinya ialah prestasi Ahli Majlis dan juga pegawai kita perlu pantau dengan betul-betul. Di dalam sasaran rumusan cadangan dan juga jawatankuasa ada melontarkan beberapa isu yang saya rasa sangat penting. Di mana prestasi dan juga KPT *performance* Ahli Majlis itu perlu dilihat walaupun Ahli Majlis ADUN secara ratanya tidak mengambil bahagian di dalam perbincangan dan juga keputusan PBT. Tapi kalau kita lihat, kalau kita baca dengan betul-betul penyata ini dan juga rakamannya, kita akan dengar bahawa ada komen, memang ada komen ini fakta. Ada YDP yang datang untuk memberi hujah di hadapan jawatankuasa ini berkata ada Ahli Majlis sekarang Ahli Majlis sekarang datang dan hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa datang lewat, kemudian keluar cepat dia hanya datang untuk tandatangan untuk ambil elaun mesyuarat sahaja, itu berlaku. Kita perlu mengakui ada orang macam ini. Ada Ahli Majlis macam ini hanya...

**Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH :** Adakah Y.B. bersetuju bahawa KPI Ahli Majlis sekarang hanya mengikut kehendak PBT dan tidak pro kepada kehendak rakyat atau penduduk? Sekian.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Dengkil. Sahabat saya jiran saya. Sukar untuk menjawab soalan ini kerana ia terlalu umum tapi apa Jawatankuasa SELCAT

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

hendak mencadangkan kepada PBT ialah supaya kalau boleh kita kena adakan satu KPI ataupun SOP ataupun satu garis panduan satu parameter untuk menilai prestasi, contohnya kalau Ahli Majlis kehadiran Ahli Majlis sebagai contoh, walau satu KPI yang cukup *basic* tapi kita akan berasa sedikit terkejut kalau ada Ahli Majlis kehadirannya kurang daripada 50%, ada dan kita akan menjadi lagi terkejut kalau ada Ahli Majlis peruntukan tak sempat habis, kalau kita di ADUN sebagai ADUN saya hendak bertanya di sini kalau yang Yang Berhormat semua diperuntukkan wang sebanyak RM800 ribu setahun, tak cukup mesti habiskan. Itu adalah fakta tapi ada Ahli Majlis yang tak dapat menghabiskan, memang ada dalam apa ni, dalam pendengaran memang ada mereka yang melontarkan pendapat mungkin bukan semua perlu menghabiskan peruntukan itu tetapi bagi saya, saya rasa itu adalah sesuatu yang sangat *basic* sekiranya peruntukan itu diberikan dan tidak dapat digunakan untuk kepentingan orang ramai maka saya kira itu adalah satu perkara yang perlu diberikan penjelasan dengan lebih, mengapa tidak dapat digunakan untuk kebaikan rakyat. Saya cuba menjawab soalan Dengkil iaitu berkaitan dengan prestasi Ahli Majlis ini. Ada Ahli Majlis dia ikut ADUN, ada Ahli Majlis dia ikut Ahli Parlimen, ada Ahli Majlis dia ikut parti. Ada Ahli Majlis dia bebas, ada Ahli Majlis walaupun lantikan politik tapi dia lebih pro YDP atau pun pro pegawai. Saya terus terang kata ya, saya memberi penjelasan ataupun berbahas secara terus terang. Jadi saya tidak berkata dia kena buat apa, kerana kita sekarang ini tidak ada satu pemilihan Ahli Majlis itu sebabnya saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat Bukit Gasing kalau boleh kita perlu menjurus ke arah itu, iaitu Ahli Majlis itu dia bukan bebas dia kena bertanggungjawab terhadap parti ataupun rakyat yang memilih dia, kalau ada pilihan raya. Dan di situlah ADUN tidak perlu menjawab sebarang keputusan yang dilakukan oleh Ahli-ahli Majlis tersebut. Saya kira itu adalah satu situasi yang mana mungkin boleh menawarkan satu penyelesaian terhadap situasi atau masalah yang kita hadapi sekarang dan saya kira, sekiranya kita ada saya tahu sekarang ini kita ada kekangan Seksyen 15 Akta pilihan raya Kerajaan Seksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan yang mana pilihan raya tidak boleh tidak dibenarkan, tapi sebelum kita sama ke peringkat itu adalah amat penting untuk kita memastikan kriteria Ahli Majlis yang kita lantik itu mematuhi tahap minimum. Saya kurang pasti apakah kita boleh melakukan tetapi, saya pasti apa yang kita cadangkan di dalam penyata ini adalah sesuatu yang saya kira eksekutif boleh rujuk dan sekurang-kurangnya boleh bermula untuk melakukan sesuatu supaya prestasi Ahli Majlis ini akan sentiasa di pantau dan juga mengikuti standard dan juga cita rasa parti cita rasa Ahli Majlis dan Parlimen idea situasi ideal ialah Ahli Majlis, ADUN, Ahli Parlimen *whatever the* parti, sekurang-kurangnya dia di bawah Pakatan Harapan yang sama dia boleh duduk bersama, boleh bincang capai kata sepakat itu adalah paling bagus. Tapi bukan setiap kali situasinya macam itu. Macam di kawasan saya ada 5 atau 6 orang Ahli Majlis ada juga Ahli Majlis bukan daripada parti saya, tapi kita boleh bekerjasama dengan baik. Khususnya saya berterima kasih kepada Ahli Majlis yang bukan daripada parti saya semasa Covid-19 kita boleh bekerjasama dengan bagus untuk membantu rakyat di

kawasan setempat. Itu adalah situasi ideal tetapi bagaimana dengan situasi yang kurang apa ni, kurang, kurang, kurang, kurang ideal yang selalu dilontarkan oleh Jeram, saya tak pasti tapi saya Jeram tidak ada di sini, tapi apa pun sekali saya rasa satu permulaan sahaja untuk kita menggariskan sekurang menggariskan sesuatu untuk kebaikan masa depan *good governance* PBT di Negeri Selangor ini. Dan saya menceritakan pengalaman ini berlandaskan pengalaman saya semenjak 2008. Mula-mula sebagai ADUN di MBPJ dan sekarang berada di Majlis Daerah Kuala Langat dan kemudiannya di naik taraf menjadi Majlis Perbandaran Kuala Langat ia. Itu kita *Inn Shaa Allah*. Tapi oleh sebab itu Tuan Speaker saya di sini saya tidak berucap panjang lagi. Saya memohon supaya penyata ini bukan sahaja disokong tetapi bolehlah diberi perhatian seserius yang mungkin oleh pihak eksekutif untuk mempertingkatkan prestasi PBT bukan sahaja Ahli Majlis untuk kita tekankan di sini, tapi untuk kerajaan dan juga untuk YDP, saya rasa ini cukup sesuatu yang harus kita beri perhatian. Saya mengucapkan tahniah kepada beberapa orang YDP, saya kira YDP seperti Yang Dipertua Subang Jaya, Yang Dipertua Subang Jaya semasa saya secara peribadi agak kagumlah ya, kagum dengan kerana Tuan YDP memberikan penjelasan yang cukup terus teranglah terhadap apa yang kita lontar begitu juga dengan YDP Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Perbandaran Kuala Langat Encik Mohamad Zain, dia memberi banyak memberi butiran dan input saya lihat dia sebagai satu yang agak terus terang. Datuk Bandar MBPJ Dato' Ahmad Sayuthi pun memberi banyak input yang berguna untuk jawatankuasa ini. Itulah sahaja saya mohon menyokong, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik

**Y.B. MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Sekejap je. Sebab tadi saya ingat Banting telah merangkumkan saya kira beberapa hujah dan pandangan daripada mungkin majoriti daripada kita tentang isu-isu yang telah dibangkit dalam penyata penilaian prestasi Pihak Berkuasa Tempatan. Dan Ahli Majlis di Selangor ini, saya pun macam, macam Banting juga kami dari spesies yang tidak pernah terlibat sebagai Ahli Majlis Kerajaan Tempatan. Masuk-masuk terus jadi ADUN, mungkin, mungkin kita macam inilah, kita macam Bantinglah. Baik kembali, kembali kepada perbincangan. Maksudnya bagi saya kita perlu lihat secara lebih praktikal dan realistik macam tadi ada bangkitkan juga dalam perbahasan penyata tentang air tadi. Kita ini buat jawatankuasa, bentuk jawatankuasa buat kajian panggil soal selidik dan menghasilkan satu penyata yang bagi saya cukup baik tapi kalau inti pati dalam ini tidak diangkat atau diambil serius pihak Kerajaan Negeri jadi ia tidak akan memberikan apa-apa impak jugalah. Saya pengalaman saya, tadi pun saya rasa, Templer bangkitkan pun bagus, dia kata masyarakat ini mungkin berikan pendidikan politik dia menganggap tugas sebagai ADUN ni dia buat semua benda, anjing liar pun dia suruh ADUN tangkap. Saya tengah malam semalam, ke kadang 4 pagi dia orang *message* ada motor merempit, pukul

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

4 dia kata, YB ada motor merempit, boleh buat sesuatu tak? Jadi dia menganggap tugas ADUN semua benda semua tugas sampaikan kadang kaunseling rumah tangga pun ADUN juga. Ada kes, ada kes, jadi saya rasa persepsi turut jatuh kepada Ahli Majlis, saya ingin Ahli-Ahli Majlis di Negeri Selangor ini ke kadang dia punya pembawakkan pun seperti ADUN juga, dia macam mini YB macam tadi, Banting ada bangkitkan setengah-setengah Ahli Majlis dia masuk mesyuarat

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya tertarik dengan hujah tadi, pada Kota Anggerik ya kerana memberi laluan, saya hampir terlupa tadi ada satu *point* saya mungkin di sini iaitu satu isu ataupun yang saya ringkaskannya sebagai ABCD. Saya mungkin boleh kongsi dengan rakan semua ABCD. Ini apabila kita menghadapi aduan ini saya ambil iktibar daripada mantan Ahli Majlis di kawasan saya di Petaling Jaya. A kalau ada aduan A itu apa? Bukan Aduan apa Ahli Majlis. Sistem Aduan elektronik kena ada rekod kalau tidak dapat diselesaikan B bahagian ataupun jabatanlah Ketua Jabatan. Kena diangkat kepada dia untuk penyelesaian. Yang ketiga C Counselor Ahli Majlis hanya akan *step in* kalau, internally pegawai kerajaan tidak dapat menyelesaikannya, Ahli Majlis *step in* dan kemudiannya kalau D masih tidak diselesaikan D kena masuk. Bukan DUN Datuk Bandar, Datuk Bandar masa saya tu Dato' Bandar bukan DUN. Tapi ABCD belum ada lagi, ADUN belum masuk lagi jadi kalau kita ada sistem kalau setuju dengan saya kalau kita ada ABCD, A tu sistem tu Aduan, B tu bahagian ataupun pegawai kerajaan, C Ahli Majlis dan kemudian D Datuk Bandar atau YDP. Saya rasa ...EXCO .  
(*suasana gelak*)

**TUAN SPEAKER :** Cantik, cantik

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** E maksudnya *executive*, semua EXCO ada bukan EXCO je. Jadi itu adalah saya *brainstorm* saya melontarkan pada Yang Berhormat Kota Anggerik sama ada setuju ke tidak.

**TUAN SPEAKER :** Mana ADUN tak payahlah. Sila, silakan Kota Anggerik, silakan.

**Y.B. MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Saya setuju, saya setuju dengan penjelasan tambahan daripada Banting tadi tentang konsep ABCDE ini. Lepas tu kalau E tak boleh kita pergi dekat M, MB. Tapi saya di kawasan saya sebut kongsilah, saya mengguna pakai hierarki yang sama juga, kalau ada isu-isi di kawasan sebaiknya didengar oleh pihak Ahli Majlis dulu lah. Cuma mungkin di pihak saya ataupun tuan-tuan ada isu di mana kurang, kurang kerjasama di peringkat Ahli Majlis ataupun mereka ini tak faham tugas mereka. Macam setengah Ahli Majlis turun bagi bantuan je. Ada orang susah dia bagi bantuan, ada naik bagi bantuan, kerja dia bagi bantuan je. Dan dia hanya

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

faham konteks ni macam *charity* tapi bila dia masuk dalam mesyuarat saya dapat maklumat dia tak boleh berbahas dia. Sain ambil *selfie* letak dalam *facebook* balik. Jadi dalam *facebook* nya *indah caption* nya menghadiri mesyuarat *full board*. Itu realiti, lepas tu balik.

Ada, ada berlaku dan ini perkara yang bagi saya agak serius untuk kita lihat, bahawa di sini pentingnya untuk Kerajaan Negeri menetapkan kalau boleh satu kelayakkan minima ataupun garis panduan untuk kita memilih dan melantik Ahli Majlis. Kalau saya, bila di bawah dengan masyarakat ini, mereka beri pandangan. Lalah kita semua ada parti politik dan ada proses di mana Ahli-ahli Majlis ini di angkat melalui bahagian, melalui kawasan, melalui cabang misalnya, tetapi tadi saya setuju juga dengan pandangan daripada Hulu Kelang, bahawa kalau boleh perlu ada pandangan daripada ADUN sendiri, bila mana nak mengangkat atau melantik mana-mana Ahli Majlis ini. Sekurang-kurangnya rujuk lah dengan Ahli Dewan Negeri. Sebab, suka atau tak suka realitinya, masyarakat tak akan salahkan Ahli Majlis, pengundi tak akan cari Ahli Majlis, dia akan cari YB juga. Dia kata YB ini isunya.

Kalau kita ada Ahli Majlis yang faham tugas, yang boleh berkhidmat dan berperanan dengan efektif, peranan ataupun tugas ADUN ini, bukan lah kata kita ambil mudah, ringan lah sikit. Maksudnya, kalau proses diperingkat A dan B dah boleh selesai, ataupun di peringkat C pun dah boleh selesai, tak perlu lah bawa di peringkat D lagi, ini sekadar contoh. Jadi saya ingin menarik perhatian Dewan, kalau sekiranya kita boleh bersetuju untuk mendesak ataupun meminta pihak Kerajaan Negeri, kalau sekiranya tiada garis panduan ataupun saya rasa ada lah, tapi *politically*, kadang-kadang kita tidak mengikut sebab ini cadangan daripada parti.

Cuma persepsi di bawah adalah, bila kita terlalu melantik, mengisi lantikan Ahli Majlis ini secara politik, secara lantikan politik, tanpa mengambil kira merit, maksudnya kalau dia ini di calonkan oleh bahagian misalnya, atas kuota tertentu, kuota ketua cabang, kata kan, di dalam Keadilan kita panggil cabang. Tak kiralah dia siapa pun, tapi sebab cabang calonkan dia, tak ada kelayakkan pun, kita kena sokong. Sedangkan dia tidak ada, dia tidak ada kelayakkan. Dia tidak ada barangkali MUNGKIN dari sudut ekonomi dia tidak layak, daripada sudut sahsiah pun tidak ada. Tapi bila diangkat secara politik, kita sokong. Dan saya rasa perkara ini perlu diambil kira secara serius, sebab persepsi di bawah adalah, mereka, masyarakat ini tak mahu tahu pun dia Ahli Majlis parti mana. Dia tahu bila kita buat aduan, Ahli Majlis ini berfungsi. Dia tahu bila dia buat aduan, selesai. Jadi kalau Ahli Majlis pun tidak faham tugas, dia menganggap jawatan Ahli Majlis ini hanya sekadar untuk turun beri sumbangan.

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

Kita sebagai Ahli-ahli Dewan pun, kita bagi sumbangan juga. Kalau setiap minggu kita turun, memang kita bagi sumbangan. Jadi kalau, tugasnya bukan hanya bagi sumbangan, bukan setakat buat kerja-kerja, tinjau longkang tersumbat, betulkan lampu jalan. Tugas Ahli Majlis ini sebenarnya mini YB. Dia membahaskan dasar-dasar dan polisi di peringkat Majlis Kerajaan Tempatan. Ini yang sepatutnya Ahli-ahli Majlis kita faham. Tapi kebanyakan Ahli Majlis kita tak faham benda itu. Dia menganggap ini satu *privilege*, sebab saya dah lama berjuang dalam parti. Jadi, *this is my right*, ini *privilege* saya untuk dapat jadi Ahli Majlis. Saya tidak layak ke, saya tiada kelayakan ke, saya orang parti. Jadi kita kena buang saya rasa, mentaliti ini. Maksudnya kita kena ambil satu pendekatan yang penting merit. Saya tidak ada masalah dengan lantikan politik. Tapi sekurang-kurangnya perlulah dasar merit itu, kelayakkan merit itu, diangkat, kerana kita ini Negeri Selangor, rakyat tengok, di nilai.

Jadi kadang-kadang bila saya turun di bawah, makan, sarapan di restoran, di gerai, mereka akan bercerita, YB ni, Ahli Majlis ini apa pun tak buat, ini tak buat. Kalau kamu mengadu pun, dia kata tanya YB lah. Jadi perkara-perkara ini, saya ingat perlu di ambil pandangan dan dalam syor yang di sarankan pun, saya ingin ada di sebut dalam point 8.2, 8 dan 8.4. dan saya harap kita dapat bersama-sama untuk bantu, mewujudkan satu garis panduan dan *mechanisme* untuk memilih Ahli-ahli Majlis yang layak, yang boleh bantu tugas kita sebagai ADUN, sebab kita pun ada perancang berbeza. Kita Ahli Dewan Negeri, bukanlah boleh campur dalam urusan Majlis Kerajaan Tempatan dan di situ perlulah ada desakan untuk melakukan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Sebab Ahli Majlis ini...Kejap, sikit je.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Sampuk sikit Kota Anggerik. Sikit je.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Sila kan Batang Kali.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Itu baru betul kawan. Terima kasih Kota Anggerik kerana beri laluan. Saya rasa sebagai Ahli Majlis, akan dapat meringankan beban wakil rakyat. Kalau kita dapat duduk sebagai Ahli Majlis walaupun di takat Mesyuarat Penuh, Mesyuarat Jawatankuasa Penuh, disitu akan adanya laporan-laporan daripada setiap jawatankuasa. Sama ada jawatankuasa pelesenan, jawatankuasa pelan dan bangunan sebagainya. So kita sebagai ADUN kita akan dapat meneliti minit-minit mesyuarat, minit mesyuarat ini yang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Penuh Jawatankuasa Majlis Daerah. So, ataupun perbandaran sebagainya. So, sekurang-kurangnya, kita sebagai ADUN, kita akan dapat menilai ataupun meneliti apakah projek-

projek, program-program, yang akan dilakukan di kawasan kita, ataupun sekurang-kurangnya kita akan dapat memberikan komen dan sebagainya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penuh tersebut. Saya fikir Ahli Majlis bukan hanya bertanggungjawab dengan rakyat di kawasan mereka. Ahli Majlis juga bertanggungjawab dalam menentukan perjalan akaun, kira-kira wang, aktiviti dan sebagainya. Mereka kena duduk dan tengok, melihat perjalanan perkara-perkara sebegini juga. So, Yang Berhormat, Tuan Speaker, saya rasa sangat berbangga kalau kita mendudukkan Ahli Majlis, ADUN ini dalam Majlis Daerah, sekurang-kurangnya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penuh dan boleh bersuara dan sebagainya.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Baik, terima kasih Yang Berhormat Batang Kali atas pandangan yang saya kira, saya mungkin tak bersetuju sepenuhnya, tapi boleh dipertimbangkan. Maksudnya, kita sebagai ADUN ini memang ada tanggungjawab untuk menjawab di bawah. Tapi di situ, ada desak, bila ada desakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan ini, saya rasa, ini pun sesuatu yang praktikal. Sebab Ahli Majlis kita sekarang ini, dia tidak *accountable* kepada masyarat, sebab dia di lantik, sebab kita ini wakil rakyat yang dipilih. Kita masuk bertanding, kita tawarkan diri kita, kita tawarkan, kita menawarkan kelayakkan kita, pengalaman kita. Jadi disitu kita ada tanggungjawab untuk menjawab kepada masyarakat.

Tapi Ahli Majlis ini dia dilantik, maksud dia *appointed*. Bila dia *appointed*, dia boleh buat apa sahaja. Maksudnya kalau orang tanya pun, kamu tak pilih saya pun, you tak undi saya pun. Apa-apa tanya YB, jadi disitu perlu juga dijelaskan bahawa bila berlakunya desakan untuk melaksanakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan ini, saya berpandangan, kita mungkin boleh melihat secara menyeluruh dalam mana usaha kita nak tambahkan keberkesanan pentadbiran di peringkat PBT ini. Sebab saya rasa, kita boleh lagi melihat bahawa di zaman ini, segala-galanya kita perlu letakkan dalam kerangka politik semata-mata. *Because* ini jawatan ahli Majlis ini ada kuota parti, kita kena *go for* pada parti. Tapi kalau kita beri bertanggungjawab kepada, sekejap je YB. Kalau kita beri kebertanggungjawab ini kepada Ahli Majlis, dia bertanding, dia tawar diri, jadi dia boleh jawab. Silakan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Terima kasih Yang Berhormat. Juga penjelasan untuk kita bincangkan sekejap, kalau kita boleh setuju untuk ADUN berucap dalam Mesyuarat Penuh di peringkat Majlis atas sebab kita wakil rakyat dan kita perlu sampaikan suara rakyat. Jadi, bagaimana kalau Ahli Parlimen juga minta datang ke Dewan Negeri, sebab dia wakil. Ini wakil rakyat, wakil kawasan negeri. Saya wakil parlimen, satu Parlimen. Jadi pandangan saya sebagai Ahli Parlimen, tidak sama dengan ADUN. Adakah kita akan benarkan kerusi-kerusi di buka untuk Ahli Parlimen untuk hadir dan bersuara.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

Dan sama juga, boleh tak kita pergi parlimen, minta ADUN juga hadir situ, sebab ADUN pandangannya ada suara yang diwakilinya, lain dengan pandangan daripada Ahli Parlimen bagi kawasan. Adakah kita nak buat begitu.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Baik, terima kasih Yang Berhormat Exco...

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik, pendekkan.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Baik, saya pendekkan. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Kalau kita nak panggil Ahli Parlimen, dia pulak boleh bercakap dalam dewan, jadi sesuatu yang janggal dan di situ jugalah bagi saya bila melibatkan PBT ini, saya bersetuju kalau dijemput ADUN itu sekadar. Lalah kalau kita jadi pemerhati, sekurang-kurangnya kita tahu apa yang dibincangkan dan kita boleh, maksudnya bila masyarakat bertanya apa yang berlaku dalam kawasan kita ini, jadi kita ada idea untuk jawab. Sebab..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Yang Berhormat, bukan sekadar hadir. Sebab ada cadangan supaya ADUN boleh berucap di Majlis, Mesyuarat Majlis di peringkat Majlis. Jadi, kalau kita setuju, boleh berkuasa ADUN berucap, jadi *on the same token*, boleh tak kita buka pada Ahli Parlimen untuk berucap di Dewan Negeri ini dan kita juga minta, kita berucap di Parlimen.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIM :** Saya rasa kita perlu menghormati pengasingan tersebut. Maksudnya di peringkat kita sebagai anggota legislative ini, ini adalah...

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Mencelah.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Silakan Dusun Tua.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Saya tertarik dengan analogi yang diberikan oleh Yang Berhormat Exco tadi. Jadi kalau kita lihat persoalannya, adakah kita nak Ahli Parlimen datang ke Dewan Undangan Negeri kemudian bersuara, turut bersuara. Mungkin kalau kita tahu, kita perlu hormati pengasingan kuasa itu. Bukankah ini juga sebenarnya menunjukkan keperluan untuk di adakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Supaya setiap itu berfungsi sebetul-betulnya. Sebagaimana Parlimen ada Pilihan Raya, di negeri kita ada Pilihan Raya, maka di Kerajaan Tempatan juga kita perlu ada Pilihan Raya, supaya barulah pengasingan kuasa itu betul-betul ideanya begitu.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Baik, terima kasih Dusun Tua. Sebab itu saya kata tadi, kita perlu hadapkan, maksudnya Ahli Majlis perlu ada kebertanggungjawaban. Jadi yang saya bangkitkan tadi adalah, keperluan untuk mengadakan Pilihan Raya Kerajaan adalah kitab oleh tengok, kita boleh kaji balik, sesuaikan untuk menambah keberkesanan. Kalau Pilihan Raya Kerajaan Tempatan itu bagus, baik dan kita sebagai negeri yang paling maju di Malaysia ini, seharusnya, sewajarnya mulalah mengorak langkah kea rah melaksanakan satu sistem yang lebih mengangkat kebertanggungjawaban ataupun *accountability* pada rakyat. Kalau kita sebagai ADUN ini masuk *election*, masuk Pilihan Raya, kena jawab dengan rakyat, lagi lima tahun kalau tak buat kerja, kalau tak serve, kita di hukum, begitu jugalah dalam konteks Ahli Majlis Kerajaan Tempatan.

Mereka perlu ada kebertanggungjawaban dan kita perlu belajar ataupun cari permulaan untuk keluar daripada keselesaan politik ini. Jangan menganggp jawatan ini semata-mata kita anggota parti politik, kita ada *cable*, kita akan jadi Ahli Majlis. Saya setuju dengan YB Exco tadi. Kekalkan pengasingan kuasa ini, dan saya tak nak, kalau boleh tak kan Ahli Parlimen masuk nak berbahas dengan kita. Mereka di level, di peringkat yang lebih tinggi. Jadi saya harap kita semua bersetuju dan saya pun bersetuju pandangan Yang Berhormat Exco untuk sama-sama melihat ke depan dalam usaha kita nak tambah keberkesanan pentadbiran ini. Ini permulaan lah, penyata ini satu permulaan dan saya mengambil pilihan untuk menyokong sepenuhnya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Kota Anggerik. Oleh kerana ramai yang dah berbahas, saya bagi seorang lima minit sahaja kepada Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya mendengar juga penjelasan daripada rakan-rakan Yang Berhormat tadi. Saya spesies Ahli Majlis. Saya ingat hampir lapan tahun Sembilan tahun juga. Jadi untuk, saya kira pada 2008, sewaktu kita memenangi Kerajaan Negeri Selangor. Ketika masa pemiliha Ahli-ahli Majlis di pilih berdasarkan politik yang pertamanya. Itu kita tak nafikan. Dan setiap Ahli Majlis yang dipilih, diwajibkan untuk mengikuti kursus yang diadakan selama tiga hari dua malam di Morib. Saya ingat lagi, saya jadi Ahli Majlis masa itu dua penggal.

Kita, saya hadir sendiri kursus itu sampai dua kali saya kena hadir dan banyak benda yang kita belajar daripada kursus tersebut. Tapi sekarang ini tak ada lagi kursus itu. Saya sarankan kepada Kerajaan Negeri untuk adakan semula kursus tersebut pada kali ini. Sebab, Ahli Majlis ini kadang-kadang dia hilang arah yang saya tengok sekarang. Dia tak tahu apa tugas yang dia buat. Dia tak tahu ape perlu yang dia buat, dia tidak tahu

mana saluran yang dituju dan dia tidak mahu mengenali kawasan dia lebih lanjut. Masa kursus itu, itu dia ajar macam mana kita nak berkomunikasi, macam mana kita nak berkomunikasi dengan Datuk Bandar, dengan pegawai, dengan pengarah, dengan penduduk dan macam mana kita nak menjadikan kawasan kita ini lebih dikenali bukan sahaja dari segi politik, daripada *structure* Kerajaan Negeri itu sendiri. Yang ini semua diajar, jadi kita tidak tercaici-cari. Ahli Majlis yang pertamanya bagi saya adalah minat, minat penting. Ada Ahli Majlis yang dilantik tetapi tidak pernah turun kawasan, sampai hari ini pun saya tahu. dan saya sarankan sekali lagi kepada Kerajaan Negeri supaya Ahli Majlis yang dipilih yang dilantik nanti kita bagi 2 tahun kalau tidak ada perubahan kita gugurkan Ahli Majlis tersebut waima sebagai ketua cabang atau ketua apa sekali pun kita tetap buat begitu. Ini kena tegas, kalau dia ada jawatan tertinggi dalam parti kita biarkan dia kita bagi amaran, tidak perlu kita rasa 2 tahun ini tempoh yang cukup mendewasakan dan boleh belajar banyak benda. Saya kembali pada 2008 masa mula-mula kita jadi Ahli Majlis, masa saya mula jadi Ahli Majlis kadang-kadang bila kita jadi Ahli Majlis kita ada satu perubahan yang baharu yang kadang-kadang kita tidak tahu kita harus bekerja dengan pegawai dan pengarah dan juga Dato bandar tetapi sehingga kini ada juga Ahli Majlis yang tidak mahu bekerjasama dengan Pengarah, dengan pegawai waima dengan kerani sekali pun ini lebih menyukarkan kerja sebagai Ahli Majlis, kita kena berhubung dengan semua orang jadi ini yang perlu kita adakan semula latihan ini. Ada Ahli Majlis juga yang tidak mahu menjemput ADUN-ADUN, nasib baik kawasan saya ok. Saya tahu ada kawasan Ahli Majlis buat program tidak pernah jemput ADUN pun, dia merasakan bahawa program ini adalah program yang dibuat tidak perlu jemput ADUN, kena jemput Ahli Majlis kena jemput ADUN juga kalau boleh jemput Ahli Parlimen sekali dan ada Ahli Majlis saya sokong Banting tadi yang menyatakan ada Ahli Majlis duit peruntukan dia tidak pakai lagi, tidak habis lagi malahan setengah tahun masih tidak guna lagi ini pun kena ada amaran daripada Kerajaan Negeri ataupun pemantauan tentang peruntukan yang digunakan. Bila penduduk minta mohon pada ADUN, mohon pada Parlimen tetapi dia tidak mahu keluarkan duit. Saya tidak tahu dia nak buat apa duit peruntukan itu sedangkan perlu bagi. Saya sendiri beritahu Ahli Majlis saya setiap RA, RT di kawasan kita tidak kira apa politik sekali pun kita kena bagi sumbangan asalkan dia bukan parti politik yang memang jelas itu kita tidak boleh bagi. Waima dia parti apa sekali pun kalau di jemput pandangan politik yang berbeza kita kena pergi jangan kita pilih orang ini Parti A, Parti B kita pergi Parti A sahaja Parti B kita tidak pergi jadi saya kata kita kena pergi. Surau, masjid, rumah ibadat semua kita kena bagi sumbangan tetapi Ahli Majlis ada yang tidak mahu bagi sumbangan itu yang saya nyatakan tadi ini kena tanya ADUN minta pada Ahli Parlimen kerana mereka menjangkakan ADUN dan Ahli Parlimen peruntukan yang banyak mintalah pada ADUN minta pada Ahli Parlimen. Kalau mereka tidak mahu menggunakan peruntukan saya rasa Kerajaan Negeri kena ambil tindakan sekat peruntukan mereka dan prestasi mereka perlu di kaji semula. Jadi sekali lagi saya menyarankan kepada pihak Kerajaan Negeri tolonglah perhatikan prestasi Ahli Majlis -

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

Ahli Majlis kita, tolong pastikan KPI nya dengan lebih tegas lagi jangan nanti bila sudah hendak pilihan raya baru kita hendak tengok kita perlu ada KPI yang lebih ketat lagi untuk tahun hadapan dan soal pemilihan juga sama kita perlu tengok juga pelbagai bidangnya, pelbagai kriterianya juga, umur juga. Saya kesian Tuan-tuan dan Puan-puan ada Ahli Majlis yang umurnya 60 tahun.

**TUAN SPEAKER :** Ahli Yang Berhormat masa yang kedua ini semua Ahli-Ahli Yang Berhormat Tuan Puan tidak payah, silakan yang terakhir.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Usianya 60 tahun ke atas pun hendak jadi Ahli Majlis yang jadi Ahli Majlis pun ada. 60 tahun ke atas jadi Ahli Majlis Tuan-tuan Ahli Majlis ini bukan kerjanya datang mesyuarat balik ambil elaun, tidak.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** 95 hendak jadi PM pun ok.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Jadi kalau hendak menjadi Ahli Majlis biarlah usianya muda sikit bolehlah turun padang sama-sama dengan ADUN bukanlah saya suruh turun ke bawah tengok longkang bukanlah itu tapi orangnya harus agresif, muda dan lebih kuat lagi tenaganya. Jadi terima kasih Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Bandar Utama.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Tak tengok sebelah sini.

**Y.B. TUAN PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi laluan untuk Bandar Utama bagi sedikit perbahasan. Pertama sekali Bandar Utama ingin memaklumkan di sini yang seperti Bukit Gasing, Bandar Utama memang sokong terhadap Pilihan Raya Kerajaan Tempatan yang sepatutnya sekarang ini di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jadi sebelum ini saya masih ingat pada tahun lalu Ogos 2019, Y.B Zuraidah pernah memberi maklum balas yang mengatakan sebagai Menteri sudah semestinya menjadi tugas dan tanggungjawab saya untuk meyakinkan Perdana Menteri bahawa kita bersedia untuk Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Itu adalah yang dikatakan oleh Y.B Zuraidah tapi sekarang dia kata dia perlu sediakan kertas kajian dan sebagainya, tidak apa tapi saya harap pada penggal ini saya mengharapkan Kerajaan Persekutuan dapat merealisasikan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan ini kerana hanya melalui Pilihan Raya Kerajaan Tempatan kita dapat memberi hak kepada penduduk-penduduk di kawasan memilih calon-calon yang mereka suka kerana ke banyakkannya isu yang ada pada penduduk memang isu Kerajaan Tempatan. Ok, yang keduanya tadi saya telah mendengar pelbagai jenis perbahasan daripada Ahli Dewan Negeri kita ke banyakkannya mereka

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

menyoalkan tentang prestasi Ahli Majlis kita di mana saya rasa saranan Jawatankuasa SELCAT ini pun sangat komprehensif kita menyarankan di mana kita akan menyediakan garis panduan untuk Ahli Majlis untuk memahami skop kerja, penilaian prestasi Ahli Majlis di wujudkan semula kita perlu menetapkan kelayakan minimum, kadar peratusan wajib hadir dan sebagainya. Saya rasa itu merupakan syarat terhadap Ahli Majlis kita supaya kita dapat mencari Ahli Majlis yang berkualiti tapi pada masa itu saya juga merasakan sekiranya kita benar-benar mahukan Ahli Majlis yang berkualiti kita perlu melaksanakan saranan ini secara komprehensif juga di mana pada muka surat 27, 8.12 telah menyarankan SELCAT, SELCAT menyarankan agar kadar elaun tetap Ahli Majlis dikaji semula memandangkan tugas yang harus digalas amat luas. Saya rasa perkara ini juga perlu dipandang berat kerana sekiranya kita mahu mencari seorang Ahli Majlis yang berkualiti yang mempunyai kelayakan dan sebagainya pada masa yang sama kita tidak mahu memberikan elaun yang berpatutan saya rasa agak sukar untuk Ahli Dewan Negeri kawasan konstitusi mencari Ahli Majlis yang berkualiti dan saya juga ingin menegaskan di sini ini bukanlah atas cadangan SELCAT sahaja kita mengeluarkan cadangan sebegini kerana pada muka surat 16, 5.9 kita mendapat maklum balas daripada Persatuan Penduduk. 5.9 mengatakan rata-rata RA berpandangan bahawa elaun Ahli Lembaga Ahli Majlis tidak berpatutan dengan kerja yang dilaksanakan, mereka berpendapat bahawa RM5,000.00 hingga RM10,000.00 adalah berpatutan. RM10,000.00 terlalu tinggi tapi saya cuma hendak maklumkan di sini elaun Ahli Majlis itu sekarang yang paling tinggi saya rasa di MBPJ, Majlis Perbandaran Petaling Jaya hanya mempunyai RM2,500.00 sahaja. Jadi untuk saya, saya cuma harap sekiranya kita mahu menjalankan saranan Jawatankuasa SELCAT kita perlu jalankan dengan bertanggungjawab dan logik sekiranya kita mempunyai permintaan tinggi terhadap Ahli Majlis prestasi Ahli Majlis, Kehadiran Ahli Majlis dan sebagainya kita juga perlu memastikan mereka mempunyai elaun yang berpatutan tidak terlalu tinggi tetapi berpatutan supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan sempurna. Dengan ini saya ingin menyokong penyata ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI :** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi laluan. Pertama sekali ia saya dari spesies Ahli Majlis tapi lewat sedikit daripada Yang Berhormat Seri Setia. Pertama sekali saya ada sedikit teguran bagi Jawatankuasa SELCAT. Saya telah menghadiri Pendengaran Awam SELCAT mengenai topik ini dan apabila saya keluar daripada sesi dengan Ahli Dewan Negeri saya dapati bahawa Ahli Majlis yang dijemput untuk memberi keterangan dan pandangan, terima kasih Pelabuhan Klang dengan izin penyokong baik tapi mereka dijemput untuk menghadirkan diri ke Dewan pada pukul saya rasa 9.00 pagi tapi bila saya keluar dari bilik itu 10.30, 11.00 pagi mereka masih belum dipanggil masuk. Jadi kalau kita hendak Ahli Majlis menghormati kita

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

sebagai ADUN saya rasa Dewan pun kena menghormati masa mereka itu yang pertama. Keduanya seperti rakan saya yang lain saya menyokong Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan. Saya lihat daripada aduan ataupun ADUN-ADUN lain contohnya Yang Berhormat Jeram ada banyak masalah komunikasi antara Ahli Dewan Negeri dengan PBT ataupun Ahli Majlis dan saya ingin mengemukakan cadangan agar Kerajaan Negeri melihat semula Peraturan Tetap Mesyuarat Majlis untuk PBT contohnya di Majlis Bandar Raya Petaling Jaya di bawah Peraturan Tetapnya ADUN dapat menghadiri Mesyuarat Majlis Penuh dan juga dapat berucap di Seksyen Ucapan Penangguhan tetapi dengan syarat memberi notis sebanyak 24 jam sebelum mesyuarat majlis itu dijalankan. Jadi mungkin Kerajaan Negeri hendak melihat secara *across the board* dengan izin dan yang keduanya MBPJ telah melaksanakan praktis di mana Ahli Dewan Negeri di jemput untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa yang mempunyai atau membincangkan isu-isu panas di kawasan Ahli Dewan Negeri tersebut. Jadi masalah dapat diselesaikan juga di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa. Yang keduanya tentang prestasi Ahli Majlis di mana saya bersetuju dengan Yang Berhormat Banting bahawa kehadiran di mesyuarat tidak melambangkan apa-apa, saya rasa ia syarat minimum ada sesetengah Ahli Majlis mereka hadir di mesyuarat dan tidak bercakap apa-apa. Saya ingin mengambil contoh mungkin dari segi penilaian Ahli Majlis, prestasi Ahli Majlis kita boleh mengikuti penilaian Pusat Penyelia Pusat Wanita Berdaya di mana Penyelia PWB digalakkan untuk membuat aktiviti di setiap daerah mengundi DUN mereka jadi untuk Ahli Majlis mungkin Ahli Majlis boleh diwajibkan untuk melaksanakan program ataupun aktiviti untuk masyarakat di setiap taman kejuruan di bawah zon mereka supaya tidak berlaku kes apabila rakyat mengadu bahawa Ahli Majlis ini bertumpu di satu tempat sahaja atau tidak menghiraukan satu tempat yang lain. Jadi ini dua cadangan saya sahaja. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Panjang.

**Y.B DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Bismillahirrahmanirahim, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Masa yang diberikan 5 minit jadi tidak ada perkara yang boleh fokus saya hanya boleh fokus kepada beberapa perkara. Yang pertamanya adalah berkenaan dengan akauntabiliti Ahli-Ahli Majlis ini. Jadi berkenaan akauntabiliti ini saya percaya ia boleh diselesaikan dengan cara pentadbiran yang mana terma-terma pelantikan dan juga tugas-tugas Ahli Majlis ini mestilah jelas. Yang pertamanya adakah Ahli Majlis ini dia punya akauntabiliti ataupun *reporting structure* perlu melaporkan ataupun mereka ini bertanggungjawab kepada parti ataupun Yang Dipertua ataupun Dato Bandar ataupun mereka ini bertanggungjawab kepada rakyat ataupun komuniti mahupun mereka ini bertanggungjawab kepada ADUN kawasan ataupun Parlimen. Jadi ini adalah sangat penting ditentukan terlebih dahulu dan seterusnya saya juga ingin memberikan beberapa sedikit penjelasan berkenaan dengan konsep ataupun prinsip pengasingan kuasa di Negara kita. Kita sedia maklum kita ada tiga cabang utama yang pertamanya

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

legislatif perundangan, yang keduanya adalah *judiciary* kehakiman dan ketiga adalah dari segi *executive*. Di peringkat perundangan ataupun di peringkat legislatif kita ada legislatif yang tertinggi iaitu di peringkat Parlimen kemudian ada pemisahan kuasa perundangan di peringkat Negeri dan *by law* ataupun *local government* ini dan *local government* ini sebenarnya ia beroperasi secara operasional dengan izin ia tidak melibatkan betul-betul konsep pengasingan kuasa kerana *local government* ataupun *local authority* ini masih lagi bertanggungjawab dan juga menjawab kepada pihak Dewan Undangan Negeri atau pun Badan Perundangan di peringkat negeri. Jadi ini kita perlu lihat sebelum kita bersedia ke arah pemilihan di peringkat PBT kerana struktur dan juga ekosistemnya di negara kita ini masih lagi belum bersedia. Bayangkan cuba Ahli-ahli Yang Berhormat bayangkan sekiranya berlaku pemilihan di peringkat PBT, pemilihan ini adakah berbentuk bebas atau pun mengikut parti politik. Dan bayangkan kalau ia mengikut pengagihan parti politik yang bertanding, Ahli-ahli Majlis ini mewakili parti, apa yang akan berlaku. Kalaulah sebuah PBT itu tidak sama dengan Kerajaan Negeri, adakah mereka akan diasingkan, di sisihkan atau pun kurang peruntukannya seperti mana yang berlaku dalam Dewan Undangan Negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat yang daripada bukan kerajaan ini tidak mendapat peruntukan yang sama. Jadi ini perkara-perkara yang perlu diambil...

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Mohon mencelah.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Bukit Gasing hendak mencelah, Sungai Panjang?

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Saya tak benarkan sebab ada 5 minit saja.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Tuan Speaker, bagi dia 1 minit tambahan boleh?

**TUAN SPEAKER :** Hah, 1 minit tambahanlah.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Saya tak benarkan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Kalau itu logiknyalah, sebab mungkin PBT tak sehaluan dengan Kerajaan Negeri *then*, kita mansuhkan semua pilihan raya peringkat negerilah, mungkin negeri tidak sehaluan dengan federal. So, adakah logik itu boleh dipakai?

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Ok, terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Mungkin Bukit Gasing dia kena *study* undang-undang lagilah. Sebab itu memang telah di peruntukkan dalam Perlembagaan Pilihan Raya di peringkat Parlimen

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

dan juga di peringkat Dewan Undangan negeri. Ini tidak terlibat dengan peringkat PBT, *local government*, ini PBT masih lagi kebertanggungjawabannya kepada negeri. Dan tidak ada keperluan itu buat masa sekarang. Jadi saya rasa itu yang lebih penting kerana apa pun di peringkat PBT ini ia adalah *operational* dan juga perkara-perkara yang dibincangkan dan juga diputuskan di dalam Mesyuarat Majlis atau pun mesyuarat di peringkat Dewan Bandar Raya ini adalah yang melibatkan perkara-perkara tertentu sahaja. Ia tidak termasuk yang mana perlu diputuskan dalam Dewan Undangan Negeri berkenaan dengan peruntukan bajet dan sebagainya, pembangunan dan sebagainya. Tapi ....

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Sungai Panjang, hendak betulkan fakta sikit. Nak betulkan fakta sikit saja, nak betulkan fakta.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** 10 saat sahaja, saya tak duduk.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Tadi Sungai Panjang sebut dia kata Kerajaan Negeri tak bagi peruntukkan kepada Pembangkang itu. Saya ingat tak betul itu, sebab Kerajaan Negeri bagi peruntukkan kepada Pembangkang. Yang tak bagi peruntukkan kepada pembangkang ini kerajaan UMNO, Barisan Nasional dahulu. Yang tak bagi peruntukkan kepada ...

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Sekejap ya, saya rasa Yang Berhormat Taman Templer pun salah dengar. Saya cakap peruntukkan itu diberikan tapi tak sama, tak sama faham tak? Tak sama, diberikan tak sama. Ok, kalau tengok balik *hansard*, kalau tak betul, saya betulkan sekarang, peruntukkan. Kalau peruntukkan itu diberikan tapi tidak sama. Jadi inilah yang akan berlaku di peringkat PBT jika berlaku pemilihan. Ini kita punya *concern*, ini kita punya *concern* tapi dari segi urus tadbir, saya yakin dan percaya, walaupun tidak ada pemilihan di peringkat PBT, PBT boleh melaksanakannya dengan baik dan kita tahu sebahagian Ahli Dewan Undangan Negeri mahupun Ahli-ahli Majlis kita ada *limit of authority*. Kalau kita bersuara pun di dalam mesyuarat di peringkat PBT sebagai ahli mesyuarat, sudah pasti kita tidak akan boleh *over rule* YDP atau pun keputusan Majlis. Kita hanya bersuara menyuarakan pendapat, jadi tidak salah saya rasa di kembalikan semula sistem pentadbiran itu yang mana ADUN sebagai Ahli Mesyuarat dan juga boleh menyuarakan pandangan dan juga pendapat dalam mesyuarat. Tetapi ini tidak membuatkan ADUN dan juga Ahli Dewan yang duduk dalam mesyuarat itu menjadi dengan izin superior daripada YDP sehingga kita boleh *detect* YDP dan sebagainya tidak. Jadi Majlis *authority, local authority* itu tidak boleh membuat keputusan mereka sendiri. Jadi ini pandangan saya dan saya menyokong saranan-saranan yang saya bahaskan tadi, terima kasih.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**TUAN SPEAKER :** Baik, Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ingin membahaskan usul untuk menyokong penyata yang dibentangkan oleh SELCAT berkenaan dengan penilaian prestasi Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Ahli Majlis di Negeri Selangor. Saya mungkin daripada *spesies* yang pernah jadi Ahli Majlis yang baru jadi ADUN. Saya 6 tahun jadi Ahli Majlis, jadi saya hendak menjawab sedikitlah Yang Berhormat Bandar Baru Klang tadi yang berkata tentang mungkin kenapa sekarang ini membincangkan tentang isu prestasi Ahli Majlis ini. Betul pada tahun 2008, selepas kita menang pilihan raya di Negeri Selangor dan membentuk kerajaan, memang ...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHMIM :** Saya rasa Yang Berhormat silap, saya tak menyoalkan kenapa sekarang kita hendak menilai prestasi. Saya tanya kenapa *spesis* lama tak ada masalah dengan Ahli Majlis sementara *spesis* yang baharu ada masalah dengan Ahli Majlis. Itu yang saya hendak dapat penjelasan daripada Banting. Saya tak berkata kenapa kita mempersoalkan persembahan Ahli Majlis.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Ok, itu soalanlah itukan, Yang Berhormat Bandar Baru. Saya cuba menjawab soalan tersebut.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHMIM :** Ya, tak soalan saya adalah kenapa ada perbezaan *spesis* lama tak ada masalah dengan Ahli Majlis. *Spesies* baharu ada masalah dengan Ahli Majlis, itu soalan saya.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Yang saya cuba hendak sampaikan ini ialah sebenarnya kalau kita lihat prestasi PBT itu sendiri tak ada isu, maknanya tak timbul isu yang kita hendak bincangkan perkara ini. Apa yang berlaku sekarang ini adalah prestasi PBT itu sendiri yang tidak mencapai kehendak yang dimahukan oleh rakyat. Kadang-kadang isu-isu yang senang saja pun yang hendak selesaikan tetapi isu tidak dapat diselesaikan di peringkat PBT sehingga memerlukan campur tangan daripada pihak ADUN Yang kadang-kadang pada saya tak sepatutnya, saya ambil contohlah Yang Berhormat Bandar Baru Klang, baru-baru ini apabila berlaku pembangunan yang pesat di kawasan Pelabuhan Klang, banyak kawasan-kawasan hutan paya bakau atau pun hutan-hutan yang telah diwartakan atau pun dizonkan boleh dibangunkan sebagai kawasan industri atau pun kawasan perumahan. Jadi apa yang berlaku ialah monyet-monyet yang ada dalam kawasan hutan tersebut sekarang ini, sudah tak tahu hendak pergi mana. Jadi mulalah dia datang ke kawasan-kawasan taman perumahan dan dia dah menjadi isu perbandaran. Tetapi yang tidak boleh diselesaikan dan ini yang saya ...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Saya hendak betulkan sedikit ini. Sebab kalau kita buat satu kenyataan umum bahawa rakyat tidak berpuas hati dengan persembahan PBT saya kira tak betul. Sebab sebelum ini kita ada menjalankan apa ini banciaan. Servis setiap 6 bulan, sekarang tukar setiap tahun. Sebenarnya peratusannya sekurang-kurangnya 60% yang kita dapat. Ada yang baik sampai 75%, jadi adalah mungkin kepuasan dia tak sampai 100%. Tapi tidak boleh kita kata semua tak capai, kalau tidak macam mana kita boleh menang di Bandar Baru Klang, berpenggal-penggal tak ada masalah. Sebab rakyat masih berpuas hati walaupun di zaman BN pun, kepuasannya ada lebih 50% bukan tapi kita cuba hendak perbaiki mutu supaya lebih baik lagi persembahan Majlis kita ini.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Ok, Yang Berhormat sebenarnya apabila kita dah masuk penggal ketiga ini, harapan rakyat makin tinggi. Dia hendak tengok isu-isu yang sebelum ini yang tak selesai lama perlu diselesaikan dengan segera. Sebab itu sekarang ini timbul isu kenapa adanya Jawatankuasa ini mengadakan penilaian. Sebab kehendak rakyat, kepuasan dia orang. Dia makin lama dia makin perlukan kepuasan yang membuak-buak. Ini yang kita tak boleh hendak buat apa, sebab itu lagi macam saya pula bila tengok ada isu-isu perlu dan senang saja hendak diselesaikan. Kenapa perkara ini tidak boleh diselesaikan, kenapa semasa saya jadi Ahli Majlis boleh diselesaikan. Kenapa sekarang ini tak boleh selesaikan, apa yang berlaku sebenarnya. Sebab itu SELCAT cuba mencari jawapan, mencari jalan penyelesaian bagaimana untuk memastikan prestasi yang sedia ada ini dapat dipertingkatkan lagi untuk memuaskan hati atau pun kehendak penduduk-penduduk setempat yang memerlukan perkhidmatan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Kita tengoklah dulu isu sampah contohkan. Beberapa kali sebelum itu Alam Flora, PBT buat sendiri dan sekarang dah letak bawah KEDB pun *still* ada masalah lagi sana dan sini. Dan *still* kita jumpa pula baru-baru ini *viral* apabila didapati pemandu lori sampah KEDB itu, warga asing. Jadi kita rasa macam eh, patutnya benda ini dah selesai kenapa masih timbul lagi. Di mana pemantauan yang sepatutnya dibuat oleh pihak PBT. Ini bukan kerja Ahli Majlis pun, bukan kerja Adun pun, bukan kerja EXCO pun. Ada pihak atau pun tanggungjawab penyelia-penyelia yang bertugas sepatutnya memantau isu ini tetapi itu tidak berlaku.

Jadi saya rasa semua pihak kena memainkan perananlah, bukanlah perlu hendak menyalahkan Ahli Majlis tidak berfungsi, Adun tak berfungsi, Ahli Parlimen tak berfungsi. Dan semua pihak semuanya kena berfungsi kena berganding bahu untuk cari jalan penyelesaian bagaimana untuk meningkatkan lagi prestasi PBT. Macam yang di sebutkan oleh Yang Berhormat Seri Setia tadi bahawa Ahli-ahli Majlis ini masa zaman saya pada tahun 2008 dahulu, saya masuk saja mula-mula lepas angkat sumpah, kita dihantar latihan 5 hari dekat ILPBT, Institut Latihan Pihak Berkuasa Tempatan. Apa tugas-tugas yang kita kena buat sebagai Ahli Majlis, apa yang kita kena buat apabila kita

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

berada dalam sesuatu Jawatankuasa. Dan bagaimana kita hendak berinteraksi dengan masyarakat. Ini yang kita buat tapi sekarang ini saya rasa Ahli-ahli Majlis tidak ada latihan tersebut. Itu yang buat macam hilang arah dan hilang panduan mereka untuk bertugas sebagai Ahli Majlis. Jadi kita kembalikan balik latihan-latihan yang saya pernah hadiri sebagai Ahli Majlis dan saya faham tugas Ahli Majlis dan kemudian saya boleh melaksanakannya di kawasan yang telah ditetapkan seperti di zon masing-masing di setiap PBT. Itu yang kita kena buat dan akhirnya banyak yang telah dibentangkan dalam penyata ini dan saya menyokonglah dan harap pihak Kerajaan mengambil serius apa yang disarankan oleh pihak SELCAT berkenaan dengan prestasi PBT dan juga Ahli Majlis di Negeri Selangor. Saya menyokong Yang Berhormat Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Pelabuhan Klang. Jadi saya minta ya, pihak Kerajaan kalau ada hendak respons.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih ya, Tuan Speaker dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan. Dan juga berterima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa SELCAT yang telah menyediakan satu penilaian, satu pendengaran dan penilaian prestasi Pihak Berkuasa Tempatan dan Ahli Majlis di Negeri Selangor. Dan juga memberi sebanyak 12 saranan kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri mengambil maklum dan akan meneliti semua saranan yang telah diberi oleh Jawatankuasa SELCAT. Kalau sesuai kita akan laksanakan, kalau yang tidak sesuai kita akan tengok macam manalah, kita boleh membaiki, menambah baik lagi prestasi PBT dan juga Ahli Majlis. Dan tadi nampaknya ramai yang Ahli-ahli Yang Berhormat sangat berminat dengan isu penglibatan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam PBT. Sekali lagi saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa ia merupakan satu dasar kerajaan Pakatan Harapan. Ahli Majlis tidak eh, bukan Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat ADUN tidak boleh duduk dalam PBT sebagai seorang Ahli Majlis kerana Kerajaan Pakatan Harapan mengamalkan prinsip pengasingan kuasa.

Dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat harus faham di Malaysia kita ada 3 lapisan kerajaan iaitu Kerajaan Pusat atau Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. ADUN-ADUN duduk di tengah, Kerajaan Negeri, jadi seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bandar Baru Klang tadi, sekiranya kita membenarkan ADUN-ADUN atau pun MB duduk di dalam Mesyuarat PBT dan menjadi seorang Ahli Majlis, adakah kita akan membenarkan Ahli Parlimen juga masuk ke dalam mesyuarat ADUN ini, sidang ADUN ini? Tidak, apa yang kita nampak sekarang adalah sekiranya Ahli Parlimen yang datang ke sidang Dewan, mereka duduk dekat atas, dia bukan duduk di tempat Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi sama benda yang sama di PBT. Saya juga merupakan *spesies*, *spesies* apa tu, *spesies* baharu ke lama, saya dah *confused* dah.

Saya pernah jadi Ahli Majlis baharu, ok *spesies* baharu. Pernah jadi Ahli Majlis, pernah jadi ADUN dan kini jadi EXCO. Jadi saya tahu apakah tugas sebagai seorang Ahli Majlis, apakah tugas sebagai seorang ADUN dan apakah perasaan sebagai seorang ADUN dan apakah perasaan sebagai seorang Ahli Majlis. Jadi yang itu saya faham, jadi saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dekat sini, kita perlu faham apakah tugas kita, apakah peranan sebagai seorang ADUN dan apakah tanggungjawab sebagai seorang ADUN. Yang itu sangat penting, yang tanggungjawab atau tugas Ahli Majlis, biarlah Ahli Majlis yang uruskan. Dan di sini saya juga ingin membetulkan satu perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang dan juga Seri Setia. Bahawa tiada kursus atau pun latihan yang diberi kepada Ahli Majlis, itu saya kena betulkan. Sebenarnya ada, ada kursus yang telah diberi kepada Ahli Majlis penggal ini. Mereka semua bagi kursus, apa itu bagi Ahli Majlis yang memulakan lantikan dari tahun 2018. Pernah menghadiri kursus latihan bagi Ahli Majlis. Yang itu saya perlu betulkan. Dan tadi juga ramai yang sentuh berkenaan prestasi sebagai seorang Ahli Majlis. Kita seharusnya bukan tidak boleh menilai prestasi seorang Ahli Majlis dari segi kewangan sahaja, ya, daripada segi pengurusan kewangan sahaja. Banyak lagi aspek yang kita perlu menilai seperti produktiviti. Kehadiran mereka ke Mesyuarat Penuh ataupun Mesyuarat Jawatankuasa dan juga aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Pengurusan kewangan adalah salah satu produktiviti. Dan selain daripada itu, juga, kita harus menilai pengetahuan dan kemahiran seperti pengetahuan dalam tugas, kemahiran dalam tugas, kebolehan membuat keputusan, keberkesanan hasil kerja dan juga keberkesanan komunikasi dan proaktif ataupun inovatif. Yang itu semua sangat penting. Satu lagi adalah kualiti peribadi seperti kepimpinan, integriti, disiplin dan ketetapan masa, komitmen kepada tugas dan jalinan perhubungan dan kerjasama, ini semua adalah penting bagi menilai seorang Ahli Majlis itu boleh menjalankan tugas dengan baik atau tidak. Bagi Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri akan menilai semua Ahli Majlis termasuk parti-parti, semua akan buat penilaian sekiranya Ahli Majlis tersebut akan dilantik semula.

Dan berkenaan isu yang disentuh oleh kalau tak salah saya, Yang Berhormat Kota Anggerik dan Yang Berhormat Seri Setia berkenaan kenapa Ketua Cabang ataupun Ketua Cawangan, Ketua .. apa-apa lah ya, pemimpin yang dilantik secara automatik menjadi Ahli Majlis. Sebenarnya, bagi setiap parti ada mekanisme masing-masing. Jadi, apakah kaedah yang paling baik? Sebenarnya bagi saya, tiada satu kaedah yang baik atau satu kaedah yang *perfect*. Kaedah yang paling sesuai adalah sekarang saya nak menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing iaitu adalah melalui Pilihan raya Kerajaan Tempatan. Itu adalah kaedah yang paling baik. Dan Kerajaan Negeri sentiasa menyokong untuk pelaksanaan Pilihan raya Kerajaan Tempatan dengan harapan mengukuhkan demokrasi Kerajaan Tempatan dan meningkatkan *accountability* PBT kepada masyarakat setempat agar mereka menjadi lebih bertanggungjawab kepada komuniti setempat. Walau bagaimanapun,

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

kebolehlaksanaan Pilihan raya Kerajaan Tempatan adalah tertakluk kepada pindaan Akta 171 dan Kerajaan Negeri bersedia meneliti dan membantu pihak KPKT sekiranya ada cadangan Kerajaan Pusat untuk mengembalikan Pilihan raya Kerajaan Tempatan. Saya rasa, ini sahaja lah penggulungan saya. Ya.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Ingin meminta petua daripada Speaker ataupun daripada EXCO Kerajaan bahawa di sini ada, sebenarnya ada patut diwujudkan *minority report*, pada pandangan saya. Dalam Penyata ini menggambarkan pandangan seluruh sedangkan kita ada perbincangan, saya punya pandangan berlainan, apa ni, yang dinyatakan 88 dan 88.10. 88 menyatakan Jawatankuasa mencadangkan kehadiran ADUN ke Mesyuarat Penuh bukan sebagai penyumbang saranan. 88.10 Jawatankuasa mencadangkan Kerajaan Negeri mewujudkan satu ketetapan baru kepada PBT untuk membuat jemputan khas kepada ADN, ADUN untuk menghadiri Mesyuarat Penuh PBT. Jadi, kalau ini diletakkan seolah-olah kewajipan diukur sebagai prestasi KPI. Kalau tak datang maknanya ADUN tak datang. Kita punya pandangan adalah sebaik-baiknya ADUN, pandangan saya sebaiknya ADUN tidak perlu terlibat dalam Mesyuarat Penuh ataupun sebarang perkara yang berbentuk eksekutif dalam bidang PBT. Adakah perlu diwujudkan *report* ini sebagaimana *minority report* kerana sebelum ini memang ada Penyata pernah mengeluarkan laporan yang ada *dissenting view*, pandangan yang berbeza dengan *minority report*, Boleh? Apa pandangan EXCO?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Bagi saranan 8.8 dan 8.10 ya? Tadi saya, saya rasa saya telah menjawab bahawa pendirian Kerajaan Negeri ataupun Pakatan Harapan adalah tidak sesuai. Dasarnya adalah tidak sesuai bagi seorang Wakil Rakyat juga menjadi Ahli Majlis. Jadi, sekiranya Ahli Majlis, Wakil Rakyat ingin menyertai mesyuarat dalam PBT, ada ruangnya, iaitu Mesyuarat Penuh seperti apa yang telah ditetapkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Itu, saya ingin mencadangkan Tuan Speaker, kita menerima nanti Penyata ini dengan ditambah *minority report* yang mengecualikan pandangan beberapa orang Jawatankuasa terhadap perlu hadir, perlu dipanggil dan dijemput ADUN datang ke PBT. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Saya nampak, ok, ini mungkin keputusan Speaker bukan keputusan saya.

**TUAN SPEAKER :** Ya, dah habis?

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Ya, saya dah habis.

**TUAN SPEAKER :** Dah habis ya, dah habis. Jadi, tak ada jawapan lah. Cari..baik. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan *Special Select Committee of Competence, Accountability and Transperancy (SELCAT)* berhubung penilaian prestasi PBT dan Ahli Majlis di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 14 Tahun 2020. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. (Ahli Dewan berkata ya). Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya, Usul No. 14 Tahun 2020. Usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing.

**TUAN SPEAKER :** Silakan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, belum lagi. Ini Usul 14, belum lagi Usul 15. Sabar. Tuan Speaker, dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut, bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor mengambil langkah untuk mempercepatkan proses penggantian paip di Negeri Selangor bagi mengurangkan gangguan bekalan air kepada rakyat akibat daripada insiden paip pecah. Tuan Speaker, dan rakan-rakan Yang Berhormat sekalian. Insiden paip pecah adalah satu perkara yang agak biasa di masyarakat kami, di negeri kami. Insiden ini menyebabkan gangguan bukan sahaja kepada perumahan tetapi juga kepada perniagaan, kepada industri dan pada pandangan saya kita harus ambil serius perkara ini dan kita harus meningkatkan usaha kita untuk mengatasi masalah-masalah paip pecah yang sering berlaku di Negeri Selangor. Insiden-insiden ini mungkin sudah berkurangan dalam lima (5) tahun yang lepas. Ini saya kena mengakui Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 2016 telah melaburkan bilangan duit yang cukup besar, melaksanakan banyak projek untuk mengganti paip air di seluruh Negeri Selangor. Memang ada usaha-usaha untuk memasang *district metering* untuk mengawal *pressure* paip air di kawasan-kawasan yang ada *hotspot* untuk mengurangkan bilangan insiden paip pecah tetapi di dalam hasrat kita sebagai negeri yang hendak menjadi status negeri maju, *to become the first world state*, dengan izin, kita harus mempunyai utiliti-utiliti yang juga bertaraf dunia pertama. Dan utiliti-utiliti ini, yang saya maksudkan hari ini ialah utiliti bekalan air.

Kita telah dapat jawapan di Dewan ini dalam sidang yang lepas bahawa untuk tahun ini sebanyak 120 km panjang paip air akan ditukar di Negeri Selangor dalam projek-projek tahun ini, sebanyak 88 projek. Ini mungkin satu angka yang lebih menjauhi negeri-negeri lain di Malaysia. Tetapi saya juga ingin bagi sedikit latar belakang berkenaan jumlah paip yang kita ada di Negeri Selangor. Saya ambil maklum daripada data-data di sidang-sidang sebelum ini. Kita ada 29,000 km paip di Negeri Selangor. Banyak paip ini paip baru. Kawasan perumahan baru yang baru naik, tidak ada banyak masalah kes paip yang pecah. Tetapi banyak kawasan adalah kawasan yang tua seperti di kawasan Bukit Gasing, kawasan perumahan yang dibangunkan 50-60 tahun yang lepas. Dan antara paip yang uzur ialah paip asbestos simen, *ac pipe*. *Ac pipe* ialah paip yang mempunyai jangka hayat, *life span* 20-30 tahun kalau boleh lepas 25 tahun kita tukar dia. Sebab bila paip itu melangkai *life span* dia, dia senang untuk pecah dan menyebabkan gangguan. 6000 km asbestos simen di Negeri Selangor dan banyak daripada dia telah melebihi daripada *life span* dia. So, saya tengok kawasan DUN Bukit Gasing, saya suarakan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk saya sering berlaku kes paip pecah tapi saya tahu bukan sahaja di Bukit Gasing, di seluruh Negeri Selangor pun berlaku ha? Sepang pun? Ala nanti boleh bahas Yang Berhormat Sg. Pelek. Sebab paip dia sudah melangkai usianya. Apabila satu ketika dulu penswastan dilakukan di Negeri Selangor, SYABAS diswastakan. Antara tugas yang harus dilakukan oleh SYABAS pada masa itu adalah untuk menambahbaik infrastruktur. Mereka harus tukar paip tetapi perkara ini tidak dilakukan, dan selama ini kita ada banyak masalah untuk mengambil alih industri air sehingga baru sahaja diselesaikannya jadi, kerja-kerja untuk ganti paip pun tergendala dalam masa tersebut. Ini kerana kita tiada kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan sebelum tahun 2018. Jadi, banyak kerja infrastruktur tukar paip air ini tertunggak. Now sebelum ini kita ada Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan Khas Sumber Air itu telah menceritakan banyak isu-isu dari segi makro tetapi usul saya hari ini adalah menjurus kepada insiden paip pecah. Insiden paip pecah selain daripada paip pecah daripada pihak ketiga, saya ambil maklum memang ada pihak ketiga yang korek jalan dan pecahkan paip itu tak kira usia paip lah kalau kerja-kerja korekan jalan ini tidak dilakukan dengan sempurna, *third party incident will happen* tetapi isu paip yang tiada *third party* gangguan masih juga ada kes pecah yang ini kita harus atasi supaya kita boleh gerak ke arah dunia pertama. Kita tidak perlu ada gangguan berkali-kali dalam masa satu bulan. Kadang-kadang ada *area* yang ada gangguan berkali-kali dalam masa satu bulan. Jadi, untuk *at the very basic* untuk menghabiskan kerja 6000 km paip asbestos simen yang mungkin harus digantikan pada paip yang lebih moden seperti *ductile iron* yang sedang giat dilakukan oleh AIR Selangor saya rasa kita harus mempertingkatkan, saya tak pernah kata kita tak buat. Saya tadi telah huraikan kita memang buat, tahun ini melancarkan 88 projek 120 km panjang paip yang sedang ditukar tetapi saya harap kita boleh meningkatkan, *we increase the speed of* penukaran paip air. Memang kewangan akan menjadi satu cabaran dan memang kita mungkin kena pinjam lebih. Saya ambil

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

maklum yang Yang Amat Berhormat telah menceritakan di dalam usul yang pertama sidang Dewan ini AIR Selangor akan buat sukuk dia akan mengambil pinjaman yang, *amount* yang besar RM20 bilion untuk pelan baru mereka. Mungkin pinjaman ini boleh ditambah dengan *brought forward* supaya kerja paip ini boleh disegerakan. Hasrat saya satu sahaja, *improve customer service* pihak utiliti yang milik Kerajaan Negeri Selangor. Hasrat saya satu sahaja, kita tidak ada gangguan. Saya tahu banyak KPI lain penting untuk pengurusan AIR Selangor Kerajaan Negeri itu semua tidak dinafikan tapi satu aspek ini saya harap pada hari ini kita boleh buka ruang untuk bahas dan saya harap Dewan ini akan menyokong usul yang saya bawa ini supaya insiden bilangan kes paip pecah akan jatuh dari Negeri Selangor kepada satu angka yang rendah. Jadi, ini adalah satu perkara yang jarang. Bukan perkara yang berlaku setiap bulan *and this must be improve*. Jadi, ringkas sahaja tetapi *I'm straight to the point* dalam topik ini. Saya harap usul ini dapat disokong. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Baik penyokong.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Pandamaran sudah menyokong. Jadi, usul ini telah disokong.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ingin berbahas sedikit sahaja apa yang telah diusulkan oleh Bukit Gasing tadi tentang isu penggantian paip ini. Memang kita sedia maklumlah di Negeri Selangor ini kebanyakan paip-paip, kita dapat paip tua yang perlu diganti yang menyebabkan banyak permasalahan paip pecah dan sebagainya cuma saya nak bangkit mungkin penambahan sedikit daripada isu penggantian paip ini. Permasalahan selain daripada penggantian paip ni ialah selepas penggantian itu dibuat kebanyakan tempat yang dikorek dan sebagainya tu tidak diperbaiki dengan baik yang kadang-kadang berlaku kerosakan kali kedua dan ketiga dan juga merosakkan jalan-jalan, infra-infra yang lain. Saya harapkan perkara ini juga diambil perhatian dalam pembaikan ataupun projek pembaikan penggantian paip ini untuk memastikan supaya projek-projek yang dilaksanakan itu tidak menimbulkan permasalahan yang lain dan bagi saya amat berdosalah bagi mereka yang menentang USUL ini kerana ini untuk kebaikan rakyat. Ok. Terima kasih. (ketawa).

**TUAN SPEAKER :** Terus lulus lah sebab kalau menentang dosa.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Terima kasih Tuan Speaker. Sudah tentu kita dah tak berani ya nak menentang USUL ini selepas fatwa daripada Meru (ketawa). Saya cuma nak membawa perhatian Dewan dan Yang

Berhormat Sekalian berkenaan dengan kenyataan bahawa memang kebanyakan paip-paip di Selangor ini adalah paip-paip tua terutamanya bukan sahaja di Bukit Gasing, di Dusun Tua juga paipnya tua. Hah! Jadi sering kali berlaku paip pecah boleh kata kalau sebulan tak ada paip pecah itu agak janggal. Setiap bulan ada paip pecah tapi saya juga ingin menarik perhatian selain faktor korekan yang dilakukan oleh agensi-agensi lain dan sebagainya. Faktor lain yang turut menyebabkan paip pecah terutama di kawasan Dusun Tua di kawasan Hulu Langat adalah kerana faktor jalan. Satu-satunya jalan yang menjadi tulang belakang kawasan Hulu Langat itu sering kali dilalui oleh lori-lori berat. Hah! Kalau mengikut Sistem Smart Docket Selangor 543 buah lori keluar masuk sehari dalam 11 jam kuari beroperasi dan baru semalam saya dapat gambar daripada Ketua Kampung dah hantar pada saya bukan sahaja lori keluar masuk 543, juga ada banyak lori unta dah mula keluar. Kalau tak tahu lori unta ni apa? Lori unta ni lori yang belakang dia ada bonggol. Hah! Bukan lori bawa unta, di belakang dia ada bonggol disebabkan oleh lebih muatan. Bawa muatan lebih dari yang sepatutnya. Sebab itu kalau kita berbincang dengan Syabas, kita bertanya setiap kali ada paip pecah, kita tanya, ni paip pecah kenapa? Biasanya dua sebab. Dia akan cakap, satu YB dia akan kata Pertama paip tu dah tua yang seperti kita maklum lah kan. Paip tu dah tua. Kedua, kemungkinannya adalah akibat kenderaan berat lori yang keluar masuk dah tentu kawasan Hulu Langat itu lori yang keluar masuk ini kebanyakannya daripada kuari dan banyak juga kejadian berlaku lebih muatan.

Jadi saya juga ingin mengambil perhatian Kerajaan, betul kita harus mempercepatkan usaha untuk memperbaiki paip-paip tua ini tapi dalam masa yang sama juga sementara kita menuju ke sana harus kita memantau juga faktor-faktor lain yang boleh menyebabkan paip ini pecah. Hah! Macam tadi jumlah lori yang keluar masuk, hah! lebih muatan. Kadang-kadang lebih muatan ni kalau kita tanya kepada Pejabat Tanah dia akan pas penguatkuasaan ini kepada JPJ. Dengan kata, ini lebih muatan kita tak ada kuasa. Tapi sebenarnya, tak juga sebab kalau kita saya dimaklumkan oleh Pejabat Tanah melalui Sistem Smart Docket Selangor sebenarnya waktu sebelum lori itu keluar ada dimaklumkan juga berapa muatan yang dibawa dan kalau ada lebih akan ditulis situ lebih. Cumanya dah lebih kita tak boleh buat apa-apa lah. Hah! ini JPJ kena tangkap. Sedangkan kuari itu sebagainya kita yang luluskan. Kita yang bagi dia permit, kita yang menilai permit dia setiap 4 bulan. Kenapa tidak kita bagi dia tanggungjawab untuk memastikan tak ada berlakunya lebih muatan dan sebagainya. Bagi tanggungjawab itu pada mereka sebab kalau berlaku banyak kejadian lori-lori unta ni tadi tak kan kita nak penguat kuasa tu duduk tepi jalan tu sepanjang tahun. Sepanjang hari. Jadi kalau kita boleh pertanggungjawabkan kepada kuari-kuari yang kita bagi permit ini untuk memantau, memastikan tak ada lori yang bawa lebih muatan kurang-kurang kita dapat mengurangkan risiko paip pecah itu tadi sebab penatlah paip pecah disebabkan lori yang keluar masuk dengan banyak hah! yang tak terkawal termasuk juga dengan lori yang

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

bawa lebih muatan hah! lori unta lagi-lagi lepas PKP ni saya rasa dia pulun habis-habis ni berapa bulan tutup ni. Jadi itu adalah perkara yang saya juga minta perhatian daripada Kerajaan. Itu sahaja. Saya menyokong USUL ini kerana dosa tolak ya tak tahu Meru cakap. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bersentuh ya tentang paip pecah. Saya cuma nak tanya adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat setuju selain daripada kawasan lama ya yang tua, perumahan tua tapi perumahan yang baru pun ada berlaku paip pecah seperti di tempat tinggal saya di mana hanya 10 tahun tapi paip pecah sering berlaku ya sering berlaku. Saya tidak tahu kenapa paip baru ni sering berlaku pecah. Kita tak pasti dan saya menyeru Air Selangor perlu pantau ya sebab patutlah memenuhi syarat ataupun aspek yang telah ditentukan ya bukan hanya ya semata-mata biarkan apa kata pemaju untuk letak dan biarkan begitu sahaja sebab mereka perlu pantau sampai ke sana tengok paip yang dipakai adakah dia betul dan kalaulah semua tahu bila ada paip pecah penggantian paip ada dan kita dapati dalam lepas dua minggu, tiga minggu ada *settlement* ya dengan izin *settlement*.

Jadi tempat situ yang paip pecah tu akan menjadi mendap, mendap dan lepas tu tak ada tindakan ya seterusnya daripada Air Selangor ataupun agensi-agensi yang sepatutnya dan kita nampak macam ada kuari bila hujan air takung kat situ, kita nampak dan ini bukan sahaja berlaku kepada Air Selangor tetapi TNB ataupun Telekomunikasi ya yang telah menyebabkan korek dan mereka biarkan, mereka biarkan dalam dua tiga minggu dah mendap tak ada orang untuk pantau. Jadi telah menyebabkan jalan asyik rosak ya kita perlu kalau dia dalam jalan perbandaran masih ok kalau dalam jalan persekutuan hah! ini yang menjadi masalah sebab Kerajaan dah berlainan peruntukan tak nak turun.

Ya seperti apa yang telah di lama kita hadapi, orang Klang ya termasuk dalam Pelabuhan Klang jalan begitu rosak ya sampai selepas 10 tahun kita dapat peruntukan 50 juta ya terima kasih kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang sudi turunkan peruntukan. Jadi saya harap Kerajaan baru iaitu Perikatan Nasional dapat memandang serius ya bagi peruntukan lagi kepada Klang ya Klang lah ya kita kata Klang lah ya tak termasuk Kota Kemuning ya sebab memang penting ya jalan-jalan ni sebab bila ada lubang ada *settlement* ok jadi penunggang motosikal memang merbahaya ini akan mengancam nyawa-nyawa penunggang motosikal. Jadi pihak Air Selangor ataupun agensi-agensi yang lain perlu pantau lepas dua minggu atau sebulan lepas untuk tengok adakah tanah itu ada *settlement*.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

Jadi untuk mengelakkan paip pecah jadi saya menyeru ya Air Selangor perlu memantau selepas dalam semasa mereka membangunkan sesuatu tempat. Jadi mengelakkan tempat-tempat baru kita nampak baru tapi jalan sudah teruk. Ya, ini berlaku di Bukit Tinggi ya bawah DUN Sentosa. Jadi saya menyokong ya USUL Yang Berhormat Bukit Gasing. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Baik. Bandar Utama.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Terima kasih Tuan Speaker, membenarkan Bandar Utama untuk memberi pandangan. Bandar Utama ingin menyokong USUL ini dan berharap Kerajaan Negeri boleh memandang berat terhadap USUL yang dikemukakan ini lah. Sebelum ini Kerajaan Negeri memang pernah menyebut tentang bekalan air ini merupakan satu keperluan yang sangat penting malah pada pandangan Bandar Utama ianya merupakan satu hak asasi utama untuk seseorang manusia. Namun sebagai contoh Bandar Utama ingin mengambil Kampung Cempaka salah satu kawasan di bawah Bandar Utama sebagai perumpamaan ya. Kampung Cempaka kini sangat terkesan dengan paip pecah dan gangguan air jadi sebelum ini saya ada berbincang dengan pihak-pihak Air Selangor dan keputusan adalah apabila tekanan air diturunkan di kawasan tersebut maka memang kurang lah berlakunya kes-kes ataupun isu paip pecah tetapi akibat ataupun kesimpulan daripada keputusan tersebut segelintir penduduk yang tidak mendapat akses air di tingkat atas rumah pula terjadi.

Jadi dalam tempoh 2 bulan ini memang pernah berlaku 5 kes paip pecah dan anggaran penduduk-penduduk ataupun keluarga yang terjejas adalah sebanyak 500 keluarga. Sekiranya isu paip pecah di Jalan PJU 1/4 ini tidak diselesaikan. Namun hari ini memang Bandar Utama bukan mahu membincangkan tentang isu ini sahaja. Ini mungkin cuma salah satu contoh kepada kes yang sedia ada di bawah Kerajaan Negeri Selangor.

Sebagai Ahli Dewan Negeri saya memang faham akan kesulitan Kerajaan Negeri lah untuk menyelesaikan isu ini. Saya rasa perlu juga dibangkitkan paip air ini sepatutnya digantikan berpuluh-puluh tahun dahulu namun program penggantian paip hanya mula aktif sejak Kerajaan Pakatan mengambil alih jadi itu menyebabkan isu-isu kes paip pecah semakin serius kerana sehingga kini menurut laporan memang penukaran paip akan membabitkan jarak keseluruhan sejauh 27,000 kilometer.

Jadi di samping itu juga Kerajaan Negeri masih melaksanakan Skim Air Darul Ehsan dan memberikan subsidi lah kepada warga Selangor dan sebagainya. Jadi saya faham tekanan dan cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri namun saya mempunyai harapan yang tinggi lah terhadap Kerajaan Negeri memandangkan kita ini memang

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

peneraju berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Kita ini memang amat ke hadapan berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Jadi Bandar Utama sebenarnya agak risau sekiranya purata penggantian paip setahun menurut laporan adalah hanya kira-kira 1,000 kilometer. Itu adalah laporan. Saya harap jika saya salah boleh jelaskan. Tapi sekiranya setiap tahun kita hanya boleh mengganti 1,000 kilometer ertinya akan ada kawasan lain yang memang perlu menunggu masa ataupun tempoh yang agak lama sebelum tempat ataupun kawasan perumahan mereka dapat menukar paip baru.

Tadi Bukit Gasing ada membangkitkan kawasan perumahan Bukit Gasing itu memang satu pembangunan yang telah berlaku semenjak 50 hingga 60 tahun yang lepas begitu juga dengan Kampung Chempaka lah. Kampung Chempaka pun melebihi, kita baru sahaja menyambut 50 tahun ulang tahun Kampung Chempaka dan juga kita juga menggunakan AC paip. Jadi saya memang berharap Kerajaan Negeri boleh mengambil berat tentang isu ini kerana saya tahu warga Selangor ataupun rakyat Selangor memang menaruh harapan yang tinggi terhadap Kerajaan Negeri dan saya harap kita akan dapat menjadi satu contoh yang baik untuk bukan sahaja Negeri lain tetapi juga untuk Kerajaan Persekutuan. Jadi sehubungan itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak dan saya memohon untuk menyokong.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Ya Hulu Kelang.

**TUAN SPEAKER :** Ya Banting duduk sekejap. Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, oleh kerana Urusan Dewan ini masih belum selesai maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa USUL.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Speaker. Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin membawa USUL yang berbunyi bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung Persidangan hingga selesai semua Urusan Dewan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian. USUL ini telah pun disokong saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.

**DEWAN :** Ya

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. USUL ini dipersetujui. Saya persilakan Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Speaker. Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian. Satu kawasan di Selangor mengalami dalam tempoh masa hujung bulan Jun ke awal bulan Julai, 9 hari berturut-turut paip pecah dan berlaku di rumah saya dekat situ berlaku setiap hari setiap selang sehari. Jadi sebelas hari tu 5 hari tidak ada air. Bermula jalan-jalan enam, tengah, hujung, datang balik. 5 kali. Betul-betul sekali rumah saya. Rumah saya ni saya *observe* sejak 2 tahun dulu, apabila paip pecah, tangki akan di isi selepas dua bulan. Barulah kita *discover* dengan izin bahawa rupanya *pressure* di jalan itu berbeza. Di kanan jalan enam *point something*, di sebelah kira jalan lima *point something* dan di depan kepala jalan *pressure* lain di hujung jalan lain. Empat *pressure* air dan bila silap *adjust* pecah paip. Paip pula kalau di tempat saya itu agak baru sikit tapi berbanding dengan di DUN saya Hulu Kelang, saya duduk di satu DUN yang istimewa, nama DUN itu DUN Bukit Antarabangsa. Setakat ini penduduk tidak marahlah kerana dia menteri, Ahli Parlimen, sekarang menteri lagi, kemudian saya pula ambil peranan untuk *cover* dia, harap dia kenang jasa saya, saya tak nak jadi menteri, saya *cover* dia. Penduduk setakat ini malu, segan untuk buat laporan ke akhbar kerana adanya Y.B Saari Sungib duduk situ, paip pecah pun dia tak *complaint*. Jadi saya nak beritahu bahawa dalam konteks apa yang berlaku ini rakyat derita. Angkat air malam-malam pukul 1.00-3.00 pagi dengan anak cucu saya pun turun ambil air, satu contoh teladan yang baik, paip pecah kita turun ambil air dan bantu orang lain dan itu dia *absorb* dengan itu dia *cushion* kemarahan rakyat tapi saya rasa marah tidak bertahan sampai bila lagi. Kalau di DUN saya tempat yang paling kritikal adalah Taman Melawati. Taman Melawati ini dulu terkenal dengan tempat seniman dan artis-artis, tempat yang disukai tetapi tempat ini hari ini terkenal sebagai tempat yang banyaknya *Along*, banyak stiker *Along* menawarkan khidmat bayar hutang-hutang dan berlakunya masalah air yang sangat kritikal. Saya menyeru agar kerajaan memberikan perhatian melalui Air Selangor atau melalui apa-apa yang ada di Jalan E, Zon E, Zon C, DUN J, ini amat kritikal dan saya difahamkan bahawa paip pecah kerana gangguan air kerana berlaku penukaran paip dan paip pecah. Umumnya berkaitan dengan paip asbestos yang uzur yang melebihi tempoh *economic* umur 25 tahun, dikatakan oleh sahabat saya tadi sebagai paip tua. Air Selangor diberikan pajakan 45 tahun untuk semua aset bekalan air, kos penggantian paip ditanggung oleh Air Selangor melalui pembiayaan bil hasil, bil air dan dari *list rental* PAAB. Apa yang menarik perhatian saya ialah maklumat sekiranya benar, Kerajaan Selangor pernah memberi geran hadiah daripada pinjaman kepada operator Bekalan Air Selangor. Jadi saya menyeru sekiranya nak *cover* atasi masalah ini yang kritikal hendaklah Kerajaan Negeri Selangor mencari jalan untuk mengulangi prestasi baik, berkhidmat kepada rakyat dan memberi geran atau pun pinjaman. Sekian dulu, saya sokong akan Usul ini.

**TUAN SPEAKER :** Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker, singkat sahaja. Saya menerima berita baik daripada pihak Eksekutif di mana jawapan soalan saya bertulis telah pun dijawab dan ini tiba tepat pada waktunya penukaran paip air yang baru dan saya suka berkongsi dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini, mungkin adalah sikit-sikit informasi. Sebanyak 162 juta ringgit telah diperuntukkan untuk membuat penggantian paip di bawah *Capex* 2019 dan saya lihat di sini ada lebih kurang 133 *hot spot* yang telah pun di kenal pasti dan akan diganti dengan paip air yang baru. Untuk tahun ini tahun, *Capex* 2020 jumlah 142.5 juta akan diperuntukkan, banyak kawasannya. Cuma Yang Berhormat saya suka nak berkongsi dengan siapa yang berminat nanti, satu pemerhatian ialah selalu kita mungkin tidak ambil fakta ini sebagai penting tapi Daerah Kuala Lumpur juga sebenarnya dilibatkan bersama. Maksudnya paip air lama dan uzur di kawasan Selangor ini termasuk juga yang ada di kawasan Putrajaya dan juga di kawasan Kuala Lumpur dan satu pemerhatian saya, saya juga ambil maklum bahawa di kawasan saya akan ada satu pakej menukarkan gantian paip baru di Pakej 27 di Sungai Mangga dan di Kampung Pulau Pakej 27 dan saya hanya berjumpa dengan rakan kita dari Air Selangor pada tahun ini sedangkan sebenarnya salah satu projek yang telah pun dijadualkan untuk tahun yang lepas untuk tahun 2019 jadi maksudnya dalam melaksanakan program penukaran penggantian paip baru di bawah *capex* ini akan terdapat berlakunya kelewatan dan saya kira itu adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian oleh pihak Eksekutif bagaimana untuk mengurangkan atau mengelakkan kelewatan ini daripada berlaku untuk *capex* di bawah tahun 2020 di mana kerajaan akan menggunakan sejumlah wang 142 juta ringgit untuk menukar ganti banyak tempat-tempat *hot spot* di seluruh Negeri Selangor termasuk di kawasan Kuala Lumpur dan saya kira di kawasan Daerah Kuala Langat tempat-tempat yang terlibat termasuklah *hot spot* yang berlaku di sepanjang Jalan Banting Klang dan juga Jalan Banting, Dengkil, termasuk juga Jalan Teluk Mengkuang. Saya kira ini adalah satu usaha yang bagus patut diberi pujian. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Eksekutif kerana bukan sahaja dapat memberikan jawapan yang padat, tepat pada waktunya pada masa sekarang apabila kita membincangkan Usul ini tetapi juga terima kasih kerana memperuntukkan *capex* untuk kawasan saya tapi apa yang kita perlu lihat ialah kelewatan. Kalau projek tahun lepas hanya pada pertengahan tahun ini sahaja kita boleh berjumpa. Saya tahu memang akan berlaku kelewatan kerana PKP tapi sekiranya tidak akan berlaku PKP pun projek ini tetap telah pun sedikit lewat maka saya kira itu adalah satu perkara yang perlu dipandang serius oleh pihak Eksekutif supaya dari segi perancangan dan sebagainya kita boleh mencapai matlamat di mana wang yang diperuntukkan untuk tahun itu kita akan gunakan untuk tahun itu ataupun sekurang-kurangnya ia bermula pada tahun itu, bukan pada tahun yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker saya hanya nak tambah satu perkara. Iaitu masalah untuk mengganti paip air di Negeri Selangor sebenarnya bukan bermula setahun dua tahun sebelum ini. Ia adalah satu isu yang apabila kita menjadi kerajaan pada tahun 2008, kita juga mendapati bahawa sudah ada *backlock* yang sangat ketara pada masa itu. Walau bagaimanapun selepas 10-12 tahun kita masih berdepan dengan isu yang sama iaitu masalah paip air yang uzur khususnya di kawasan-kawasan *housing area* dengan izin yang lama. Sebagai contohnya di kawasan saya. Saya pun terkejut, antara bulan Januari tahun ini sehingga bulan Jun terdapat 14 kes paip air pecah di kawasan yang sama dan bila saya menghubungi pihak Air Selangor saya dimaklumkan bahawa hanya kerja-kerja kecemasan boleh dilaksanakan dan apabila saya baca kertas jawapan Yang Berhormat Banting tadi kawasan tersebut iaitu Selayang Jaya tidak terdapat di dalam senarai projek-projek yang akan dilaksanakan. Jadi isunya sekarang adalah, apa yang telah dirancangkan oleh Air Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor memang harus mengikut jadual kerana kita sudah lambat tetapi pada masa yang sama ada kes-kes yang tercetus *explosion* atau apa-apa yang berlaku, jadi sampai bila penduduk-penduduk harus menunggu satu paip baru diletakkan atau digantikan di kawasan tersebut. Jadi saya harap Kerajaan Negeri selain daripada merancang atau mengurus mengikut jadual dan sebagainya harus ada satu dana khas untuk menangani masalah paip air yang sekian lama selalu pecah tetapi bukan dijadualkan untuk digantikan. Sekian, terima kasih. Saya menyokong Usul tersebut.

**TUAN SPEAKER :** Baik saya minta pihak Kerajaan untuk memberi respons tentang Usul ini Paip Air Pecah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Bukit Gasing dan rakan-rakan Ahli Dewan yang telah mengemukakan Usul yang saya kira berniat baik untuk memastikan sebagaimana yang disebut oleh Bukit Gasing tadi bahawa untuk menuju *Premier Smart State menjelang 2025* kita juga harus mempunyai infrastruktur asas yang baik, yang berkualiti dan sememangnya ini menjadi hala tuju dan menjadi salah satu daripada impian, harapan dan satu tugas yang dilakukan oleh barisan Eksekutif Kerajaan Negeri dan sebelum saya pergi ke hadapan menjelaskan beberapa perkara kita harus sedar dalam tempoh 2008 sehingga 2018, itu adalah tempoh yang boleh dianggap sebagai satu tempoh yang membeku, kita tidak dapat menguruskan pentadbiran dan pengambilan air dengan cemerlang dan baik kerana kita tidak dapat menyelesaikan pengambilalihan itu. Pengambilalihan hanya dapat diselesaikan sekitar 2016 dan 2017 dan sepenuh-penuhnya dapat diselesaikan pada tahun 2018 dan ia mengambil masa 10

tahun. Soal *valuation*, *valuation* siapa yang dapat, kita bincang satu persatu dan ini adalah lesen kepada kita semua dan rakyat di Negeri Selangor jangan lagi benarkan sesuka hati memberikan konsesi-konsesi yang akhirnya *burden* untuk menggantikan paip-paip air simen dan asbestos yang sebahagiannya sangat rapuh dan *fragile* dan ada sebahagiannya memang ada yang menunggu masa untuk *burst* ataupun pecah. Kalau setengah daripada fakta kita itu tidak ada, dia hanya *delay* atau hanya ada bekasnya dan bekas itu bergerak dan itu yang kita tukarkan. Daripada 2016 selepas kita ambil alih dan sebagainya hampir tiap-tiap tahun kita mengganti lebih daripada 100km, hampir tiap-tiap tahun walaupun panjangnya hampir 28,000km-29,000km sebagaimana yang disebut oleh saudara Bukit Gasing. Saya ada bertemu dengan beberapa pengendali-pengendali air swasta di Malaysia dan juga di Asia Tenggara untuk menggantikan hampir 25,000 saya dengar mereka mengambil masa 20 tahun untuk menggantikan. Kenapa tidak boleh menggantikan semua? Boleh sebenarnya kalau kita ambil semua dan kita menggantikan semua sekali gus, boleh ke atau tidak? Tetapi dia ada nilai ekonomi yang harus digerakkan kita ada sebab dalam masa yang sama Air Selangor harus menyelenggara beberapa unit-unit yang lain sebagai contoh LRA . Dua tiga hari ini pada 14 hari bulan kita mula mengemas kini dan menyelenggara LRA SSP3. Ini untuk mengelakkan daripada kes yang berlaku pada 2016. Kalau ingat 2016 pernah berlaku paip pecah. Pada ketika itu saya tidak ada di Dewan ini, saya ada di luar tetapi saya ingat ada paip pecah dan paip pecah itu mengambil masa yang lama untuk dipulihkan, seminggu kalau kita tidak bersedia. Maksudnya kos untuk menyelenggara LRA, kos untuk menyelenggara kolam-kolam takungan, kolam-kolamimbangan sebagai contoh, kos untuk membiayai beberapa urusan lain juga harus diambil kira. Dalam tempoh 4-5 tahun sebenarnya kita dah ganti hampir 600km dan sebenarnya Negeri Selangor dan Air Selangor telah diberikan geran ataupun pengiktirafan kerana apa? Kerana semasa zaman sebelum pentadbiran sebelum Pakatan Rakyat di mana UMNO dan Barisan Nasional, NRW di Negeri Selangor atau *Non Revenue Water* air yang tidak terhitung, yang bocor, yang hilang, yang lesap adalah sekitar 36%- 34%. Selepas kita mula menggantikan pada tahun 2016, 2017 dia telah dapat dikurangkan sehingga 32% atau 31%. Saya ambil itu masa menjadi Menteri Besar Negeri Selangor pada kadar 32% dan hari ini saya suka katakan bahawa kita adalah antara negeri yang diberikan pengiktirafan kerana berjaya mengurangkan NRW hingga kepada 28% ataupun di bawah 30%. Saya mengucapkan terima kasih kepada Air Selangor. Namun begitu kita ambil maklum tentang pandangan-pandangan semua dan masing-masing ada *experience* dan ada pengalaman sendiri. Saya sendiri di kawasan saya dan di kawasan Templer sebagai contoh itu ada beberapa jalan memang sangat popular mula pecah tiap-tiap hari katanya pecah, kita pun faham, tapi kita kena tahu bahawa untuk menggantikan semuanya juga dia akan ambil masa yang lama dan dia juga ada *economic plan* sebab itu Air Selangor selepas kita ambil alih kita sebutkan kita tak akan untung terus, kita hanya akan untung pada tahun ke-9 dan ke-10 sebab proses penggantian yang telah dirancang dan

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

direncanakan oleh pihak Kerajaan Negeri. Memang kalau boleh kita hendak ganti 1,000 kilometer tiap-tiap tahun hah! itu. Kalau kita ganti 1,000 kilometer tiap-tiap tahun pun dia akan jadi 29 tahun lah untuk kita gantikan hah!. Masa tu kita tak tahu kita kat mana.

Jadi sebab itu lah saya hendak sebutkan di sini bahawa memang ia jadi keutamaan dan kepentingan tiap-tiap tahun hampir 400/500 dan itu tidak termasuk pula kita hendak membina LRA lah. Kita baru siapkan Labuhan Dagang. Kenapa SSP3 berlaku? Kuala Langat tidak menjadi kesan yang teruk. Sebab kita ada Labuhan Dagang yang sekitar 40 hingga 60 mld sekarang yang boleh sampai. Kalau kita buat Labuhan Dagang 2, dan kita boleh cover sebahagiannya. Dan selepas ini Kerajaan Negeri hendak bina pula LRA Rasau. Itu yang saya sebutkan dalam sesi pembentangan *Stimulus Package* ataupun pakej rangsangan kita kerana kita tahu kalau yang berlaku sekarang, SSP3 diselenggara, tutup atau ada pencemaran, Klang, Kawasan Kota Raja, Kota Kemuning bukan Kota Kemuning kawasan mana yang akan paling lama sekali ataupun Andalas akan menjadi antara kawasan yang paling terakhir akan dapat menerima air walaupun telah pulih dua hari yang lalu.

Jadi itu perkaranya banyak pertimbangan yang kita buat isu-isu korporat, *governance* dan juga *cash flow* serta aliran tunai juga menjadi pertimbangan kita sebab itu suku menjadi salah satu daripada *choice* ataupun pilihan kita untuk menyelesaikan masalah penggantian paip dan isu-isu pengurusan dan pentadbiran, perkhidmatan bekalan air di Negeri Selangor tapi isu pokoknya iaitu *single license* itu kita dah selesaikan. Satu unit yang bersepadu kita dah selesaikan berbanding 4 dahulu kita dah selesaikan. Jadi selepas selesaikan perkara pokok sekarang masanya untuk kita isi dan gantikan paip-paip dan perkara-perkara yang lain. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian. Adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu USUL yang berbunyi, bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor mengambil langkah untuk mempercepatkan proses penggantian paip di Negeri Selangor bagi mengurangkan gangguan bekalan air kepada rakyat akibat daripada insiden paip pecah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.

**DEWAN :** Ya

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. USUL ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** USUL seterusnya USUL No. 15 Tahun 2020. USUL di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**TUAN SPEAKER :** Sila kan Yang Berhormat Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya ingin membawa satu USUL yang berbunyi seperti berikut: Bahawa Dewan Yang Mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk meminda Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor supaya kerusi Ahli Dewan Negeri yang melompat parti dikosongkan.

Tuan Speaker, pada bulan Februari negara ini telah dilanda satu krisis politik yang sangat besar yang mendapat perhatian seluruh dunia seluruh tapi saya tak dapat lawan Taman Templer lah. Saya hujah biasa nanti Taman Templer tambah cili ya (ketawa). Banyak ahli politik yang dilantik yang dipilih oleh rakyat atas tiket Pakatan Harapan yang bertanding menentang kezaliman UMNO dan Barisan Nasional telah mengkhianati Pakatan Harapan dan bergabung dengan pihak PAS dan Barisan Nasional untuk menubuhkan Kerajaan Perikatan. Kebanyakan ahli-ahli ini dilepas sebab tidak ada Undang-undang yang menghalang wakil rakyat daripada melompat parti.

Pada Pilihan raya yang lepas Pakatan Harapan *no worries* kalau siapa nak mencelah dari pihak pembangkang saya berani mengambilnya. Pada Pilihan raya yang lepas Pakatan Harapan memang mempunyai *offering* dia yang khusus kita memang ada satu *listing* perbezaan di antara Parti Barisan Nasional apabila kita bertembung di dalam Pilihan raya dan rakyat telah membuat satu pilihan. Ada rakyat yang masih pilih Barisan Nasional dan kita menghormati hak mereka untuk berbuat demikian dan ada rakyat lebih rakyat yang telah pilih Pakatan Harapan. Hak rakyat mesti dipertahankan. Undang-undang Negeri Selangor mesti mempertahankan hak rakyat. Apabila rakyat pergi mengundi di mana-mana Pilihan raya dia memilih, saya hendak Kerajaan ini ataupun saya hendak Kerajaan itu. Dia betul, dia pilih calon tetapi dia juga memilih parti dan Kerajaan dalam masa yang sama dan pemilihan ini mesti dihormati.

Jika dibenarkan wakil rakyat untuk bertukar parti dan menukar komposisi Kerajaan ini mengkhianati pemilihan rakyat dan ini kita mesti atasi dan oleh sebab itu saya membawa satu USUL sebegini. Adakah mereka mempunyai hak untuk berpersatuan? Wakil-wakil rakyat sebagai individu sebagai rakyat Malaysia kalau nak tukar, tukar lah tetapi kita kena *balance* hak rakyat untuk memilih di dalam Pilihan raya. Mereka telah buat pilihan, jadi kerusi itu harus dikosongkan biar satu Pilihan raya kecil dilakukan untuk rakyat tentukan kalau mereka sokong wakil rakyat tu tukar parti ok, itu hak rakyat dan kalau dia tak sokong *yes* dan kalau dia tak sokong *then* biar parti yang asal meletakkan calon baru dan biar calon baru yang bertanding tu boleh ada peluang untuk menang balik. Kerusi tu bagi Kerajaan asal yang telah menang dulu dalam Pilihan raya. Ini satu perkara yang tidak

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

kompleks. *I think* rata-rata ramai di kalangan *public*. Di kalangan rakyat, di umum hendak melihat integriti Pilihan raya dipelihara. Ramai di kalangan rakyat Negeri Selangor, rakyat Malaysia hendak lihat bahawa apa yang mereka buat tidak sia-sia. Kalau mereka keluar untuk menolong pihak parti politik kempen kalau mereka keluar beratur untuk memilih *that* pilihan tidak akan sia-sia. *So this is fair to the voters*. Ini adalah keadilan untuk pengundi dan hak-hak di dalam dunia ni semua hak ada *balance* dia. *So*, hak seorang individu untuk memilih kalau mereka hendak tukar parti mungkin dua tahun, tiga tahun, selepas Pilihan raya itu satu hak tapi hak rakyat juga kena dipertahankan.

Oleh itu, saya membawa satu USUL ini supaya mereka yang telah nak tukar parti. Tak nak sokong parti yang kalah untuk menjadi pemerintah mereka harus menghadapi rakyat. Mereka harus meletakkan kuasa di dalam tangan rakyat untuk menentukan adakah pilihan mereka untuk tukar parti ini di sokong oleh penduduk di kawasan Pilihan raya tersebut dan oleh ini saya membawa USUL ini. Jadi saya harap Dewan yang mulia ini boleh menyokong USUL ini untuk demi kebaikan penduduk di Negeri Selangor untuk undi mereka dihormati. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Saya sokong

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang sokong ya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Saya sokong dan hendak ambil bahagian.

**TUAN SPEAKER :** Ambil bahagian. Ok Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Boleh terus. Bismillahirrahmanirahim. Saya sokong USUL ini kerana satunya dia ajak kita lawan. Lawan sampai menang. Betul? Dan keduanya saya ingat kita telah menyatakan semalam bahawa kaedah yang di dokong oleh kita adalah kaedah yang dikatakan sebagai *Redho al awam* iatu *public consent*, *public support* and apa yang kita kata kan sebagai mandat rakyat. Mandat rakyat ini saya nyatakan semalam dalam ucapan penggulungan Dato' Menteri Besar bahawa perlulah diperjuangkan setiap hari ada peluang sahaja lawan untuk menang kita ambil peluang tersebut.

Walaupun kita tahu Pilihan raya umum akan diadakan pada tahun tertentu kata lah tahun 2023 pada bulan Julai katalah kita bulan Mei pun kita boleh lawan lagi untuk ambil itu adalah hak kita yang telah hilang, yang dirampas, dicuri dengan khianat yang perlu kita ajar rakyat kita bahawa mereka perlu berjuang untuk mempunyai hak mereka masing-masing.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

Jadi saya ingin menegaskan di sini bahawa saya bertanding di Hulu Kelang di bawah Parlimen Gombak sentiasa sejak tahun 2008, 2015, 2018 bersama dengan Azmin Ali. Kempen diselaraskan untuk membawa kepada Pakatan Rakyat, pilihan Pakatan Harapan. Itu adalah *message* kami dan itu lah yang telah di percaya oleh rakyat tetapi mereka jadi marah baru-baru ini berjumpa saya mengumpulkan 50 orang dan lebih untuk menyaman Azmin Ali kerana telah khianat pada perjanjian dia bertanding di Hulu Kelang dan Gombak. Dengan itu, kita telah mengumpulkan beberapa plaintif dan saya akan menjadi sama ada saksi utama ataupun saya akan menjadi plaintif utama untuk meletakkan saman tetapi dari segi moral hanya dari segi moral iaitu dia telah pecah amanah, telah khianat kepada janjinya untuk membawa kemenangan pada kami. Kami sokong dia atas dasar, memberi undi pada dia atas dasar Pakatan Harapan dan tengok dia jadi Perikatan Nasional dan ini satu adalah satu pengkhianatan yang perlu kita lawan.

Dengan itu, saya setuju sebagaimana saya katakan saya sokong USUL yang dibawa oleh Bukit Gasing atas dasar kita meningkatkan pertahanan dan kekuatan rakyat melawan dan kedua untuk kita merampas balik, memiliki balik hak kita itu kemenangan dalam Pilihan raya yang lepas. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Hulu Kelang. Saya persilakan Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Tuan Speaker. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Subang Jaya bangkit menyokong USUL yang dibawa oleh Yang Berhormat Bukit Gasing. USUL yang dibentangkan mengiktiraf hubungan antara calon yang bertanding dalam Pilihan raya dan platform parti politik yang digunakan untuk bertanding. Ia berakar dalam sistem *first past the post* yang digunakan di Malaysia. Mereka yang mempelajari bidang sains sosial dan sains politik pastinya mengetahui bahawa sistem ini mempromosikan sistem dua parti. Sama ada dua parti dominan ataupun gabungan parti-parti kecil. Ini adalah kerana semua parti politik dalam negara yang menggunakan sistem *first past the post* mahu mengelak daripada pembaziran undi dan ini dapat dilakukan dengan memastikan perlawanan satu lawan satu. Pendek kata sistem *first past the post* mementingkan parti politik justeru wakil rakyat mewakili parti dan dilantik dengan platform atau tiket parti politik.

Justeru setelah dilantik individu terbabit mesti menyokong partinya. Isu ini dibahaskan dalam Parlimen Singapura pada tahun 2008. Perdana Menteri Lee Hsien Loong berhujah ianya dalam Bahasa Inggeris *evoters and general election and votes is candidate is in and its form a majority Parliament and the party with the majority Parliaments forms the Government and that party has a mandate not only because it so happen that's is specific group of MP's at this moment support it but its dan saya tambah di sini together in the*

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

*general election and the voters gives mandate and in directly through the MP voted for this party to form the government of the country. And the government of the country until the next general election are call. Therefore the emphasis in this system in the rulling party delivering in the progress*

Ahli-ahli Yang Berhormat pada bulan Februari lalu negara ini telah menyaksikan lompatan parti pada kadar yang drastik sehingga mengakibatkan perubahan sebuah Kerajaan sah yang dilantik pada 9 Mei 2018. Ini kemudiannya mengakibatkan perubahan beberapa Kerajaan Negeri iaitu Johor, Melaka, Kedah dan Perak.

Lompatan parti dalam skala yang begitu besar dan memberi kesan yang besar kepada sistem politik negara ini sememangnya tidak pernah disaksikan. Dalam sistem sedia ada di Malaysia, seorang wakil rakyat secara teorinya boleh menukar parti seperti menyalin pakaian tetapi masih berhak mengekalkan kerusinya. Dia boleh melompat ke sana ke sini malah boleh kembali ke parti asal mereka tidak perlu pulang mendapatkan mandat kawasan atau mengadakan pilihan raya semula. Ini adalah demokrasi dengan perwakilan rakyat tetapi pengundi tidak semestinya mempunyai kata putus. Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat secara jujur mengatakan bahawa keadaan ini tidak perlu diperbetulkan?

Dalam bukunya, *Politic of powers*, Subhash Sikasha, telah mengkhususkan tentang isu lompat parti di India. Beliau telah mengumpulkan data dan memberi ruang khas dalam bukunya memetik untung rugi parti-parti politik melalui aktiviti lompat parti. Angka pelompat parti yang dianugerahkan jawatan Menteri serta kesannya terhadap turun naik Kerajaan negara itu.

Data-data beliau menunjukkan bahawa antara tahun 1967 dan 1972, 60% daripada wakil rakyat mereka telah melompat sekurang-kurangnya sekali dan sebahagian besar daripada 50 kementerian yang dilantik antara Mac 1967 dan Disember 1970 tumbang akibat lompat parti atas sebab yang lama 3 kementerian dimansuh.. Gujarat tumbang dalam masa seminggu sejak dilantik dalam pilihanraya pertengahan penggal pada tahun 1971. Saya tidak mahu Malaysia sampai ketahap sedemikian dimana kepercayaan pengundi tidak lagi dihirau malah demokrasi dijadikan bahan mainan, sekarang masanya kita berubah dan anggota dewan ini yang akan melakukannya. Ahli-ahli yang terhormat, pada pandangan saya, cadangan yang terhormat Bukit Gasing untuk mengosongkan kerusi bagi wakil rakyat yang lompat parti hanya meletakkan kesan kepada tindakan terbabit, kebebasan untuk melompat itu kekal ada. Anda boleh melompat sesuka hati oleh itu pada pandangan peribadi saya kebebasan berpersatuan masih wujud. Usul pada hari ini tindakan terbabit dan akibat ini adalah penting dalam melindungi demokrasi dan kepercayaan rakyat sekiranya seorang wakil rakyat merasakan tindakannya sah dan

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

benar beliau bolehlah bertanding dalam pilihanraya kecil dan tindakannya melompat parti tidak akan menjadi masalah atau memberi kesan keputusan pilihanraya kecil itu. Satu-satunya sebab untuk bimbang ialah jika tindakannya tidak mempunyai justifikasi dan menyebabkan..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Yang Berhormat saya nak minta penjelasan adakah yang terhormat tahu bahawa seseorang Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Negeri yang meletakkan jawatan tidak dibenarkan untuk bertanding dalam tempoh 5 tahun dari tarikh dia meletakkan jawatan so kenyataan yang terhormat tadi tidak betul menyatakan seorang yang melompatkan parti, kosongkan kerusi, tak boleh bertanding. Itu kenyataan tidak betul saya cuma nak betulkan.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Baik okay terima kasih Yang Berhormat ya...tetapi pandangan ini pandangan saya ini *consistence* dengan pendapat *majority* dalam kes Mahkamah Tinggi *Jammu Dan Khasmir Membashar Ahmad* lawan *State of Jammu And Khasmir* ketika mahkamah mempertimbangkan samaada seorang wakil rakyat ia lompat parti untuk mengosongkan kerusinya adalah bersalahan dengan kebebasan berpersatuan. Ketua Hakim Mufti Baharuddin dalam mempertimbangkan hujah samaada keperluan mengosong kerusi menghadkan kebebasan berpersatuan berkata seperti berikut dengan izin sekiranya ia dalam Bahasa inggeris: *that takes me to the second contention of the learn appeal council right to form associations or union his argument is prior sections a breach right to withdraw membership of to the political party to which his belongs and so view restrict his freedom of association which is said appropriate of freedom association, to me appears that the argument is not well conceived they appeals section does not prevent practitioner from destroyed his membership from political party by only list he is attached what should not continual as legislator if he withdraw membership from the political party to which he is attached that what they really does it takes continues members of legislator. View from this side appeal section cannot be validated therefore there is no fundamental right to stand candidate to the election after such elections it's a statutory right which can validly and reasonably taken by statue.* Ahli-Ahli Yang Berhormat hakikatnya kita bukanlah Badan Legislatif yang mahu melaksanakan..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Yang Berhormat saya nak tanya kes mana tu..

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Ini kes *Jammu Dan Khasmir Membashar Ahmad* lawan *State of Jammu And Khasmir*

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Mana..? khasmir..di India

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Ye..Khasmir..Di India

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Kalau itu saya nak tanya saya nak minta penjelasan yang berhormat boleh duduk sekejap..sebab saya....itu kes khasmir tapi kes Malaysia kes wan..kes Nordin Salleh *supreme court* kes supreme mahkamah agung sini menyatakan bahawa *the Federal Constitution authorise parliament not the state assembly impose restriction on the fundamental right to form a associations the decision may impose parliament which is necessarily..* hanya parliament boleh membuat pindaan itu..okay *where the statue legislate by the state where the assembly directly the fact fundamentals rights or is in avertable fact is in by such that it makes exercise of the right ineffective or use the statute must be held unconstitutional and must be struck down.* Jadi bagaimana Yang Berhormat dapat *reconcile* kes ini?

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Saya sudah dengar kes itu tetapi seperti yang saya telah sebut ini merupakan pada pandangan peribadi saya dan juga sebagai wakil rakyat dan saya setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing tadi bahawa dalam keadaan ini kita perlu mengimbangkan hak untuk menentukan wakil rakyatnya ya dan juga undang-undang. Saya rasa kat sini...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Saya tak nafikan hak bersuara tapi kena logic so im asking your logic kalau Yang Berhormat bergantung pada kes mahkamah okay ...maka saya pun tanya kes mahkamah di Malaysia sendiri menyatakan ini, itu kes India ..sudah tentu sebagai peguam yang berhormat tahu kalau di mahkamah di Malaysia ada supreme court punya keputusan gradual resis then die kita tak boleh bertentang dengan ini, so dia kata dalam kes Kelantan nordin salleh menyatakan yang itu memang ultravires ultravires the power of state of some greet kita tak de kuasa kita bukan tak setuju kita pinda saya memang tak setuju lompat parti tapi kita balik pada undang-undang...yang lompat-lompat ni saya ...lompat ni dalam zoo..kita buat tapi dimana tempatnya is this the place is this the forum to amend kalau dah ada undang-undang yang diterjemahkan oleh mahkamah tertinggi ditanah air kita sendiri mengatakan itu tak boleh dibuat dewan negeri adakah kita juga nak langar kata nak buat juga itu pertanyaan saya macam pulau pinang tak boleh berlaku yaaa apa yang boleh buat sekarang topik sebagai dewan perlu undangan adakah kita nak buat satu undang-undang yang bertentangan dengan keputusan yang sudah dibuat makkamah tertinggi there is my questions..

**TUAN SPEAKER :** Saya minta subang jaya teruskan dulu yang Meru nantilah bahas kalau ada point mahkamah lawyer nanti boleh minta Taman Templer...fatwa dosa tak dosa nanti saya bagi dosa nanti saya bagi masa cukup untuk Meru bagi fatwa nanti

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Saya..saya percaya dalam keadaan sekarang sebab itu saya mengambil masa menguraikan apa yang telah berlaku ya...tadi saya telah sebut berkenaan buku ini ya..politic of power sebenarnya ia disebut jammu dan kashmir tadi itu menjadi latar belakang untuk mahkamah dalam kes itu membawa kepada keputusan bahawa untuk melompat parti yay a patutnya dah boleh dihalang melalui undang-undang..so bagi saya habis...yaaaa...bagi saya habis...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Adakah mahkamah akan lihat pada buku itu atau melihat pada kes nordin salleh

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Yang Berhormat saya percaya that the law would have to change according to the society ini yang kita telah belajar dalam sekolah undang-undang pun ya..... bagi saya..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** That is.. di sekolah undang-undang, kalau kita nak cabar undang-undang kita pergi ke mahkamah kita cabar undang-undang. Bukan disini saja cabar undang-undang ini bukan tempatnya so kalau kita nak pinda undang-undang article 10 sub 1 kata kita ada hak asasi untuk tubuh persatuan atau nak keluar persatuan. Confirm tapi beri kuasa bawah article 3 bagi parliament membuat restriction dan mahkamah -mahkamah agung dalam kes Nordin Salleh kata kuasa ini hanya ada pada parliament bukan pada negeri. Sebab itu mengistiharkan apa yang dibuat oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan itu *ultravires* .. *not unvoid* in the phase of case of this do you want to used this book to argue against this case?... this is my question ..i'm not talking political I,m talk here about law I'm talking about literature do you want to do that.??..This my questions

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Yang Berhormat ..saya rasa kita...bagi saya habis dulu

**TUAN SPEAKER :** Nak bagi ke tak

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Bagi saya habis..dulu..Tuan Speaker..bagi saya habis

...

**TUAN SPEAKER :** Bukit lanjan tak bagi...BBC pun dia tak bagi..minta maaf ye...

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Takper..nanti saya...

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Bagi saya kalau bukan tapak di negeri Selangor tapak mana lagi kita nak melakukan perubahan undang-undang sebab apa

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

yang telah baki dia sedang melakukannya Selangor dan negeri Sembilan sahaja..sekali lagi..bagi saya habis dulu....

**TUAN SPEAKER :** Dia tak bagi laluan duduk dulu.....

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Bagi saya pernah ada kes-kes dimana lepas melakukan ya lepas satu masa ataupun perubahan dimasyarakat pernah jugak mahkamah persekutuan melakukan perubahan terhadap keputusannya..saya bagi satu contoh saya rasa dikalangan ahli-ahli yang berhormat semua pun tahu sebelum 2018 pernah ada satu kes yang dibawa Tun Dr Mahatdir terhadap Mantan Perdana Menteri Dato Seri Najib Razak berkenaan isu 1MDB dalam kes itu di mahkamah rayuan telah buat keputusan bahawa perdana Menteri bukan penjawat awam kita semua tahu berkenaan kes itu. Selepas itu di naik ke mahkamah persekutuan mahkamah persekutuan ingat untuk memberi kebenaran untuk merayu selepas 2018, kes dalam yang berhormat Tony Phua lawan Dato Seri Najib Razak berkenaan kes 1MBD juga kalah diperingkat mahkamah akibat kes mahkamah rayuan Tun Dr Mahathir kerana point itu dan sekali lagi bawa kepada mahkamah rayuan dan kalah lagi sebab mahkamah rayuan juga mengiktiraf keputusan sebelumnya. Tetapi bila kita naik kepada mahkamah persekutuan kita ingat bahawa mahkamah persekutuan akan membuat keputusan yang sama dalam menolak permohonan Yang Berhormat Tony Phua untuk menentukan samaada betul ke tidak bahawa perdana Menteri bukan penjawat awam tapi kita hairan sebab mengapa mahkamah persekutuan pada masa itu bersedia untuk mempertimbangkan semula, keputusan dahulunya so bagi saya, dan saya juga ingin meneruskan pada pendapat saya ia adalah berdasarkan sebab-sebab ini saya rasa bahawa pindaan sedemikian dilakukan demi memelihara demokrasi melindungi kepercayaan rakyat dan memastikan kestabilan negara. Akhir kata Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berharapla kita tegakkan prinsip lindungilah maruah utamakanlah rakyat biar kita gugur demi perjuangan daripada hidup dalam keaiban biar putih tulang jangan putih mata. Itu sahaja perbahasan saya dengan itu, subang jaya menyokong ..sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Baik.. saya persilakan sungai Panjang

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Bissmillah hirrohman nirrahim.. terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker saya sebelum meneruskan perbahasan berkenaan dengan usul no. 15 yang dibawa oleh Yang Berhormat Bukit Gasing saya ingin merujuk kepada undang-undang tubuh kerajaan negeri Selangor iaitu perkara 1, undang-undang ini bolehla dinamakan undang-undang tubuh kerajaan negeri Selangor 1959 dan hendaklah dalam bahagian seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang tubuh kerajaan ini dan hendaklah dibaca tertakluk kepada perlembagaan

persekutuan dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 April 1959. Saya ingin nak menyatakan bahawa usul yang dibawa oleh yang terhormat bukit gasing ini adalah satu usul yang ingin menggesa ataupun menyarankan pada Kerajaan Negeri menggubal ataupun membuat satu undang-undang untuk supaya kerusi Ahli Dewan Negeri yang melompat parti dikosongkan maka perkara ini tidak boleh dibawa didalam pindaan undang-undang kerana ianya akan mendatangkan satu isu undang-undang yang tidak berperlembagaan. Jadi Yang Berhormat daripada Bandar Baru Klang telah menyatakan di negara kita sendiri telah ada satu *precedent case* yang telah diputuskan oleh *supreme court* iaitu kes Dewan Undangan Negeri di Kelantan lawan Nordin Salleh. Rayuan di peringkat Mahkamah Supreme, yang mana dalam keputusan kes tersebut telah memberikan satu penunjuk arah ataupun satu *precedent* kepada kita semua yang mana dalam perkara ini Perlembagaan Persekutuan adalah dengan izin *supreme law of the nation*. Selaras dengan Perkara 4, Perlembagaan Persekutuan yang mana di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 10 berkenaan dengan kebebasan bercakap, berhimpun dan juga berpersatuan ini dikategorikan sebagai dengan izin *fundamental abilities* yang mana ia nya tidak boleh dicabar ataupun dipinggirkan hak ini sewenang-wenangnya tanpa melalui satu akta ataupun satu *act of parliament* seperti mana yang diterangkan juga oleh Yang Berhormat Bandar Baru Klang, cuma saya nak betulkan sedikit. Ia itu di dalam Perkara 10, Fasal 2(c) iaitu Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan Fasal 10, Perkara 10, Fasal 2, Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan dan juga Fasal 2(c) iaitu ke atas hak-hak yang diberikan oleh perenggan c, perenggan c ni adalah hak berpersatuan dalam Fasal 1, apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau sesuai manfaat demi kepentingan, keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam atau kemoralan. Maka, dalam isu ini hanya Parlimen yang boleh menentukan ataupun yang boleh membuat satu undang-undang anti lompat parti atau sebagainya. Kita di peringkat *state legislative*, sekiranya kita meletakkan itu di dalam undang-undang tubuh negeri kita. Ia nya akan mencacatkan undang-undang tubuh negeri kita yang mana *provision* tersebut akan *ultra vires* dan tidak berperlembagaan. Ya kita sedar dalam hujah Yang Berhormat daripada Bukit Gasing dan juga Subang Jaya termasuk Hulu Kelang ia nya hanya menyebabkan kesan terhadap kebebasan berpersatuan tadi. Dia menyertai sesebuah parti kemudian melompat dan kesannya ialah dia kena kosongkan kerusi. Tetapi kesan tersebut menjadi satu sekatan kepada seseorang itu untuk kebebasan mereka. Jadi untuk mereka bebas mempunyai pandangan ataupun ideologi politik daripada satu masa ke satu masa mungkin berubah. Jadi ini akan menjadi satu sekatan kepada mereka. Jadi ini tidak boleh digubal dan juga ditentukan oleh Dewan Undang Negeri. Ini perlu ditentukan di peringkat Parlimen terlebih dahulu. Jadi, pada pandangan saya, sebelum kerajaan ataupun perubahan senario politik yang besar di dalam negara kita berlaku di peringkat persekutuan. Kerajaan Pakatan Harapan yang *claim* ataupun yang mendakwa mendapat mandat daripada seluruh rakyat pada PRU Ke-14 yang lepas telah pun mentadbir Kerajaan Malaysia

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

termasuklah di Kerajaan Negeri Selangor selama lebih 22 bulan di Negeri Selangor masih lagi kerajaan Pakatan Harapan. Selama 22 bulan, kenapa kerajaan Pakatan Harapan pada ketika itu tidak langsung terfikir, tidak langsung memikirkan tentang pindaan undang-undang ataupun mewujudkan undang-undang anti lompat parti. Adakah pada waktu tersebut, kerajaan Pakatan Harapan masih mengimpikan ada ahli-ahli daripada UMNO, Barisan Nasional ataupun PAS yang melompat menyertai mereka. Jadi, mereka tak berani buat. Tetapi hari ini apabila berlaku..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Penjelasan, Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Kami daripada Pakatan Harapan tak ada rekod lagi..

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Saya tak benarkan.

**TUAN SPEAKER :** Meru, tak benarkan ya.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Saya tak benarkan. Saya nak minta habiskan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tak benarkan.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Saya tak benarkan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Sama dengan saya?.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Tak saya tak benarkan juga Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Banting juga tak benarkan.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Masa dia dah nak habis Tuan Speaker.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Saya nak gulung

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Masa dia nak habis Tuan Speaker, merah dah itu.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**TUAN SPEAKER :** Saya maklum, saya maklum, Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat Meru duduk. Yang Berhormat Banting duduk. Masa dia tinggal yang terakhir.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Jadi berdasarkan hujah dan juga berdasarkan maklumat ataupun fakta undang-undang, kita berpandangan bahawa usul ini tidak tepat dan tidak betul dan tidak boleh dibawa. Sebaliknya secara prinsip dan secara pendirian kita sebagai ahli politik, kita tidak menolak lompat parti dan juga mengkhianati mandat parti. Ini adalah suatu yang *unethical* dengan izin yang tidak beretika dan juga mungkin boleh terjerumus kepada perkara yang tidak bermoral, tetapi meletakkan usul sebegini adalah tidak tepat di dalam Dewan Undang Negeri. Maka, saya tidak menyokong dan saya minta supaya usul ini ditolak. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Baik Sungai Panjang. Sekarang saya persilakan Meru. Ada fatwa ini.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Tuan Speaker saya bukan nak keluar fatwa hari ini. Ok saya mungkin nak Peraturan Tetap, Perkara 30. Meminda usul. Jadi saya membentangkan hujah-hujah yang telah diberikan oleh pakar-pakar perundangan yang ada di dalam dewan yang mulia ini. Mungkin kita boleh ubah kepada Kerajaan Negeri Selangor menggesa dan mendesak Kerajaan Persekutuan untuk meminda undang-undang berkaitan dengan lompat parti untuk dikosongkan dan mengutuk tindakan ADUN di Negeri Selangor yang melompat. Dia ada 2 perkara di situ. Sebab memang jelas perangai ADUN-ADUN atau Ahli Parlimen..

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Bawalah usul waktu lain.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Saya tak benarkan. Duduk.

**TUAN SPEAKER :** Ya, dia tak benarkan. Dia tak benar ok.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Sebab jelas. Kamu duduk.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Saya benarkan. Sikit sahaja.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Yang Berhormat duduk.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Sikit sahaja.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Dah-dah duduk-duduk.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Nak minta penerangan, bukan bercanggah tetapi nak bagi penerangan sedikit.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Duduk, tak apa saya nak teruskan.

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang, Meru pun tak bagi. Dia tengah naik itu. Dia tengah naik itu.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Siapa suruh tak bagi tadi. Sebab jelas perangai Ahli Parlimen yang melompat ini semata-mata nak jaga perut mereka sahaja. Bukan nak jaga rakyat, sebab jelas pilihan raya yang lepas rakyat bersusah payah keluar balik daripada luar negara nak tumbangkan Barisan Nasional. Ini jelas nak tumbangkan Barisan Nasional sebab tak puas hati tentang mazhab dalaman, sanggup melompat. Lepas itu ada pula perangai ini yang sanggup terima semata-mata nak kuasa walaupun mereka tahu rakyat tolak mereka. Bagi saya ini adalah perangai Ahli Yang Berhormat yang tidak ada etika dan tidak bermoral, khianat pada mandat rakyat.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Letak kerusi DUN macam mana?

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Letak kerusi DUN..

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Sebab munasabah?.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Sebab munasabah? Sebab..

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Tanpa munasabah.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Sebab mereka naik daripada parti yang diwakili bukan parti yang mereka lompat. Itu jelas, kalau mereka berani letak jawatan ikut peraturan, mereka betul-betul perjuangkan rakyat, ikut peraturan 5 tahun tengok dia akan bertanding. Itu jelas. Kalau semata-mata melompat kerana apa, kerana mereka nak kan habuan sama ada habuan kewangan kita tak tahu, sama ada

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

habuan jawatan yang mereka memang dah dapat sekarang ini jawatan itu yang mana jelas mereka ini tidak bermoral.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Ahli Parlimen ke Negeri?

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Sama sahaja. Dua-dua pun kan, tengok sekarang yang ada di dalam dewan yang mulia ini pun yang melompat, Kerajaan Negeri pun dia makan, Kerajaan Pusat pun dia dapat peruntukan. Apa ini?. Jadi kalau kita lihat perkara ini jelas. Perkara ini mengkhianati mandat rakyat.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Yang Berhormat kalau dipecat macam mana kalau dipecat. Kalau di pecat?.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Dipecat?. Pecat cerita lain itu memang dia buat salah. Itu berdosa dalam perlembagaan parti merekalah.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI** : Y.B. Kalau sengaja minta dipecat macam mana?

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan, Yang Berhormat. Sebut Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Jangan mencelah ya dan saya nak mengingatkan kepada kerajaan Perikatan Nasional hentikan nak mempelawa dan juga nak mengenyit mata kepada wakil rakyat Pakatan Harapan lagi dan saya ingatkan kepada wakil Pakatan Harapan yang ada lagi teringin nak melompat bukan sahaja berdosa kepada rakyat tetapi pengkhianatan engkau orang ini akan dikenang sehingga berketurunan sampai mungkin lebih 7 keturunan lagi. Eh, sana ya. Saya cakap itu betul sebab yang belum melompat di sini, yang dah melompat itu dekat sini. Sebab itu saya bagi peringatan.

**TUAN SPEAKER** : Meru kena tunjuk betul-betul nanti salah tunjuk orang kecil hati ya.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Tak apa saya boleh tunjuk sini dah lah.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Lepas ini Meru dapat tawaran.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Ok, yang paling penting pada ketika ini kita nak jaga rakyat, bukan nak jaga parti, jadi 5 tahun mandat

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

diberi hormatilah. Ini belum lagi kita berjaya nak melaksanakan pembaikan dan perubahan dah berlaku khianat dan bagi saya orang-orang yang macam ini jangan diberi ruang lagi untuk bertanding dan sebab itulah kita nak mendesak supaya parlimen boleh mengubah

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Yang Berhormat Meru boleh saya mencelah.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Tak boleh. Duduk. Tak apalah saya bagi, saya bagi.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Ok, Yang Berhormat Meru saya rasa kenyataan..

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Nanti kata tak bagi peluang.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Saya kena sikit mencelah kerana saya rasa kenyataan Yang Berhormat Meru tidak adil kepada rakan-rakan yang ada di dalam dewan ini. Kerana seperti mana yang kita ketahui kerajaan hari ini berubah kerana Perdana Menteri letak jawatan. Jadi kawan-kawan yang ada ini bukan dia orang melompat. Sebab bila mana Perdana Menteri letak jawatan berlaku *collection* baru bila berlaku *fresh collection* baru, mereka terpaksa mengikut parti.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Saya nak jawab.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Perdana Menteri letak jawatan tak semestinya kerajaan bertukar.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Undang-undang kerajaan, Perdana Menteri letak jawatan..

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Yang Berhormat Meru, mereka setia kepada parti mereka. Begitu juga kepada ADUN yang diminta meletak jawatan. Mengosongkan kerusi Dewan Undangan Negeri, bagi saya mereka juga setia kepada parti mereka. Jadi saya rasa perlu kita beri penghormatan kepada rakan-rakan yang memang ada dalam parti.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Saya dah bagi ruang dah.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Yang Berhormat Sungai Air Tawar minta celah boleh?.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Ok.

**TUAN SPEAKER :** Teruskan sekejap ya teruskan sedikit sahaja point.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Perdana Menteri letak jawatan, kerajaan tak tumbang sebab majoriti masih ada, tetapi. Duduk.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Meru, Meru, Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Saya sambung lagi. Ok saya tak bagi ruang.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Meru minta laluan Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Tetapi ada di kalangan Pakatan Harapan yang melompat ok, itu yang menyebabkan majoriti bukan sebab Perdana Menteri letak jawatan.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Meru minta laluan.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Ok silakan.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Baik terima kasih. Saya nak tanya pandangan Meru dan kalau boleh daripada Sungai Air Tawar juga, kalau kes melompat, misalnya daripada parti UMNO dia melompat masuk kepada PAS. Apa hukumnya itu?.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Minta maaf saya bukan EXCO Agama ya dan bukan mufti. Tetapi dari segi moralnya tak kena, itu yang kita faham walaupun dalam Perlembagaan kan tidak sama ada negeri ataupun di peringkat *federal*, pusat tak ada yang mengatakan itu satu kesalahan sebab itu perkara itu berlaku. Sebab itu kita mendesak hari ini kita memahami sebahagian besar ADUN di Negeri Selangor tidak bersetuju pun lompat melompat ini. Cuma isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Baru Klang tadi ada percanggahan dengan Perlembagaan Persekutuan. Bukan dia tak bersetuju. Sebab itu saya mencadangkan pindaan tadi itu supaya ini sebagai satu isyarat sebagai satu signal ADUN-ADUN Pakatan Harapan tidak bersetuju yang membenci sikap perangai lompat melompat ini. Sebab kita tak nak nanti di luar diputarbelitkan kata pula ADUN menolak usul sebab apa? Nanti cerita macam itu

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

pula nanti. Sebab itu saya mencadangkan pindaan ini supaya nak menunjukkan *solidarity* kita pada mandat rakyat. Bukan pada individu, bukan kepada wakil rakyat. Jadi saya mencadangkan supaya Perkara 30 tadi, meminda usul tadi. Hilang pula dah. Supaya Kerajaan Selangor menggesa dan mendesak Kerajaan Persekutuan untuk meminda undang-undang berkaitan dengan lompat parti dikosongkan dan juga mengutuk tindakan ADUN dari Parlimen yang melompat. Itu kita masukkan dalam usul. Pindaanlah pindaan.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Tambah-tambah sikit mengutuk ADUN-ADUN yang melepaskan jawatan memberi laluan kepada orang lain, mengosongkan kerusi. Contoh ada sesetengah ADUN dia mengosongkan kerusi supaya berlaku Pilihan raya kecil seperti Port Dickson.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Yang itu boleh bawa usul sendiri nanti.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Buat usul sendirilah. Saya setuju dengan Bukit Gasing. Ok itu cadangan saya, harap dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Baik Meru masa dah habis. Saya minta Dusun Tua untuk bahas.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Sebenarnya saya bangun untuk..

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Yang Berhormat berkenaan dengan Perkara 30, Peraturan Tetap.

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Ok.

**TUAN SPEAKER :** Silakan.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Peraturan Tetap 30 (1) ini berkaitan dengan pindaan usul, maka usul yang hendak dipinda ini adalah usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Bukit Gasing berkenaan dengan meminda undang-undang tubuh Kerajaan Negeri Selangor dan kita perlu menetapkan dan juga menentukan spesifik dengan izin *specific wording* pindaan tersebut sebelum kita nak

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

bersetuju atau nak meneruskan perbahasan jadi *ruling* daripada Speaker tersebut terlebih dahulu kalau nak dipinda. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Baik saya ambil maklum kepada cadangan daripada Meru dan juga Sungai Panjang saya bagi Dusun Tuan untuk bahas peluang berbahas sebelum kita buat *decide* keputusan pinda usul ini dan untuk diteruskan. Silakan.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Saya sebenarnya ingin bangun untuk menyokong sahabat saya Meru jadi kita menyokong orang sebelah ini dah biasa. Jadi saya bersetuju dengan keadaan kebuntuan apabila kita membawa untuk berharap untuk pindaan undang-undang tubuh negeri yang kita lihat ada konflik dengan perlembagaan persekutuan dan kemudian ada masalah dengan mahkamah dan sebagainya. Jadi mungkin jalan keluar bagi kebuntuan ini adalah dengan kita mendesak supaya Kerajaan Persekutuan melakukan dulu pindaan itu. Pinda perkara, perkara berapa tadi? Perkara 10, perkara 10 kemudian setelah itu baru kemudian boleh kita, kalau perlu barulah kita ubah di dewan ini. Kita biar di peringkat Persekutuan ubah dulu. Saya percaya kalau lompat-lompat saya rasa semua pun hati tak senang. Saya yakin sahabat Sungai Tawar kalau ada orang UMNO nak lompat DAP pun tak senang ya. Hati tak senang jadi pun tak suka kalau Air Tawar nak lompat silakan.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Dusun Tua, saya tambah sikit. Yang melompat itu saya tengok Langkawi daripada Parti Bersatu, sebab kerajaan yang terbina tu asalnya Gabungan.

*(sesi perbalahan antara ADUN)*

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Sungai Air Tawar tersilap tu. Dia sebenarnya dia tak keluar dia daripada Bersatu kemudian berdua, kemudian dipecat, jadi dia bukan melompat. Silap, silap faham. Tak apa, tak apa bertenang, bertenang,

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Dia meletak jawatan betullah ya.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** letak jawatan mungkin lah tu, betulkah tu, jadi bertenang sebab kita petik tadi kan kita tak cakap kalau Air Tawar nak masuk DAP itu dia jadi semacam ya. Jadi itulah kita minta diubah, saya menyokong usul tadi supaya kita minta dan desak Kerajaan Persekutuan untuk perkara 10 itu dahulu kita halang dahulu di peringkat Persekutuan daripada melompat-melompat ini dan kemudian barulah setelah selesai kita di negeri nanti boleh pinda undang-undang itu dan kita boleh lihat satu hari nanti di Selangor tak ada lagi, lompat melompat si katak lompat. Jadi itulah saya menyokong sahabat saya Meru.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Lanjan.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih. Saya juga berdiri untuk menyokong cadangan daripada Yang Berhormat Meru. Apa yang kita dengar selama ini, sebenarnya memberi satu kenangan yang sedikit kelakar kerana saya masih ingat selepas tahun 2018, Pilihan Raya Umum 2018 banyak orang lompat daripada UMNO masuk Bersatu ataupun parti-parti lain masa itu Yang Berhormat, orang UMNO parti UMNO yang menjerit nak ada undang-undang anti lompat parti masa itu. Tapi hari ini dah berbeza kerana kerajaan dan tukar dan sebagainya. Jadi ..

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Dengan izin Bukit Lanjan, boleh tak mencelah.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Ya,

**Y.B. TUAN DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Post PRU 14 sememang di pihak UMNO Barisan Nasional pada ketika dalam blog pembangkang. Memang kita mendesak Kerajaan yang mana pada ketika itu kerajaan Pakatan Harapan. 22 bulan memerintah supaya adakan satu undang-undang khususnya di peringkat Parlimen berkenaan dengan Anti Lompat Parti tapi tidak dilaksanakan pada ketika itu, hanya pada ketika ini tiba-tiba Pakatan Harapan memikirkan perkara tersebut.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Kita tahu apa nak buat undang-undang baru bukan ambil 2 bulankan. Jadi

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Sekurang-kurangnya Yang Berhormat, sekurang-kurangnya ada *first bill*.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Perikatan Nasional

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Yang pertama di peringkat Parlimen sewaktu Pakatan Harapan 22 bulan. Sekarang baru nak ada?

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Sungai Panjang sekarang UMNO Barisan Nasional yang mintakan, sekarang boleh buat tak? Buat pindaan sekarang, sebab UMNO Barisan Nasional adalah kerajaan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Yang Berhormat kita akan ada usul kerana saya rasa kebanyakan Yang Berhormat dalam dewan ini menyokong jadi isu lompat sebenarnya ada kesan kepada semua. Tidak kira parti mana, gabungan mana dan apa yang sepatutnya berlaku adalah pindaan kepada perlembagaan persekutuan di peringkat pusat, bukan pindaan bukan mula di Negeri Selangor. Oleh sebab itu saya juga sedikit kerisauan kalau kita ada satu enakmen atau pun undang-undang di peringkat Negeri Selangor tetap tidak dapat dilaksanakan atau *cannot be enforce* dengan izin. Yang tadi saya cuba sebut semasa ada, tak taulah, *some legal, legal better* yang dengan izin yang berlaku dalam dewan tadi, sebenarnya apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

Subang Jaya iaitu kes *Jammu dan Kashmir verse Missan kan, Mian Bashir Ahmed verse the state of Jammu dan Khasmir* 1982 dengan izin. Kes itu sebenarnya telah dibangkit keputusan yang dibuat mahkamah Persekutuan pada masa itu pada tahun 1992 telah mengambil kira kes tersebut jadi *what has happen* dengan izin ialah ia menjadi satu isu perundangan *legal* isu dan saya yakin lebih baik kalau rakan-rakan Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam dewan ini menyokong yang lebih praktikal. *No point* kalau kita buat satu enakmen ataupun kita luluskan satu usul yang tidak dapat dikuatkuasakan, so saya tidak nak sebut negeri manalah tapi dalam Malaysia ada 2 negeri yang ada undang-undang Anti Lompat Parti tetap akhirnya tidak dilaksanakan. Jadi dengan itu saya ingin menyokong pindaan kepada usul Bukit Gasing dan saya harap Yang Berhormat Bukit Gasing juga akan terima dengan hati yang terbuka. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Bukit Lanjan sekarang kita persilakan Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker saya tidak panjang. Saya menyokong semangat dibawa usul Bukit Gasing dan juga menyokong yang di cadang oleh Meru. Perkara yang kita panggil di sini adalah masalah dengan lompat parti. Saya kira kita hendak membincangkan perkara ini satu kuliah dua kuliah undang-undang tak cukup, kerana ia melibatkan banyak perbincangan tetapi secara kasarnya saya boleh melontarkan dua tiga persoalan. Pertama sekali kita belum takrif apakah itu lompat parti. Kalau secara *convenstion* lompat parti ialah kalau seseorang keluar daripada parti dan masuk ke parti yang satu lagi. Apa yang kita lihat sekarang ini, lepas 28 tahun kes *goverment* Dewan Undangan Negeri Kelantan lawan Nordin Saleh, banyak perubahan ataupun variasi lompat parti telah berlaku. Ada orang telah pecat dari parti, ada orang keluar dari parti tapi dia tidak masuk tidak masuk mana-mana parti pun. Tidak perlu masuk mana-mana parti pun. Adakah itu di sifat sebagai lompat parti. Ada juga calon yang menang pilihan raya atas tiket calon bebas tapi kemudian dia masuk parti. Adakah itu di sifat sebagai lompat parti. Jadi saya rasa kita ada banyak akan ada banyak variasi kita perlu takrif apa maksud lompat parti ini secara undang-undang dan Tuan Speaker sekiranya kita hendak mengekang gejala lompat parti sehingga belakang dan mengkhianati mandat rakyat, apa yang boleh kita lakukan dia sahaja. Satu pindaan perlembagaan persekutuan, meminda perlembagaan persekutuan, pinda perkara, perkara 10 dan juga perkara 48 fasa 6 yang membenarkan dan sekali gus membenarkan seseorang yang beralih parti ataupun beralih fahaman politik untuk mengosongkan kerusinya dan beliau dibenarkan mengambil untuk bahagian dalam pilihan raya kecil. Sama ada pilihan raya di peringkat Parlimen ataupun di peringkat Dewan Undang Negeri. Saya rasa adalah sesuatu yang boleh dilakukan secara praktikal tetapi pindaan perlembagaan memerlukan sokongan majoriti 2 per 3 Ahli Dewan Rakyat. Saya kurang pasti Yang Berhormat Ahli Yang Berhormat dari Sungai Panjang yakin boleh mendapat sokongan 2 per 3 tidak, ataupun saya tidak pasti sama ada yang Berhormat Sungai Panjang ataupun parti beliau ataupun kerajaan beliau di sebelah sana akan bersedia

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

untuk membentangkan pindaan perlembagaan ini sekiranya ia dibentangkan ia nya tidak ada masalah untuk diluluskan di Dewan Rakyat tapi langkah pertama bukan daripada Pakatan Harapan yang sekarang merupakan pembangkang di peringkat persekutuan. Bebannya adalah pada parti Yang Berhormat.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Yang Berhormat Banting. Sekali lagi Yang Berhormat Banting meletakkan beban kepada Perikatan Nasional ataupun parti membentuk kerajaan di peringkat persekutuan sekarang, gabungan sekarang. Tetapi dibangkitkan awal lagi seperti mana yang saya cakap *post* PRU 14, berkenaan ini. Tapi ada usaha tidak ada satu *even* dengan izin bil bacaan pertama dengan akta lompat parti ini daripada Pakatan Harapan 22 bulan itu yang menjadi isunya bukannya baru sekarang yang nak di isu kan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya ingin menjawab soalan Sungai Panjang. Jawapan senang sahaja, sekiranya Sungai Panjang hendak tahu sama ada Pakatan Harapan bersedia untuk melakukan perkara ini atau tidak pulangkanlah Kerajaan Persekutuan kepada Pakatan Harapan dan kami akan melakukannya kalau memulangkan kuasa Kerajaan Persekutuan kepada kami dan menuduh kami tidak melakukannya dalam 22 bulan yang lepas dan sebenarnya pada ini apa yang berlaku pada 22 bulan yang pertama itu tidak masuk kalau kita tidak lakukannya kita tidak akan kalau kita tidak lakukan pada 22 bulan yang pertama tidak bermaksud kita tidak akan melakukannya dalam tempoh 3 tahun akan datang. Betul atau tidak, *it not mean you have not summation* dengan izin bahawa kalau kita tidak melakukan pada hari ini,

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** You pun tidak boleh *summation* kepada kerajaan sekarang.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya hanya menjawab sekiranya Yang Berhormat menguji kami maka apa yang perlu dilakukan pada masa sekarang ialah pulangkan kepimpinan kerajaan persekutuan kepada kami. Barulah kami ada kuasa melakukannya.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Yang Berhormat Banting boleh saya mencelah,

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tak apa, tak apa Yang Berhormat, saya hanya memberi satu penyelesaian ataupun cadangan, saya kata ada 2 perkara untuk melakukannya pertama iaitu melakukan melalui pindaan perlembagaan persekutuan itu adalah langkah yang paling cepat tetapi ada cabaran iaitu perlu mendapat sokongan 2 per 3 daripada Ahli Dewan Rakyat. Kedua kecuali atau ada kes satu kes yang di bawa ke mahkamah persekutuan. Maka mahkamah persekutuan akan ada peluang untuk melihat kembali keputusan yang dilakukan oleh mahkamah Agong pada 28 tahun yang lepas iaitu kes Nordin Saleh ini. Sama ada mahkamah persekutuan bersedia untuk *overrule* atau *reassure reaffirm* apa yang diputuskan dalam kes Nordin Saleh ini dan sekiranya mahkamah persekutuan mengambil pendekatan yang berbeza *departure from*

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

*dissociation make in* Nordin Saleh saya kira itu akan membuka laluan kepada kita. Itu 2 cara sahaja mana satu lebih cepat bagi saya cara yang paling cepat langkah pertama. Iaitu langkah pindah perlembagaan persekutuan bukan langkah Sheraton. Langkah Sheraton itu kena..

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Banting, langkah pun dah selesai.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Langkah terus.

**TUAN SPEAKER :** Langkah lebih kurang dengan SELangkah. Ia biar kerajaan, saya minta pihak kerajaan untuk gulung.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR :** Terima kasih Speaker dan Ahli Dewan yang kasihi sekalian. Sampai di Usul yang terakhir. Iaitu usul ke 12 atau ke 13 Dewan Negeri ini. Usul yang telah dipinda oleh Meru kemudian ini mengingatkan saya *Seven Letters Of Plato*, ceritakan tentang cerita undang-undang banyak cerita falsafah sekarang yang menceritakan bagaimana Plato telah dijemput ke Cycrases untuk menasihati Dionisius. Apa nasihatnya sebab Dionisius adalah seorang pemimpin muda yang kelihatan sangat minat dengan falsafah lalu Plato dijemput untuk ke Cycrases untuk menasihati anak muda ini bagi membawa ke jalan-jalan yang betul serta pandangan yang betul. Namun akhirnya apa yang dilalui Dionisius telah mencabar abang iparnya ataupun saudara menjadi Raja ketika itu dan akhirnya merampas kuasa dengan menggunakan kedudukan kewangan serta akhir membunuh *Dioon* yang pertama ataupun dalam kisah yang ditunjukkan. Apa yang disebutnya, disebut apa yang saya kata satu yang sangat diingati dan pernah diulang dua tiga kali oleh Ahli Parlimen PD Dato Seri Anuar Ibrahim ialah *politic is a low moral and uncharismatic profession*. Ahli Yang Berhormat sekalian *Sheraton move* dan beberapa tindakan-tindakan sebelum ini. Malahan acara lompat parti ini bukannya tahun 2018,2019,2020 sahaja. Sebelum ini banyak kejadian berlaku, di Sabah suatu-suatu ketika dahulu. Kemudian, Kelantan, sehingga kes Nordin Salleh yang dia *refer* dan diulas beberapa kali dalam perbahasan yang disebutkan oleh Bandar Baru Klang, oleh rakan saya Subang Jaya dan juga Sungai Panjang tadi. Memberikan peringatan kepada kita bagaimana ahli politik harus bertindak supaya ia tidak diistilahkan sebagai *low moral* dan juga *uncharismatic profession*. Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, bukan mudah untuk kita menakrifkan sebab di depan kita ini ada pelbagai cabaran dan di depan kita ini ada pelbagai tawaran. Dan kalau kita tersilap, akhirnya kita akan diistilah sebagai *low moral and uncharismatic profession*.

*Maybe by law* kita tidak salah untuk melakukan tindakan itu. Ikut undang-undang dan hak, perkara yang murni dipercakapkan adalah perkara 10 mengenai hak asasi, mengenai hak setiap individu, hak untuk bersatu, hak untuk berhimpun, yang tidak boleh di halang. Ini adalah sekala patuh, salah satu perkara murni, tetapi ada satu lubang kecil yang digunakan untuk membenarkan tindakan-tindakan yang dianggap *low moral*

## 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

*and uncharismatic behavior* ataupun tindakan. Ahli Yang Berhormat saya kasihi sekalian, sebab itu dalam hal ini kita kena meneliti, jadi dewan ini saya setuju dan saya nampak pandangan yang telah dibuat oleh Meru yang sangat kreatif itu, menukar serta menggubal satu usul asas yang dibuat oleh pihak Bukit Gasing tadi, membolehkan kita melihat isu moral dan juga isu falsafah dan idea penting, berbanding dengan kecoh dan sibuk untuk melihat isu undang-undang.

Tadi ada pandangan untuk kita ubah *constitution*, ubah perlembagaan kita memerlukan perubahan *two third* ataupun dua per tiga. Dan sekali lagi kes Nordin Salleh mengingatkan kita bahawa hanya Parlimen yang boleh membenarkan dan memang betul, perkara 2 ataupun fasal 2 dalam perkara 10 Perlembagaan Persekutuan telah memberikan peluang kepada Parlimen, ataupun memberikan ruang kepada Parlimen untuk menggubal ataupun menghentikan hak-hak tersebut kepada mana-mana individu atas seba-sebab keselamatan persekutuan dan bahagiannya. Bahagiannya maknanya negeri lah dan selepas undang-undang itu dibuat, maknanya cukup dengan menarik undang-undang

Tadi rakan saya kata, kenapa Perikatan, Pakatan Harapan tak buat, 22 bulan. BN 60 tahun, satu sen pun tak pernah buat. Susahlah kita nak buat macam itu, sekarang pulak nak tuduh. Bukan sekali Kerajaan jatuh. Dulu isu PBS di Sabah dan sebagai juga berlaku. Jadi takdirilah, masing-masinglah kita *move on* ke depan, lihat perkara ini sebagai *low moral and uncharismatic behavior* yang boleh kita tentang, boleh kita lakukan dan kita boleh seru kepada pihak Kerajaan Persekutuan sekarang untuk sabar melalui dan juga melakukan tindakan yang betul, iaitu membuat undang-undang yang akhirnya akan menjamin maruah yang saya sebut dalam ucapan *stimulate* pakej saya itu, bagaimana mempertahankan maruah Ahli-ahli Politik yang merayu, mendesak untuk kekal dipilih untuk membawa sesuatu misi dan membawa satu pandangan dan juga harapan dan akhirnya ia dihindari dengan sebab-sebab yang sangat *personal* dan sangat peribadi yang kita tak pasti, tidak ada asas-asas yang jelas dan justifikasi dan pemikiran besar untuk merubah sesuatu.

Pengalaman perubahan kerajaan kita cukup banyak. Tahun 69 sebagai contohn kita dengar wujudnya perikatan. Masa itu wujud *unifying factors*, kita faktornya adalah 1996. Kita faham pada waktu itu kita nak berdepan dengan masalah kemiskinan dan sebagainya. Tetapi tahun 2020 ape alasan justifikasi yang besar untuk merubah kerajaan, tak ada. Dan sebab itu, saya tak ikut dan kita kekal dengan Pakatan Harapan kerana saya yakin Pakatan Harapan adalah masih medium terbaik untuk mentadbir dan memerintah negeri dan negara.

Ahli Yang Berhormat sekalian, Ahli-ahli sekalian, saya rasa tak payah panjang kita ulas isu ini. Panjang balik kita akan mengulang Perlembagaan Persekutuan, perkara 10 dan

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

sebagainya. Cukup saya rasa dewan ini dengan bidang kuasa kita yang sedia ada, menetapkan dan membuat persetujuan agar Kerajaan Persekutuan yang ada sekarang menggubah ataupun membuat undang-undang untuk *Anti Hopping Law* ataupun anti melompat parti kerana ia ada masalah kepada isu keselamatan ataupun kemakmuran dan kestabilan persekutuan dan bahagian-bahagiannya ataupun negeri-negerinya.

Bagaimana kita lihat dalam kes, kita bercakap tentang COVID yang jelas selepas berlaku lompatan itu, berlakunya lonjakan yang luar biasa. Selepas sebelas hari tidak ada kes. Itu bukan maksudnya tak boleh buat apa, tetapi tidak ada kepimpinan yang jelas. Di saat kita sibuk nak cari siapa Perdana Menteri, siapa Perdana Menteri. Sekarang ini ada dua hujah, macam mana Kerajaan jatuh, Perdana Menteri letak jawatan ke ataupun nama-nama tujuh orang ini keluar daripada Pakatan Harapan. Sampai kiamatlah kes ini tak akan selesai dan berpuluh buku juga akan buat hujah. Oh Tun M letak jawatan sebab itu Kerajaan jatuh, oh yang ini lompat sebab itu jatuh. Cukuplah, kita dah dapat pengajaran COVID ini. Sebab beberapa langkah itu sahaja, akhirnya kes meningkat, kita kena MCO, kita kena tempoh PKP, ini semua adalah satu pengajaran kepada kita. Dan cukuplah saya rasa usul ini adalah satu usul yang baik walaupun dimulakan asasnya oleh Bukit Gasing, saya rasa Meru telah betulkan elimen dalam bidang kuasa kita, dalam ruang lingkup kita, tak boleh pula kita nak buat satu perkara dan usul dan keputusan melampaui bidang kuasa kita, itu tidak adil Namanya. Terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER :** Baik, maka kerana ada permohonan untuk pinda usul, yang di mohon oleh Meru perkara 30, maka saya minta Bukit Gasing, usul ini kita perlu pinda, pinda usul.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Sebab ada cadangan Speaker, daripada Meru dan disokong oleh Dusun Tua, kita harus putuskan sama ada pindaan kita terima atau tidak.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tadi ada pindaan daripada Meru, permohonan daripada Meru dan disokong oleh Dusun Tua, jadi saya mohon kepada Ahli-ahli Dewan, usul ini perlu dipinda jadi perlu, Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong sila katakan ya.

**AHLI-AHLI DEWAN :** Ya.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli yang tidak menyokong sila katakan tidak. Usul ini dipersetujui untuk pindaan itu. Dipersetujui dan ...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Kita nak pindaan

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**TUAN SPEAKER :** Deraf pindaan itu, pindaan itu ...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Pindaan dipersetujui

**TUAN SPEAKER :** Pindaan itu, dipersetujui, jadi saya minta deraf pindaan itu dikemukakan. Sebab dah kita setuju untuk pinda.

**Y.B. TUAN MOHD FAKRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Perlu dibacakan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Minta Meru denga fatwa lain, ini buka fatwa, ini pindaan.

**Y.B. TUAN MOHD FAKRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Ok, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Jadi saya bacakan semula pindaan usul iaitu Kerajaan Selangor menggesa dan mendesak Kerajaan Persekutuan untuk meminda undang-undang fasa 10 berkaitan dengan lompat parti dikosongkan kerusinya. Bukan?

**TUAN SPEAKER :** Ataupun saya berikan disini, saya ada disini. Boleh?

**Y.B. TUAN MOHD FAKRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Ha, disitu. Bagi Speaker lah.

**TUAN SPEAKER :** Baik, saya ada. Saya cuba kalau setuju. Bahawasanya Dewan Yang Mulia ini, menggesa dan mendesak Kerajaan Persekutuan meminda Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan demi menghalang Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negeri melompat parti. Sekiranya, sekiranya ianya, Ahli berkenaan, sekiranya ianya berlaku, perlu mengosongkan kerusi yang diwakili demi mempertahankan mandat rakyat yang diberikan oleh rakyat. Panjang pula sikit.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker. Sebenarnya kalau mengikut Perkara 10 Sub 2 (C), Parlimen sendiri beri membuat undang-undang, tak perlu kita pinda Perlembagaan.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bandar Baru Klang kerana kuasa tersebut telah diberikan di bawah peruntukan undang-undang tersebut, maka sepatunya boleh membuat satu akta lain yang untuk menyekat itu.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Terima kasih Sungai Panjang. Kali pertama dapat sokonga daripada dia.

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**TUAN SPEAKER :** Jadi kita kena susun balik lah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Iaitu, Dewan Yang Mulia ini, menggesa dan mendesak

**TUAN SPEAKER :** Kerajaan Persekutuan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Persekutuan, meminda, menggubal undang-undang.

**TUAN SPEAKER :** Menggubal undang-undang. Menggubal undang-undang, undang-undang anti lompat, jangan sebut lompat, lompat parti. Ok. Sekali lagi, kita baca. Bahawasanya, Dewan Yang Mulia ini menggesa dan mendesak Kerajaan Persekutuan meminda, menggubah undang-undang anti lompat parti demi, lompat parti, ok, demi menghalang Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negeri melompat parti. Melompat parti boleh? Sekiranya berlaku, perlu mengosongkan kerusi demi pertahankan mandat rakyat yang diberikan oleh rakyat. Ok la ya, saya baca sekali lagi ya, ok. Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawasa di dewan ini, satu usul yang sudah di pinda dan dikemukakan oleh Yang Berhormat Meru mengikut Perkasa 31, bahawasanya, Dewan Yang Mulia ini menggesa dan mendesak Kerajaan Persekutuan meminda, menggubal undang-undang anti lompat parti bagi menghalang Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negeri melompat parti. Sekiranya ianya berlaku, ahli berkenaan perlu mengosongkan kerusi demi mempertahankan mandat rakyat yang diberikan oleh rakyat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya.

**DEWAN :** Ya.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan mesyuarat seterusnya, usul untuk menangguhkan dewan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, kita telah habis semua urusan-urusan kita sepanjang sesi kedua dewan kita pada tahun 2020 ini dan saya rasa sangat gembira dapat melihat suasana serta hubungan yang sangat akrab dapat diwujudkan sepanjang kita membahaskan sehingga perkara-perkara penting seperti stimula pakej ataupun Pakej Rangsangan. Hatta, sampai kepada semangat yang ditimbulkan soal *Anti Hopping Law*, tadi kita dapat melihat bagaimana

**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

keserasian kita mencadangkan idea-idea yang bernas. Sepanjang saya di dewan, sebenarnya saya ada bertemu dengan beberapa orang wakil-wakil dan rakan-rakan kita yang banyak terlibat dengan Kerajaan Persekutuan dan beberapa dewan sebelum ini. Dan saya dapati antara komen yang sangat konsisten, sama ada oleh Ahli-ahli negeri kita, daripada negeri lain, bekas-bekas pegawai yang pernah bertugas di Persekutuan dan negeri ini, dan juga sebahagian yang terlibat dengan operasi dan tindakan politik, melihat bahawa Dewan Negeri Selangor ini adalah antara dewan yang *behave* dengan izin ataupun beradap ketika melakukan tindakan berbanding kata-kata dan remark-remark ataupun istilah-istilah yang tidak menyenangkan walaupun kadang kala kita saling usik-mengusik antara satu sama lain.

Jadi saya sangat berharap, agar perkara ini dapat kita kekal kan menjaga adab, supaya istilah Dewan Yang Mulia ini yang selalu disebutkan oleh sebahagian kita ini, dapat kita kekalkan. Perbezaan dan juga keadaan yang berbeza itu memang sepatutnya ada, barulah ia nama debat, kalau tidak kita hanya menimbulkan satu bentuk yang sekata yang tidak akhirnya membawa kepada kebaikan dan kesejahteraan yang menyeluruh kerana tidak ada *check and balance*. Sebab itu dewan ini memang salah satunya istilahnya dan semangatnya adalah untuk *check and balance*.

Ahli Yang Berhormat sekalian, jadi justeru itu, kita berharap selepas ini untuk sidang seterusnya iaitu dalam sidang bajet, kita akan terus berbahas dengan cara yang baik, kita yang akan terus *behave* dengan cara yang baik. Cukup-cukuplah orang melihat kita ini bukan sahaja sebagai katak melompat atau tidak ada pendirian, tetapi kadang kala kita tengok apa yang berlaku di dewan lain itu agak kurang menyenangkan dan menjadi istilah yang buruk serta imej yang buruk kepada kita selaku Ahli Politik mahupun Ahli-ahli dewan yang dipilih oleh rakyat untuk mewakili suara mereka dalam Dewan Yang Mulia.

Harapnya kita dapat terus meneruskan tradisi yang baik, pencapaian cemerlang ini dan kita dapat meneruskan kerja kita untuk masa-masa hadapan. Dengan itu saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah bertugas sepanjang dewan ini dan harapnya kita akan terus bekerja untuk memulihkan negeri kita selepas renjatan COVID-19 dan kita membawa usul-usul yang berguna dan baik kepada kebaikan dan kesejahteraan rakyat. Saya mencadangkan agar dewan ditangguhkan pada suatu masa yang akan datang. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan ini, saya mengambil peluang dan kesempatan disini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-

## **16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan di atas berkerjasama yang diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Ketiga kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, Urusetia, Pelapor-pelapor dan semua petugas-petugas yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan lancar.

Kepada semua Yang Berhormat sila semak draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke pentadbiran dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan agar penyata rasmi ini dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini hingga ke suatu masa yang akan di, yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 5.45 PETANG)**